

[Dokumen ini belum disemak]

## **PARLIMEN KESEBELAS**

**PENGGAL PERTAMA**

**MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 20**

**Rabu**

**15 Disember 2004**

---

### **K A N D U N G A N**

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

Perutusan Daripada Dewan Rakyat

(Halaman 1)

**URUSAN MESYUARAT**

(Halaman 2)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 2)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2005

(Halaman 26)

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Rabu, 15 Disember 2004**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[*Setiausaha membacakan Perutusan*]

**Perutusan Daripada Dewan Rakyat  
Kepada Dewan Negara**

**“14 Disember 2004**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya.

1. Rang Undang-undang Ordinan Buruh Sabah (Pindaan) 2004;
2. Rang Undang-undang Ordinan Buruh Sarawak (Pindaan) 2004;
3. Rang Undang-undang Tabung Pembangunan Kemahiran 2004;
4. Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 2004;
5. Rang Undang-undang Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan) 2004;
6. Rang Undang-undang Laporan Kewangan (Pindaan) 2004; dan
7. Rang Undang-undang Sewa Beli (Pindaan) 2004.

Yang ikhlas,

t.t

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT”.

### **URUSAN MESYUARAT**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah.

### **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Ratnam a/l Muthiah** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada cabutan loteri Magnum, Toto dan 1 + 3D dapat dikurangkan jumlah hari cabutannya dari 3 hari seminggu kepada satu hari sahaja kerana sebahagian besar orang miskin membelanjakan sebahagian besar pendapatannya untuk mencuba nasib mereka dan sekiranya dikurangkan berapakah kerugian kutipan cukai pihak kerajaan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekarang kerajaan tidak bercadang untuk mengubah jumlah cabutan pertaruhan nombor ramalan kerana bilangan cabutan yang sedia ada adalah sesuai dan munasabah. Kerajaan memahami implikasi aktiviti perjudian terhadap masyarakat. Namun, jika diberhentikan aktiviti perjudian tanpa lesen akan terus berleluasa, sukar dikawal dan boleh mengancam ekonomi dan keselamatan negara. Sekiranya hari cabutan dikurangkan kepada satu hari seminggu, jumlah kutipan cukai kerajaan dianggarkan berkurangan sebanyak RM620 juta setahun Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Ratnam a/l Muthiah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di atas jawapan itu. Soalan tambahan saya. Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini satu *survey* telah dijalankan oleh *New Straits Times*. Mengikut *survey*, wang sejumlah RM12 bilion setahun dijudi kebanyakannya oleh orang miskin. Dari RM12 bilion, RM6 bilion adalah dengan cara haram dari *bookie*. Ini

bermakna, RM250 juta seminggu dijudi oleh orang miskin untuk jadi kaya. Soalan saya, negara kami adalah negara Islam dan sepatutnya tidak boleh diadakan ataupun galakkan satu perjudian seperti ini. Tidakkah boleh kerajaan hapuskan perjudian ini dan selamatkan orang miskin yang ingin menjadi kaya tetapi tidak dapat jadi kaya? Soalan yang kedua Tuan Yang di-Pertua, kalau kerajaan tidak dapat menghapuskan judi, bolehkah kerajaan keluar lebih banyak lesen penjualan cara halal supaya dapat membendung *bookie-bookie* haram itu? Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya jumlah hari yang dibenarkan untuk cabutan ini telah pun dikurangkan. Kalau dahulu, lebih daripada sekarang, tetapi sekarang ini mulai Oktober 1994, cabutan nombor ramalan telah dikurangkan daripada lima hari seminggu kepada tiga hari seminggu. Dahulu, lima hari sekarang tiga hari seminggu, sudah kurang. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, kita adalah sebuah negara yang majmuk. Memang agama Islam adalah agama rasmi tetapi pelbagai kaum, pelbagai agama tinggal di sini, di Malaysia ini. Jadi, masing-masing ada budaya masing-masing, cara masing-masing. Sebab itu, kerajaan mengambil kira kesemua sekalilah.

Tentang perjudian ini oleh orang miskin, saya ingat bukan orang miskin sahaja yang berjudi. Semua yang kaya itu dia pergi ke kasino. Yang miskin itu, dia beli nombor, tempat ekor dan sebagainya. Ini memang berlaku. Jadi, kita ambil jalan tengah Tuan Yang di-Pertua. Kita benarkan sedikit, tidak begitu berleluasa dan sebenarnya lesen-lesen baru telah tidak dikeluarkan lagi Tuan Yang di-Pertua, sudah lama, lebih kurang 10 tahun tidak dikeluarkan.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Judi adalah satu perkara yang bertentangan dengan semua prinsip agama-agama dan haram di segi Islam dan telah banyak keburukan yang kita dapat tahu daripada hasil judi. Apakah kerajaan bercadang untuk membatalkan ataupun mengurangkan lesen judi yang sekarang setelah berjumlah 1,822 lesen judi di seluruh negara. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, memang saya sebut tadi bahawa Malaysia ialah sebuah negara Islam dan memang agama rasmi agama Islam tetapi saya sebut tadi bahawa banyak agama lain yang ada. Memang juga saya faham bahawa semua agama tidak *endorse*, melarang berjudi ini. Tetapi, bukan

agama sebenarnya, tetapi adalah budaya dan kebiasaan. Memang kerajaan tidak menggalakkan. Saya sebut tadi bahawa lesen baru telah tidak dikeluarkan, sudah lebih daripada 10 tahun.

Saya masih ingat dalam lingkungan tahun 1992 lagi tidak dikeluarkan lesen baru termasuk slot mesin dan lain-lain. *Even* premis untuk penjualan nombor ramalan, Toto dan sebagainya juga tidak ditambah. Yang ada cuma, kalau hendak pindah boleh, tetapi hendak tambah tidak boleh. Ini, kita sudah bendung. Kalau kita hapuskan semua sekali, jadi masalah juga, akan berlakulah seperti Yang Berhormat Dato' Ratnam sebut tadi, akan berlaku perjudian haram. Ini lebih parah lagi. Tadi, disebut *survey* oleh *New Straits Times*, RM12 bilion setahun, yang haram RM6 bilion. Jadi, akan meningkat lagi aktiviti yang haram ini Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ini bermakna, sudah ada usaha-usaha oleh pihak kerajaan tidak menambahkan lesen-lesen ini, sedangkan berkurangan. Saya jemput Puan Hajah Sharifah binti Dato' Syed Zain.

2. **Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan adakah pihak kementerian bercadang untuk mengubahsuai Bangunan Arked MARA supaya berdaya saing dengan kompleks swasta mengikut kesesuaian hari ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, kementerian ini dari semasa ke semasa sememangnya telah dan akan melaksanakan peningkatan serta pengubahsuaian terhadap bangunan-bangunan premis perniagaan yang dibina oleh MARA termasuklah bangunan Arked MARA. Keutamaan telah diberikan kepada kerja-kerja peningkatan dan pengubahsuaian kepada bangunan-bangunan yang telah lama dan usang, terutamanya yang tidak sesuai lagi bagi kegunaan sekarang untuk digantikan dengan bangunan-bangunan berkonsep baru yang lebih menarik, sebagaimana kompleks-kompleks swasta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah bilangan premis perniagaan MARA sedia ada sehingga 30 September 2004 adalah berjumlah 79 bangunan Arked MARA, 110 bangunan bazar, 19 bangunan bengkel, 3 bangunan gerai, 14 kawasan industri MARA, 27 bangunan kompleks dan 82 bangunan rumah kedai yang

mengandungi 5,536 lot-lot ruang niaga. Oleh kerana bilangan premis perniagaan MARA termasuk Arked MARA adalah banyak, maka peningkatan dan pengubahsuaian dilakukan secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan. Terima kasih.

3. **Dato' Omar bin Faudzar** minta Menteri Kewangan menyatakan mengapakah potongan gaji kepada peminjam projek perumahan yang meminjam daripada Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan masih diteruskan juga sedangkan projek yang dibeli oleh peminjam tersebut telah terbengkalai dan ini boleh membebankan masalah kewangan mereka. Apakah tindakan yang telah dan akan diambil bagi menyelesaikan masalah ini?

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, potongan gaji bagi pinjaman untuk projek terbengkalai masih diteruskan bagi mengutip semula jumlah bayaran berperingkat yang telah dibayar kepada pemaju. Potongan gaji adalah berkuat kuasa selepas 18 bulan dari tarikh bayaran pertama dikeluarkan. Bagi meringankan beban kewangan yang dihadapi oleh peminjam, bahagian perumahan memberi kemudahan di mana peminjam boleh membatalkan pinjamannya dan perkiraan faedah akan dikurangkan berasaskan amaun pinjaman yang telah dikeluarkan sahaja.

Peminjam yang membatalkan pinjaman adalah dibenarkan menyambung semula pinjaman apabila projek terbengkalai itu dipulihkan dengan syarat bayaran balik pinjaman melalui potongan gaji masih diteruskan, iaitu baki hutang masih belum selesai serta pemaju mengesahkan bahawa lot perumahan tersebut masih kekal atas namanya. Peminjam yang membatalkan pinjaman dan menyelesaikan pinjaman atas amaun yang dikeluarkan berserta faedah adalah dibenarkan membuat pinjaman baru di atas kelayakan semasa.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah kesusahannya bagi kerajaan memperkenalkan satu skim insurans kepada pembeli-pembeli rumah itu supaya apabila projek itu terbengkalai, maka mereka boleh menggunakan skim itu untuk membayar balik kerajaan, apa yang terhutang dan mereka tidak perlu menanggung sebarang kerugian memandangkan pada ketika ini, pasaran insurans di Malaysia hanya 30% daripada pasaran yang boleh didapati. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah idea baru yang saya dengar. Saya kira boleh kita *explore* perkara ini, di mana ini bermaksud

bahawa kalau peminjam itu mendapat pinjaman dan projek terbengkalai hendak dicover oleh insurans, bermakna kerajaan juga tidak rugi. Ini satu idea baru dan saya kira boleh di*explore*. Terima kasih.

**Dato' Omar bin Faudzar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kenapa kerajaan terus membuat potongan gaji kepada kakitangan kerajaan yang meminjam dan kerajaan telah mengeluarkan pinjaman mungkin 10% tetapi pinjaman potongan gaji diteruskan hampir 10 hingga 12 tahun tanpa berhenti. Saya kira kalau pengeluaran pinjaman sebanyak 10%, bayaran balik hanyalah lebih kurang dua atau tiga tahun sudah boleh selesai, tetapi diteruskan potongan gaji hampir 12 tahun.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah menjawab bahawa untuk meringankan beban kewangan di atas peminjam ini, maka pihak Bahagian Perumahan telah memberi kemudahan di mana peminjam boleh membatalkan pinjamannya dan perkiraan faedah akan dikurangkan berasaskan amaun pinjaman yang telah dikeluarkan sahaja. Ini bermakna kalau ada projek terbengkalai, peminjam boleh membatalkan perjanjian dengan pihak Bahagian Perumahan dan hanya membayar amaun yang dikeluarkan sahaja dan selepas itu peminjam ini boleh meminjam kali yang kedua bagi kelayakan mana yang ada pada beliau. Contohnya, katakan dahulu dia layak meminjam RM120,000. Selepas itu mungkin apabila dia naik pangkat sedikit mungkin dia boleh meminjam sehingga RM300,000. Ini bermakna sebelum itu dia meminjam RM120,000 dan kelayakan yang kemudian ini dia boleh gunakan lagi. Ini bermakna dia boleh meminjam dua kali.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang tambahan tadi?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ya, tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

4. **Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid** minta Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi menyatakan berapakah jumlah pinjaman TEKUN yang dikeluarkan dan berapakah peminjam sejak ianya dilaksanakan di seluruh negara dan adakah ianya mempunyai masalah kutipan balik.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi [Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid, saya mohon

izin untuk menjawab soalan yang hampir sama daripada Yang Berhormat Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee soalan 30 pada 16 Disember iaitu esok.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sebabnya Yang Berhormat?

**Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman:** Boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sebabnya?

**Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman:** Soalannya sama.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya benarkan.

**Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Program Pinjaman TEKUN dilaksanakan oleh kerajaan baru-baru ini. Yayasan TEKUN Nasional adalah bertujuan membantu usahawan-usahawan kecil bagi mendapatkan modal tambahan dengan mudah bagi meningkatkan perniagaan sedia ada. Pada amnya Yayasan TEKUN Nasional beroperasi mengikut Kawasan Parlimen. Ini memberikan akses yang lebih dekat dan menyeluruh kepada usahawan untuk berurusan melalui pejabat-pejabat kawasan.

Sejak Program Pinjaman TEKUN dilancarkan pada 25 Mei 1999 sehingga 31 Oktober 2004, Yayasan TEKUN Nasional telah mengeluarkan pinjaman berjumlah RM493,000.38 juta yang memberi manfaat kepada 103,251 orang usahawan kecil bumiputera di seluruh negara. Sehingga kini seramai 20,707 orang usahawan TEKUN iaitu 20.1% daripada jumlah peminjam telah berjaya menyelesaikan pinjaman mereka. Daripada kalangan mereka yang telah menyelesaikan pinjaman pula, seramai 17,959 usahawan TEKUN iaitu 86.7% telah mendapat pinjaman ulangan berjumlah RM158.37 juta. Setakat ini hanya seramai 665 peminjam atau 0.6% sahaja daripada peminjam yang telah tamat tempoh dan tidak pernah membuat bayaran balik kepada TEKUN.

Kementerian sememangnya telah pun menganjurkan pelbagai kempen dan seminar bagi mempromosi Skim Pinjaman TEKUN kepada orang ramai. Aktiviti ini akan terus dipergiatkan pada masa-masa akan datang. Selain daripada itu, maklumat mengenai syarat kelayakan pinjaman ini juga dipaparkan di laman web kementerian dan TEKUN untuk orang ramai melayari. Sebagai maklumat tambahan, pinjaman TEKUN diberikan antara RM1,000 hingga RM10,000 bagi pinjaman pertama dan sehingga RM20,000 bagi pinjaman kedua.

Dari segi impak keberkesanan pinjaman ini, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dengan kerjasama Universiti Teknologi MARA, Kampus Dungun, telah melaksanakan satu kajian impak ke atas peminjam-peminjam TEKUN di

Terengganu bagi mengkaji keberkesanan dan pencapaian program ini terhadap peningkatan perniagaan dan pencapaian program ini terhadap peluang kerja.

Hasil kajian mendapati 99.3% responden menjelaskan bahawa program TEKUN berjaya meningkatkan prestasi perniagaan mereka. Di samping sambutan terhadap program TEKUN amatlah menggalakkan di kalangan usahawan kecil bumiputera di seluruh negara. Yayasan TEKUN Nasional sentiasa memantau dan menilai perkembangan perniagaan peminjam dan prestasi program ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dato' M. Ratnam:

**Datuk M. Ratnam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, tidakkah boleh pinjaman TEKUN diluaskan kepada rakyat Malaysia yang bukan bumiputera supaya yang bukan bumiputera juga dapat menikmati pinjaman itu lebih-lebih lagi kebanyakan orang India juga adalah miskin. Terima kasih.

**Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman:** Setakat ini dasar yang ada adalah sedemikian. Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat, sekiranya ada keperluan permintaan, kementerian bersedia untuk mempertimbangkan. Untuk makluman, dari segi peluang kepada bumiputera misalnya, walaupun kerajaan melalui MARA mensyaratkan kemasukan pelajar-pelajar misalnya, kepada kaum Melayu dan bumiputera tetapi kerajaan juga memberi kelonggaran 10% kepada pelajar bukan bumiputera memasuki institusi pengajian MARA di seluruh negara. Dalam konteks ini, hal yang sedemikian tidak mustahil untuk dilaksanakan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Puan Hajah Samsiah binti Samsudin

**Puan Hajah Samsiah binti Samsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah negeri manakah yang mempunyai pulangan atau bayaran balik dengan baik dan sebaliknya? Dan bagaimana pemberian bonus dikira kepada pegawai TEKUN? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ini mungkin terkeluar sedikit daripada soalan asal. Walau bagaimanapun, terpulang kepada Yang Berhormat untuk menjawab atau pun tidak.

**Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya cuba menjawab yang kurang memerlukan angka *detail*. Secara keseluruhannya negeri yang mencatat bayaran balik yang baik bagi program ini ialah Sarawak, sementara yang menjadi tegar di dalam ini adalah Negeri Sabah. Tuan Yang di-Pertua, dari segi *detail*, saya tidak ada maklumat bagi yang dimaksudkan. Terima kasih.

**5. Datuk Yaakob bin Haji Mohammad** minta Perdana Menteri menyatakan sehingga Oktober 2004, nama-nama negara di mana Petronas sudah pun mengadakan usaha sama mencari gali minyak dan gas serta jumlah pelaburan modal yang terlibat sejak ianya beroperasi. Nyatakan jumlah keuntungan yang telah diperoleh sehingga Jun 2004 dan strategi jangka panjang usaha-usaha ke arah meningkatkan lagi pelaburan di negara-negara lain.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini Petronas telah mengadakan usaha sama mencari gali minyak dan gas termasuk menjalankan aktiviti urus niaga berkaitan di 35 buah negara seperti Algeria, Angola, Chad, Cameroon, Bahrain, Negeri China, Indonesia, Mesir, Libya, Iran, Pakistan, Mozambique, Myanmar, Vietnam, Turkistan.

Jumlah pelaburan modal untuk aktiviti cari gali, pembangunan dan pengeluaran di luar negara sehingga 30 September 2004 adalah USD 9.4 bilion, manakala jumlah untung yang diperolehi untuk tempoh yang sama adalah USD4.9 bilion. Adalah dijangkakan bahawa jumlah keuntungan ini akan terus meningkat pada masa hadapan selaras dengan peningkatan jumlah pengeluaran minyak dan gas.

Strategi jangka panjang urus niaga Petronas di luar negara ialah untuk mengembang usaha sama dengan negara-negara lain dalam mencari gali minyak dan gas. Selain daripada aktiviti cari gali minyak dan gas, Petronas juga telah berusaha mengembangkan urus niaga dalam sektor hiliran (*downstream*), dengan izin, seperti penapisan minyak, pemprosesan gas asli, urus niaga penjualan produk petroleum dan petrokimia. Ini adalah untuk menambah nilai hasil minyak dan gas, meningkatkan integrasi operasi di sektor hulu dan hiliran serta mengembangkan aktiviti-aktiviti urus niaga di peringkat antarabangsa.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dato' Dr. S. Vijayaratnam

**Dato' Dr. S. Vijayaratnam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat di atas jawapan yang diberi. Soalan tambahan saya ialah mengenai cari gali juga. Bagaimana perkembangan satu kes di mana ada sedikit pertikaian ataupun *dispute*, dengan izin, di antara Malaysia dan Indonesia di atas satu tapak di luar pantai Sabah yang dikatakan penuh dengan *reserve* gas dan petroleum? Terima kasih.

**Dato' Mohd. Johari bin Baharum:** Yang Berhormat, saya ingat soalan ini tidak berkaitan sangat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terpulang kepada Yang Berhormat untuk menjawab.

**Dato' Mohd. Johari bin Baharum:** Jadi, saya rasa, saya tidak ada jawapan sekarang ini. Kalau Yang Berhormat berminat juga mungkin kita boleh jawab secara bertulis.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Puan Siti Zailah.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff :** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, sejauh manakah perkembangan operasi pendaratan gas di Songkla sekarang ini dan berapakah pelaburan modal Malaysia dalam projek usaha sama dengan Kerajaan Thailand?

**Dato' Mohd. Johari bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan dengan Thailand ini saya tidak ada maklumat kerana perkara ini di peringkat awal lagi. Jadi, saya akan cuba mendapatkan maklumat yang secara *detail* dan sekiranya dapat saya akan memaklumkan kepada Yang Berhormat secara bertulis. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dato' Dr. Chin Fook Weng.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Saya harap soalan tambahan saya ada jawapan. *[Ketawa]* Berkenaan dengan usaha sama di antara Petronas dengan negara-negara itu, adakah dalam perjanjian itu kita juga berkongsi apa yang telah dicari? Dan kalau ada, adakah itu akan memastikan bahawa Malaysia akan mempunyai minyak mungkin selepas 30 tahun seperti yang dijangkakan di Malaysia sahaja?

**Dato' Mohd. Johari bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya hanya menjawab soalan yang berkaitan. Kalau Yang Berhormat bertanya dengan soalan yang tidak berkaitan, saya tidak boleh beri jawapanlah.

Berkenaan dengan *reserve* minyak ini memanglah di antara sebab kita *explore* minyak ke luar negara ialah untuk menambah *reserve* kita. *Reserve* kita di Malaysia ini tidak banyak. Kita terpaksa mendapat *concession* daripada negara-negara yang kita labur iaitu di antaranya ialah daripada Sudan. Perjanjian kongsinya semua kita ada, misalnya selain daripada *reserve* minyak itu umpamanya apabila kita melabur di Sudan, sekarang ini syarikat-syarikat Malaysia yang besar/gergasi seperti Ranzil, Peremba, NF Energy Sdn. Bhd. dan AMC Corporation, kita telah *secure* lebih kurang

USD9 bilion kontrak yang berbentuk *construction*, ada yang setengahnya kita buat terminal, ada yang setengahnya melibatkan *facilities* untuk *piping* dan sebagainya.

Jadi, berkenaan dengan *reserve* itu banyak juga *reserve* yang kita hasilkan daripada perjanjian-perjanjian yang kita dapat. Sehingga Mac 2004, *reserve* yang dipegang oleh Petronas di luar negara ialah 6.29 bilion tong atau *barrels* dan peningkatan ini ialah sebanyak 32% daripada jumlah 4.7 bilion tong pada Mac 2003. Ini bermakna memang kita ada *reserve* di luar negara. Terima kasih.

**6. Datin Paduka Jaya Partiban** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah Sekolah Kebangsaan dan juga Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil yang keadaan fizikalnya tidak begitu selamat untuk digunakan dan bilakah sekolah-sekolah ini akan diperbaiki supaya murid-murid dari sekolah-sekolah ini dapat meneruskan pelajaran mereka dalam keadaan selamat dan kondusif.

**Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]:** Tuan Yang di-Pertua, terdapat dua pertanyaan pada hari ini yang menyentuh isu bangunan sekolah lama tidak selamat dan peruntukan membaik pulih sekolah-sekolah ini. Pertanyaan-pertanyaan tersebut ialah daripada Yang Berhormat Datin Paduka Jaya Partiban dan kedua Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri. Izinkan saya menjawab bersama pertanyaan tersebut secara serentak.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kerana ada persamaan? Saya benarkan, silakan.

**Dato' Hon Choon Kim:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, sehingga Jun 2004 Jabatan Kerja Raya telah mengenal pasti 48 buah sekolah rendah yang mempunyai komponen-komponen bangunan yang tidak selamat di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, 39 buah daripadanya adalah Sekolah Kebangsaan (SK), 7 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan 2 buah Sekolah Kebangsaan Tamil (SJKT). Komponen-komponen yang tidak selamat itu termasuklah keretakan tiang, tiang utama reput, kayu kekuda patah, pendawaian elektrik yang lama, kayu yang dimakan anai-anai, kebocoran bumbung dan siling, lantai konkrit bertetulang dan bangunan terlalau uzur.

Sebagai langkah pendek, bangunan-bangunan ini telah dikosongkan atau diubah fungsi menjadi stor sementara, kerja pembaikan atau penaiktarafan dibuat. Pihak Kementerian Pelajaran memang berhasrat menggantikan bangunan tersebut tetapi masih tidak dapat dilaksanakan lagi dalam jangka masa terdekat. Keselamatan

dan penyelesaian murid-murid sekolah di seluruh negara sentiasa diberi keutamaan oleh pihak kerajaan tanpa mengira lokasi sama ada di bandar, luar bandar ataupun pedalaman, Sekolah Kebangsaan atau Sekolah Jenis Kebangsaan dan Sekolah Bantuan Penuh ataupun Bantuan Modal. Terima kasih.

**7. Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta Perdana Menteri menyatakan pendirian beliau mengenai kebanjiran individu yang menerima gelaran 'Datuk'. Perlukah ditetapkan syarat-syarat dan kod etika khas bagi penerima gelaran kehormat tersebut untuk memastikan ia hanya dikurniakan untuk individu yang benar-benar layak dan dihormati di dalam masyarakat.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin memohon menjawab dua soalan Yang Berhormat Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee bersama-sama dengan Puan Ooi Siew Kim kerana soalnya adalah bersamaan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya benarkan.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Dalam proses pertimbangan untuk penggunaan dan darjah kebesaran Persekutuan, tapisan sememangnya menjadi salah satu syarat yang telah ditetapkan bagi menentukan calon-calon yang dipilih adalah terdiri daripada mereka yang berhak atau berakhlak baik, bermoral tinggi dan bersih daripada melakukan jenayah. Nama mereka dirujuk kepada tapisan oleh pihak Badan Pencegah Rasuah dan Polis. Mereka yang lulus di dalam tapisan ini sahajalah yang akan ditawarkan untuk menerima Darjah Kebesaran Persekutuan. Penggunaan Darjah Kebesaran yang membawa gelaran mempunyai had bilangan masing-masing pada setiap tahun sama ada Darjah Kebesaran Negeri atau Persekutuan. Oleh yang demikian tidak timbul masalah banjiriran seperti yang dibangkitkan.

**Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kita dapat lihat bahawa penerima anugerah ini datangnya kadang-kadang daripada yang berumur 25 tahun ke atas. Pada pandangan saya apakah jasa umur 25 tahun ini untuk diberi pengiktirafan Darjah Kebesaran yang bergelar Dato'. Saya bagi contoh Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan ini...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, 25 tahun ke atas ataupun ke bawah?

**Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Ke atas. 26 tahun, 27 tahun diberi anugerah Dato'. Saya beri contoh di dalam Dewan ini ada juga Yang Berhormat yang telah berjasa berumur lebih daripada 40 tahun hingga 50 tahun tetapi tidak diberi pengiktirafan. Kalau boleh saya minta Yang Berhormat memberi pandangan bagaimana untuk mengawal penganugerahan ini. Terima kasih.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Sebenarnya Yang Berhormat, soalan ini memang selalu ditanya berkenaan dengan penerimaan darjah kebesaran ini. Pada peringkat Persekutuan kita tidak mempunyai masalah kerana kita mempunyai satu jawatankuasa yang mempunyai kredibiliti kerana dipengerusikan oleh KSN. Selepas itu nama-nama yang dicalonkan akan dipertimbangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan diterima pakai selepas itu kalau mereka ini disahkan tidak ada masalah dari segi jenayah dan sebagainya.

Di peringkat nasional kita mempunyai kuota-kuota yang tertentu. Jadi menjawab soalan 25 tahun ini saya rasa ini di peringkat negeri, kalau di peringkat Persekutuan kita tidak ada dan untuk pengetahuan tuan-tuan semua kita di peringkat Persekutuan kita mempunyai kawalan dan kuota tertentu. Umpamanya berkenaan dengan penganugerahan Tun, Tun kita ada kuota 25 orang (SMN) dan setakat hari ini hanya 24 orang baru terima. Yang hidup hanya 14 orang. Tun kita ada 2 orang SSM dan SMN, Tun yang juga yang satu lagi 25 orang juga kuota dia setakat hari kita hanya 32 orang dan yang masih hidup hanya 21 orang. Dan begitu juga dengan Tan Sri dan sebagainya. Di peringkat Persekutuan kita amat teliti. Setakat hari ini belum lagi yang ada masalah. Ada juga yang menerima pingat ini atau anugerah ini yang mempunyai masalah. Kita biasa tarik balik yang telah menerima Tun, Tan Sri dan juga Dato' di peringkat Persekutuan. Masalah sekarang ini mungkin di peringkat negeri. Di peringkat negeri ini bukan bidang kuasa Kerajaan Persekutuan tetapi ia hak Raja-Raja. Jadi, Yang Berhormat Yang Berhormat yang belum lagi dapat menerima Dato' saya rasa teruslah bagi sumbangan mungkin kita pertimbangkan.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan perkara ini juga disuarakan oleh Sultan Selangor baru-baru ini, adakah kerajaan bercadang supaya membentangkan satu agenda dalam persidangan Raja-Raja yang akan datang supaya isu ini dapat dipertimbangkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan juga Sultan-sultan bersama supaya satu pendekatan yang baik boleh diputuskan. Terima kasih.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Sebenarnya berkenaan dengan anugerah pingat-pingat di peringkat negeri ini terpulang kepada Raja-Raja. Kita kerajaan Perdana Menteri hanya beri nasihat, Menteri-menteri Besar hanya boleh beri nasihat jadi terpulanglah kepada Raja-Raja, dia orang hendak dengar nasihat kita dia orang terimalah, itu hak dia. Kita hanya boleh cadang kalau dia orang tidak hendak bagi tidak bagi juga. Kalau saya cadang nama Yang Berhormat tetapi kalau Sultan Selangor tidak setuju kita tidak boleh buat apa walaupun Menteri Besar dan Perdana Menteri sokong tetapi kalau sultan tidak hendak bagi tak payahlah. Ini hak. Kita hanya sebagai Jawatankuasa untuk membuat tapisan membantu kepada kerja-kerja anugerah ini. Terima kasih.

**8. Tuan Chiam Yong Tee** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) kadar pengangguran negara pada tahun ini, dan
- (b) apakah rancangan kerajaan untuk menurunka kadar tersebut.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Tuan Chiam Yong Tee. Mengikut laporan ekonomi bagi tahun 2003 dan 2004 memberikan unjuran kadar pengangguran negara pada tahun 2004 ialah 3.4%. Kadar ini adalah masih di dalam definisi full employment iaitu di bawah kadar 4%. Bagi mengurangkan kadar tersebut kementerian ini telah melaksanakan pelbagai program di samping menyediakan latihan yang menumpukan kepada pembangunan sumber manusia untuk meningkatkan kebolehan pekerjaan. Dalam pasaran pekerjaan khususnya latihan dalam bidang kemahiran. Dalam konteks ini kementerian ini telah dan akan terus meningkatkan program dan aktiviti berikut:

- (i) melaksanakan program skim latihan graduan (SLG) dengan menawarkan latihan dalam bidang teknologi maklumat dan telekomunikasi, bahasa Inggeris dan Mandarin, perakaunan pengurusan perniagaan serta program pembangunan eksekutif di samping memberi latihan praktikal selama dua bulan di syarikat-syarikat yang bekerjasama dengan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB).

- (ii) kementerian ini melalui PSMB telah melaksanakan Skim Pekerja yang telah diberhentikan kerja dan penganggur (SLP).
- (iii) menggalakkan pencari kerja mendaftar bagi mencari pekerjaan secara *on line* melalui *Electronic Labour Exchange* (ELX) atau di mana-mana pejabat Jabatan Tenaga Kerja yang berdekatan.
- (iv) mengadakan pesta pekerjaan ataupun *job fare* yang dianjurkan oleh Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia dari masa ke semasa bagi membantu menemukan pencari kerja dan majikan melalui temu duga terbuka. Panduan kerjaya dan maklumat pasaran buruh juga diberikan kepada mereka.
- (v) mengadakan ceramah-ceramah kerjaya kepada sekolah-sekolah dan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dalam usaha memberi penerangan mengenai keadaan pasaran buruh dan panduan bagi siswazah merancang kerjaya mereka.
- (vi) menyebarkan maklumat pekerjaan melalui Career Information Centre (CIC) dalam laman web kementerian.
- (vii) menyediakan latihan kemahiran kepada pelajar-pelajar lepasan sekolah dan belia melalui institusi-institusi latihan awam dan swasta yang berdaftar di bawah Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK). Setakat ini sebanyak 1,840 institusi yang berdaftar dengan MLVK dan 7,140 program telah disediakan dan 14 buah institut latihan perindustrian (ILP) sebuah Institut Teknikal Jepun Malaysia (JMTI), 4 buah teknologi tinggi advance technology ataupun ringkasnya ATEC dan sebuah pusat latihan pengajian kemahiran lanjutan (SIAS) di bawah Jabatan Tenaga Kerja.
- (viii) Kelapan, kementerian ini juga menyediakan pinjaman melalui Tabung Pembangunan Kemahiran (TPK) bagi belia-beliea mengikuti kursus sijil Kemahiran Malaysia (SKM) yang ditauliahkan oleh MLDK di institusi-institusi latihan kemahiran swasta.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu kementerian ini juga melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad juga melaksanakan Skim Latihan PSMP-

ACCP sejak 2 Ogos 2004 sebagai projek perintis bagi melatih graduan dalam bidang IT sebagai pekerja pakar dalam *software development* yang sangat diperlukan oleh industri teknologi maklumat.

Semua pelatih dikehendaki mengikuti latihan intensif selama 5.4 bulan bagi pengkhususan *client server* dan 5.7 bulan bagi pengkhususan *open source technology*. Setelah tamat latihan *off the job*, semua pelatih dikehendaki mengikuti latihan *on the job* di premis majikan penaja bagi tempoh tiga bulan. Sekiranya majikan penaja berpuas hati dengan prestasi pelatih-pelatih tersebut mereka akan ditawarkan pekerjaan dengan majikan penaja berkenaan.

Buat permulaan, seramai 118 orang pelatih telah dipilih dengan bantuan kewangan berjumlah RM1.98 juta untuk mengikuti latihan dalam bidang pengkhususan tersebut. Terima kasih.

**Tuan Chiam Yong Tee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan saya ialah apakah bentuk bantuan yang kerajaan sudi memberi pada kumpulan orang kurang upaya (OKU) supaya mereka juga dapat peluang pekerjaan yang sesuai.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Sememangnya pihak Kementerian Sumber Manusia mempunyai sebuah jawatankuasa teknikal bagi orang kurang upaya. Jawatankuasa teknikal ini bagi orang kurang upaya sentiasa memberikan pandangan, saranan kepada pihak Kementerian Sumber Manusia. Di antara perkara-perkara yang telah diberikan ataupun disumbangkan dan telah diambil langkah oleh Kementerian Sumber Manusia, iaitu melatih orang-orang kurang upaya ini dalam pelbagai bidang termasuk sebagai operator dan juga termasuk dalam bidang komputer, kemahiran bahasa, dalam bidang kraf dan juga bidang-bidang yang dianggap mempunyai keupayaan kepada orang kurang upaya seperti penyambut tetamu dan sebagainya. Terima kasih.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya berapa ramai siswazah-siswazah yang masih lagi menganggur dan apakah pengangguran mereka ini disebabkan jurusan yang mereka ambil ini tidak lagi sesuai. Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Setakat ini jumlah siswazah yang mendaftar dengan pihak Kementerian Sumber Manusia yang sedang mencari pekerjaan berjumlah dalam lingkungan 14,000 orang. Kebanyakan siswazah itu masih lagi kita

sesuaikan dengan bidang-bidang pekerjaan terutamanya di pihak-pihak majikan termasuk juga di pihak-pihak jabatan-jabatan kerajaan.

Masalah yang utama, yang dihadapi oleh siswazah ini untuk mendapatkan pekerjaan kerana mereka tidak mempunyai kebolehan yang baik dalam bahasa Inggeris, tidak mempunyai kemahiran dalam bidang IT ataupun ICT dan juga masalah PR ataupun perhubungan, ataupun percakapan mereka yang kurang memuaskan ketika mereka ditemu duga. Terima kasih.

**Datuk Mohamed Jin bin Samsudin:** Soalan tambahan saya ialah apakah mereka yang diberhentikan kerja diistilahkan sebagai penganggur? Dan jika ya, minta dijelaskan di dalam Dewan yang mulia ini berapa ramaikan di kalangan mereka. Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Terima kasih. Sememangnya mereka yang diberhentikan kerja ataupun yang tidak bekerja walaupun mereka dahulu pernah bekerja tetapi diberhentikan ataupun tidak bekerja, mereka ini memang diistilahkan sebagai penganggur. Oleh itu apabila Kementerian Sumber Manusia menyedari hakikat ini, kementerian telah mengambil beberapa langkah, iaitu di antaranya menubuhkan satu skim yang dikenali sebagai Skim Latihan Pekerja Yang Diberhentikan Kerja dan Penganggur.

Bagi tujuan ini, kementerian telah memulakan skim ini semenjak 25 November 2001. Kebanyakan yang diberhentikan kerja itu banyak sebab dan kebanyakan yang menganggur adalah berkelulusan SPM atau STPM. Sejauh ini, sebanyak 11,483 pelatih yang telah diluluskan latihan dengan bantuan sebanyak RM67 juta untuk mengikuti latihan di bawah skim ini.

Skim Latihan Pekerja Yang Diberhentikan yang dianjurkan oleh pihak Kementerian Sumber Manusia akan diteruskan, dan akan ditambah peruntukan tambahan mulai 1 November 2004 ini sebanyak RM5 juta lagi disebabkan banyaknya permintaan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, adakah penganggur ini termasuk juga mereka yang tidak mahu bekerja ataupun yang memilih untuk bekerja?

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Memang termasuk Tuan Yang di-Pertua.

**9. Tuan Osman bin Bungsu** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) berapakah bilangan sekolah rendah di perkampungan Orang Asli di bawah pengurusan kementerian dan bagaimanakah tahap penguasaan kemahiran 3M (Membaca, Menulis, Mengira) di kalangan pelajar tersebut, dan
- (b) apakah langkah-langkah pemantauan terhadap pengurusan sekolah ke arah peningkatan profesionalisme pengajaran dan pembelajaran guru di sekolah berkenaan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman terdapat 96 buah sekolah rendah murid Orang Asli di bawah pengurusan Kementerian Pelajaran sejak April 1995. Kementerian Pelajaran sedar masih terdapat kelemahan di kalangan murid Orang Asli dalam penguasaan kemahiran 3M. Untuk menangani masalah tersebut Kementerian Pelajaran telah melaksanakan Program Khas Murid Orang Asli ataupun PKOA sejak tahun 1999 dengan kerjasama UNICEF. Murid yang memperoleh markah kurang daripada 30% dalam peperiksaan akhir tahun dua bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dan Matematik dipilih untuk mengikuti program ini.

Sebagai jawapan untuk (b), Kementerian Pelajaran sentiasa memberi penekanan terhadap tahap *competency* profesional serta peningkatan prestasi pada guru tidak kira guru di kawasan bandar atau guru yang bertugas di kawasan luar bandar atau pedalaman termasuklah di sekolah murid Orang Asli.

Untuk mencapai tahap guru yang berkualiti, berbagai-bagai kursus dalam perkhidmatan dilaksanakan. Antara kursus yang dilaksanakan ialah:

- (i) projek khas untuk guru-guru sekolah Orang Asli,
- (ii) projek peningkatan prestasi sekolah luar bandar dan pedalaman iaitu model Pensiangan/Salinantan,
- (iii) kursus dalam perkhidmatan selama satu tahun,
- (iv) kursus dalam perkhidmatan selama 14 minggu,
- (v) kursus dalam perkhidmatan selama lapan minggu,
- (vi) kursus dalam perkhidmatan selama enam minggu,
- (vii) kursus pendek kelolaan maktab selama empat minggu,
- (viii) kursus peningkatan profesionalisme selama dua minggu,
- (ix) program bestari,

- (x) program peningkatan literasi ICT,
- (xi) program khas pensiswazahan guru, dan
- (xii) pendidikan jarak jauh.

Semua kursus tersebut dilaksanakan sepanjang tahun di maktab-maktab perguruan atau on site iaitu di sekolah, Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tuan Osman bin Bungsu, wakil masyarakat Orang Asli di Dewan Negara. Silakan.

**Tuan Osman bin Bungsu:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kerana prihatin terhadap perkembangan pendidikan di kalangan masyarakat luar bandar khususnya Orang Asli.

Soalan tambahan saya, adakah kementerian telah mewujudkan pegawai khas menyelia, mengawas pengurusan sekolah dan juga guru bermasalah.

Untuk makluman, bulan yang lepas saya telah melawat lebih 10 buah sekolah Orang Asli. Ada guru yang telah diberi nama Isnin bin Rabu. Maksudnya cikgu datang hari Isnin dan balik hari Rabu. Inilah yang perlu dipantau dalam tugas ini.

Begitu juga pemantauan ini diberikan kepada pihak pengurusan sekolah yang saya hadir pada waktu-waktu persekolahan di mana ada sekolah yang menamatkan waktu persekolahan sebelum pukul 12.00 tengah hari. Saya berharap perkara ini mendapat perhatian pihak Yang Berhormat dalam melaksanakan tanggungjawabnya.

Soalan tambahan yang kedua, apakah langkah-langkah yang telah dirancang untuk meningkatkan prestasi akademik dan juga untuk menarik minat pelajar ini datang ke sekolah. Yang kita tahu rata-rata bila saya tanya mengapa pencapaian akademik pelajar Orang Asli rendah? Jawapannya kerana bapa tidak berminat menghantar anak ke sekolah, tidak ada ..... macam-macam alasan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Osman bin Bungsu:** Jadi, saya harap dapat penjelasan daripada Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Puan Komala Devi:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa berusaha untuk meningkatkan tahap profesionalisme guru-guru kita tidak kira sama ada di kawasan bandar ataupun luar bandar. Kursus-kursus diberi untuk

meninggikan pengetahuan dari segi *pedagogi* agar kelas-kelas yang dijalankan selalu segar dan dapat menarik perhatian murid-murid.

Tetapi hal-hal pelajaran adalah satu soalan untuk satu masyarakat dan kami harap dengan kerjasama yang Kementerian Pelajaran telah wujudkan bersama-sama dengan pemimpin-pemimpin tempatan dan juga persatuan ibu bapa dengan pihak sekolah, kami harap dengan kerjasama ini kami dapat memaklumkan kepada ibu bapa betapa pentingnya mereka menghantar anak-anak mereka ke sekolah.

Sekiranya Yang Berhormat mendapati bahawa di kawasan Yang Berhormat ada kekurangan ataupun kelemahan guru, silalah bawa perkara ini kepada perhatian kementerian dan kami akan membuat siasatan dan mengambil tindakan serta-merta yang sewajarnya.

Bagi menambahkan keupayaan murid-murid Orang Asli, bahan-bahan khusus dari segi pembelajaran telah pun disediakan seperti buku aktiviti murid, buku cerita motivasi, kad-kad pembelajaran akses sendiri bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dan juga Matematik dan pada tahun ini sebagai langkah tambahan, kementerian telah menghasilkan enam judul buku aktiviti murid untuk Bahasa Melayu dan juga enam judul bukan aktiviti untuk Matematik khusus untuk PKMOA bagi membantu lagi penguasaan 3M di kalangan murid-murid Orang Asli.

Buku-buku tersebut akan diedarkan kepada semua sekolah Orang Asli pada akhir tahun ini. Terima kasih.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, bagi PKMOA (Program Khas Murid-murid Orang Asli), adakah penilaian dibuat di atas keberkesanannya dan adakah prestasi murid itu dipertingkatkan selepas mengambil program ini. Terima kasih.

**Puan Komala Devi:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian sentiasa memantau dan juga memberi perhatian kepada prestasi murid Orang Asli khususnya dalam Peperiksaan UPSR dan mengikut kajian kami pada tahun lalu, tahun 2003 kami dapati bahawa untuk Bahasa Melayu fahaman, tahap penguasaan minimum adalah sebanyak 54%, untuk Bahasa Melayu penulisan adalah 43%, Bahasa Inggeris agak kurang sedikit iaitu 20%, Matematik 32% dan Sains 32% dan kami sentiasa mengambil langkah untuk penambahbaikan prestasi ini. Terima kasih.

**10. Tuan Saravanan a/l Murugan** minta Perdana Menteri menyatakan setakat hari ini sejauh manakah peningkatan yang telah dibuat oleh kerajaan untuk merealisasikan peningkatan ekuiti bagi kaum keturunan India dari 1.5% ke 3% seperti yang dinyatakan di dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Yang Ke-3 (2001-2010).

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Saravanan, bakal Presiden MIC. Yang Berhormat telah meminta jawapan ini dua kali. Satu kali pada bulan November tahun 2003 dan juga Jun 2004. Jawapan secara bertulis telah pun diberikan. Walau bagaimanapun, saya akan jawab sebahagian daripada jawapan yang telah diberikan kepada Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, maklumat terkini berkaitan hak milik modal saham di sektor korporat sedang dikemas kini untuk tujuan perancangan dasar dan strategi di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Dengan demikian maklumat berkaitan hak milik modal saham di sektor korporat yang terkini adalah berdasarkan data bagi tahun 2002 seperti dijadual 3-5 dan 3-6 Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan.

Hak milik modal saham kaum India pada tahun 2002 adalah sejumlah RM5.9 bilion atau 1.5%. Maklumat mengenai pencapaian usaha meningkatkan ekuiti kaum India hanya dapat diperolehi setelah satu proses penyediaannya selesai dijalankan.

Untuk maklumat Yang Berhormat, sekali lagi saya ingin menegaskan di sini, bahawa kerajaan adalah komited di dalam melaksanakan dasar yang ditetapkan bagi memastikan pencapaian sasaran 3% pemilikan ekuiti masyarakat India menjelang 2010.

Kerajaan akan terus menyediakan peluang-peluang penyertaan kepada kaum India melalui pelaksanaan program-program berikut :

- (i) memiliki kepentingan dalam sektor korporat melalui penyertaan dalam skim-skim saham Amanah Seperti Amanah Saham Wawasan 2020 Dan Amanah Saham Malaysia di samping tabung-tabung amanah yang diluluskan oleh pihak swasta;
- (ii) pemilikan ekuiti melalui program penswastaan;
- (iii) latihan pengurusan dan latihan keusahawanan; dan
- (iv) bantuan kewangan termasuk skim kredit makro bagi usahawan dan bakal-bakal usahawan dan juga peluang perniagaan

termasuk dalam industri kecil dan sederhana dan juga untuk maklumat Yang Berhormat pemilikan modal saham kaum India telah bertambah kepada RM14.3 juta, ini pada nilai par iaitu berkembang pada kadar purata 7.6% setahun dalam tempoh tahun 2001 tahun 2002. Sekian terima kasih .

**Tuan M. Saravanan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, tiga tahun telah berlalu sejak pengumuman dibuat oleh pihak kerajaan bahawa ekuiti kaum keturunan India akan meningkat dari 1.5% ke 3%. Bolehkah pihak kerajaan memberitahu apa pelan *comprehensive*, saya cukup pasti kerajaan memang serius dengan pengumuman tetapi rakyat keturunan India masih keliru sedikit. Sama ada kerajaan betul-betul serius atau tunggu sehingga menjelang tahun 2010 dan akan mengumumkan bahawa kaum keturunan India telah mencapai 3% dengan rangkaian daripada beberapa individu misal kata kaum keturunan India yang peratus yang ditunjukkan 1.5% ini cuma daripada beberapa individu orang macam Datuk Ananda Krishnan, Datuk Ratnam bukan rakyat jelata. So saya harap kerajaan akan memberi, sampai sekarang tidak ada pelan *comprehensive* menunjukkan kerajaan betul-betul serius. Saya sebagai ahli Dewan Negara, saya cukup pasti kerajaan serius tapi rakyat jelata masih keliru lagi. Boleh tidak kerajaan memberi satu pengumuman macam mana kerajaan akan merancang untuk mencapai 3% ini. Terima kasih.

**Datuk M. Kayveas:** Terima kasih Yang Berhormat, termasuklah Yang Berhormat Saravanan, dia datang ke Parlimen Dewan Negara dia pakai *S Class 3 HT high class*, kita masih pakai Perdana, itu pun sudah masuk *workshop [Ketawa]*.. sekarang guna kereta ganti.

Untuk makluman Yang Berhormat, ini bukan sahaja tugas kerajaan, Yang Berhormat juga perlu faham apa masalah sebenarnya. Di antara sebab-sebab pencapaian ekonomi kaum India kurang memuaskan adalah berpunca daripada kekurangan pengalaman, pengetahuan, kemahiran pengurusan, kekurangan modal dan serta jaringan perniagaan yang tidak meluas dan juga di samping itu masih wujud pemusatan penglibatan peniaga India dalam beberapa aktiviti tertentu sahaja seperti perniagaan runcit, pengedaran, restoran dan pembinaan. Mereka ini kalau ada satu kedai nasi kandar dia ada 10 orang pun hendak jual nasi kandar, satu orang jual 12 jam, 24 jam semua orang hendak jual 24 jam. Kalau ada satu kedai teh tarik dan roti canai di kawasan itu semua orang pun hendak jual roti canai.

Pengusaha India perlulah melibatkan secara aktif dan lebih meluas dalam sektor-sektor yang lain untuk mempunyai potensi yang tinggi untuk berkembang seperti bio-teknologi, peralatan dan kejenteraan, pembungkusan dan juga pembangunan multimedia dan peniaga-peniaga kaum India juga kurang dapat pendedahan kepada maklumat mengenai peluang dan program yang ada dan ini telah mengehadkan *accessibility* kaum India kepada peluang-peluang berkenaan dan menyebabkan kekurangan penyertaan kaum India dalam program-program yang disediakan oleh kerajaan.

Tetapi kerajaan telah, saya ulangi kerajaan telah menjelaskan bahawa peluang penyertaan bagi kaum itu akan disediakan juga menerusi pelaksanaan pelbagai program merangkumi pemilikan kepentingan dalam sektor korporat melalui penyertaan dalam skim saham amanah seperti Amanah Saham Wawasan 2020 dan Amanah Saham Malaysia selain tabung amanah yang diuruskan oleh pihak swasta dan juga kaum India juga diberi peluang perniagaan dalam industri kecil dan sederhana selain usaha sama setelah latihan kemahiran di pusat giat MARA dan kolej komuniti.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat kerajaan dalam RMK8 menentukan bahawa 28 dana yang disediakan boleh diakses oleh bukan bumiputera itu termasuk kaum India dan juga kerajaan telah menawarkan sebanyak 665 tempat kepada belia India untuk ambil bahagian di pusat giat MARA dan juga untuk pengetahuan Yang Berhormat, pendapatan per kapita kaum India juga telah meningkat 4.1% iaitu daripada RM2,702 kepada RM3,000 pada tahun lepas.

Dan juga untuk maklumat Yang Berhormat kalau kita bandingkan tahun demi tahun daripada tahun 1950 jumlah adalah RM1.6 bilion iaitu 1%, tahun 1995 - RM2.7 bilion, tahun 1998 - RM4.5 bilion, 1999 - RM4.7 bilion. Boleh nampak ini meningkat dan tahun 2000 - RM5.1 bilion dan tahun 2002 - RM5.9 bilion iaitu jumlah 7.6 %.

Kita boleh nampak saham itu meningkat tetapi hanya dia punya *value* mungkin tidak sama dengan *values* yang lain. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Peluang ini dibukakan kepada semua tidak kira apa keturunannya termasuk tidak kira fahaman politik.

**Datuk M. Kayveas:** Benar, Tuan Yang di-Pertua.

11. **Dato' Rhina Bhar** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah keputusan pihak kerajaan untuk membina "*linkage*" kedua untuk negeri Pulau Pinang memandangkan wujudnya percanggahan kenyataan di antara Menteri dan Timbalan Menteri mengenai perkara tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Kaya [Dato' Yong Khoon Seng]:**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman ahli Yang Berhormat, mengenai pembinaan sebuah lagi jambatan yang menghubungkan tanah besar dan Pulau Pinang, ingin dimaklumkan bahawa *feasibility study* dengan izin, berhubung dengan cadangan ini telah dijalankan oleh Kementerian Kerja Raya. Walau bagaimanapun, penetapan masa pelaksanaan projek ini belum diputuskan lagi kerana ianya melibatkan kos pembinaan yang tinggi. Sekian.

12. **Tuan Krishnan a/l Maniam** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan kenapakah permohonan PR (Penduduk Tetap) yang dipohon oleh warganegara asing yang telah bermastautin di negara kita lebih daripada 10 tahun masih tidak dapat diluluskan. Apakah prosedur dan syarat untuk mendapatkan status penduduk tetap di negara ini.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Datuk Tan Chai Ho]:** Tuan Yang di-Pertua, pemberian taraf pemastautin tetap adalah merupakan hak mutlak kerajaan dan tidak boleh dipersoalkan. Syarat-syarat yang digunakan bagi menganugerahkan taraf pemastautin tetap adalah seperti berikut:

- (i) orang asing yang mempunyai permit masuk yang sah yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia dan memiliki pasport antara bangsa negara asal;
- (ii) mereka yang lahir di Malaysia sebelum merdeka di mana-mana kedua-dua ibu bapa bukan warganegara dan menetap di Malaysia;
- (iii) mereka yang menggunakan sijil anak angkat, di mana maklumat mengenai taraf ibu bapa kandung disahkan tidak diperolehi.

Tuan Yang di-Pertua, permohonan bagi mendapatkan kemudahan permit masuk hendaklah dikemukakan di Jabatan Imigresen Malaysia mengikut seksyen 10(3) Akta Imigresen 59 dan 63. Sekiranya permohonan tersebut ditolak dan pemohon tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, pemohon bolehlah mengemukakan rayuan kepada Yang Berhormat Menteri dalam masa 30 hari daripada tarikh surat

penolakan Jabatan Imigresen tersebut mengikut seksyen 10(3) Akta Imigresen 59 dan 63. Keputusan yang dibuat Yang Berhormat Menteri ini adalah muktamad. Sekian, terima kasih.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Berapakah bilangan kes-kes seperti ini yang tertunggak sehingga 2004 dan saya ingin bertanya kepada pihak kementerian bagaimanakah pendatang tanpa izin boleh terus memiliki Kad Pengenalan ataupun MyKad walaupun baru tiga bulan berada di negara kita. Pada hal kami sebagai pemimpin selalu mendapat sindiran sesetengah pemohon bahawa kalau susah sangat untuk mendapatkannya dari kerajaan lebih baik mereka merujuk kepada pihak-pihak yang boleh mempercepatkan untuk mereka memiliki Kad Pengenalan ataupun MyKad. Terima kasih.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, pemberian taraf kewarganegaraan dan pemastautin tetap adalah anugerah yang tertinggi Kerajaan Persekutuan kepada orang-orang asing yang menetap di negara ini. Jadi, mereka mesti memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh kerajaan dan semua maklumat yang diberikan akan ditapis dan disiasat secara teliti. Oleh itu fakta lama atau mengambil masa yang lebih panjang adalah diperlukan.

Kita tidak akan memberikan taraf kewarganegaraan atau taraf penduduk tetap kepada orang-orang asing yang tidak boleh menyumbang kepada negara ini. Kerana apa yang mereka dapat, mereka tentulah boleh menikmati keistimewaan dan kemudahan seperti mereka yang lahir di negara ini. Oleh itu kita memerlukan masa yang cukup untuk memproses semua permohonan. Mengenai kes-kes tertunggak, saya tidak ada perangkaan yang spesifik tetapi mengikut jangkaan saya sehingga 2004 memanglah ada lebih kurang 5,000 kes yang belum diproses.

Walau bagaimanapun, kementerian ini telah mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mempercepatkan proses permohonan-permohonan ini.

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua, pendatang asing yang datang dalam tempoh tiga bulan boleh dapat MyKad. Saya pun rasa terkejut, kalau mengikut rekod atau maklumat yang saya ada, tidak pernah ada pekerja asing tanpa izin yang datang masuk ke Malaysia terus mendapat taraf pemastautin tetap. Jadi, kalau Yang Berhormat ada butir-butir bolehlah rujuk kepada saya supaya saya akan

mengambil tindakan dan pastikan perkara-perkara seperti ini tidak berlaku lagi. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan bagi jawab lisan telah pun cukup.

***[Masa bagi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]***

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2005**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” ***[14 Disember 2004]***

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang saya minta Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayarajam untuk menyambung perbahasan.

#### **11.14 pagi**

**Dato' Dr. S. Vijayarajam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang saya sebut semalam pandangan saya ialah berkenaan dengan orang-orang kenamaan dan orang-orang tinggi di dalam badan-badan sukan. Pandangan saya ialah lebih baik atau lebih sesuai jika pentadbiran dan pengurusan badan-badan sukan dilaksanakan dan dijalankan oleh pakar-pakar atau pemain-pemain terkenal yang sudah lama berkecimpung dalam sukan tersebut.

Contoh yang saya beri semalam ialah pelantikan Dato' Ruslin sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur. Tuan Yang di-Pertua, pandangan saya ini adalah satu lantikan yang begitu sesuai dan wajar, oleh kerana beliau naik *promosinya* melalui saluran-saluran di dalam perkhidmatan awam dan juga dari jabatan berkenaan iaitu Dewan Bandaraya *rank and file*, dengan izin. Semua kakitangan pun beliau kenal dan sebaliknya, saya percaya beliau juga boleh menjadi seorang Datuk Bandar yang bagus, yang baik dan begitu berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Perkhidmatan Diplomatik negara kita, lebih baik kalau seorang Duta atau seorang Pesuruhjaya Tinggi pun dari Wisma Putra juga yang naik, yang dipromosikan di dalam kementerian tersebut. Oleh kerana beliau begitu fasih dengan pentadbiran dan perjalanan hal-hal luar negara. Dahulu kadangkala Duta tersebut dilantik terus dari golongan politik atau orang terkenal. Pada pendapat saya itu tidak berapa sesuai, lebih baik sekali lagi dengan *rank and file* begitu juga dengan badan-badan sukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf jika sesiapa salah faham atau berasa tercela di atas ucapan saya, tetapi pandangan dan cadangan saya ialah yang jujur dan untuk kebaikan dan perkembangan sukan negara. Saya terima kita masih perlu bantuan orang-orang besar dan orang-orang kenamaan untuk sumbangan wang dan mengutip derma tetapi saya percaya juga jika pengurusan sukan ada di dalam tangan pakar dan profesional sepenuhnya taraf dan mutunya di dalam dan di luar negara akan meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi ke topik akhir ialah di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan ucapan ini saya buat selepas membaca bermacam-macam kenyataan dan laporan di dalam surat-surat khabar tentang pembantu-pembantu rumah dari Indonesia. Saya minta Tuan Yang di-Pertua menyentuh perkara memorandum persefahaman tentang skim gaji baru untuk pembantu-pembantu rumah dari Indonesia.

Kerajaan Indonesia ingin meminta gaji 20% lebih dari sekarang iaitu gaji bersih RM500 sebulan untuk seorang pembantu rumah. Pertengkaran pihak Indonesia ialah pembantu-pembantu rumah pada masa sekarang menerima gaji yang paling rendah apabila dibandingkan dengan Singapura dan Hong Kong. Tetapi amaun RM500 tersebut tidak mencerminkan gambaran yang sebenar. Ini boleh dikatakan betul-betul gaji bersih sahaja, sangat bersih. Majikan diwajibkan memberi penginapan, makanan, barang-barang persendirian dan sebagainya, termasuk air dan elektrik dan juga kos rawatan perubatan untuk pembantu tersebut, itu pun harus diberi dengan percuma. Pembantu tidak perlu mengeluarkan satu sen pun untuk dua tahun kontraknya.

Pihak Indonesia bilang jika gaji lebih, mutu pembantu pun akan meningkat. Tuan Yang di-Pertua, kadang kala ini tidak benar. Mendapat seorang pembantu yang baik, cekap dan jujur mengikut nasib. Boleh bayar RM1,000 pun dan dapat seorang yang kurang memuaskan. Sebenarnya, mereka tidak faham cara sosial dan

kebudayaan Malaysia. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, saya telah dengar banyak aduan oleh majikan-majikan Islam tentang pembantunya yang beragama Islam juga, sebaliknya ada juga majikan-majikan bukan Islam, yang sangat puas hati dengan pembantu Indonesianya yang beragama Islam dan mohon membaharui kontraknya dua atau tiga kali. Saya percaya kebanyakan masalahnya bukan berkenaan hal agama.

Tuan Yang di-Pertua, gaji lebih tidak akan menjamin seorang pembantu bermutu tinggi, kebanyakan masalahnya pulang kepada agensi-agensi buruh asing. Ada yang baik dan ikhlas, tetapi ada yang kurang baik dan tamak duit sahaja. Ada yang membekal pembantu-pembantu.....

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammed:** Yang Berhormat, minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila, Yang Berhormat Datuk Yaakob.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammed:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya. Saya bersetuju sangat tentang pandangan Yang Berhormat berkaitan dengan kualiti mutu pembantu rumah. Di sini saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat berkaitan dengan sindiket yang membekalkan pembantu-pembantu rumah kepada keluarga-keluarga sama ada keluarga Islam ataupun bukan Islam. Sindiket yang beroperasi ini menjalankan kegiatan mereka, memang sindiket membekalkan tenaga kerja dan dengan tempoh yang pendek. Umpamanya setiap keluarga terpaksa membayar mungkin sekitar RM3,000 atau RM4,000 untuk mendapat seorang pembantu rumah.

Dan, memang sindiket pun tahu pembantu yang akan dihantar ke rumah keluarga tersebut dijangka dua bulan atau tiga bulan keluarga itu akan menolak pembantu rumah tersebut kerana tahap kualitinya memang amat mendukacitakan. Sindiket ini juga dari segi melakukan jenayah membuat *duplicate* kunci rumah dan ketika tuan rumah tidak ada, sindiket inilah yang akan menggunakan kunci-kunci yang telah pun *diduplicate*kan oleh pembantu rumah tersebut yang memang di kalangan sindiket jenayah. Bagaimana pemantauan dibuat oleh Imigresen untuk mengatasi masalah ini? Terima kasih.

**Dato' Dr. S. Vijayaratham:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Datuk Yaakob. Saya memang setuju di atas kewujudan sindiket-sindiket. Dan, sindiket-sindiket tersebut bukan yang sah, bukan yang *legal*. Saya pun percaya mereka tidak caj sampai RM3,000, oleh kerana lebih

kurang RM3,000 itu yang diminta oleh buruh-buruh asing yang sah, yang didaftar. Sindiket-sindiket tersebut, tanda penariknya ialah “Oh! Tidak payah bayar fee yang tinggi”, saya percaya kurang daripada RM3,000.

Tetapi seperti Yang Berhormat Datuk Yaakob kata, pembantu itu, saya ingat pun sudah diberi arahan, “Okay, you tinggal di rumah ini untuk dua bulan dan you cabut.” Cabut sahaja, balik ke agensi dan pembantu itu akan ditawarkan kepada suatu keluarga yang lain. Dan ada pusingan. Memang ada operasi begini oleh sindiket-sindiket yang boleh dikatakan haram. Saya harap Jabatan Imigresen akan mengambil perhatian di atas perlakuan ini dan cuba sedaya upaya mengawal operasi sindiket-sindiket seperti ini. Oleh kerana ini, macam Yang Berhormat Datuk kata tadi, satu lagi akibatnya ialah jenayah, dia buat *duplicate* kunci dan juga pembantu itu tahu rumah itu, di mana almari, di mana tuan rumah simpan duit, di mana ada kunci kereta, semua dia sudah tahu. Semua penerangan ini dia boleh beri kepada pihak-pihak tertentu, pihak jahatlah, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato’ Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Mohon laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato’ Musa.

**Dato’ Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Adakah dengan pengampunan sekarang ini yang dilakukan oleh Kementerian Dalam Negeri ini akan menggalakkan banyak lagi sindiket yang akan melakukan perkara-perkara begini? Terima kasih.

**Dato’ Dr. S. Vijayaratnam:** Tuan Yang di-Pertua, di sini saya boleh beri pandangan saya. Oleh kerana pengampunan tersebut, saya percaya untuk pekerja-pekerja di ladang-ladang dan kilang-kilang pekerja-pekerja yang tidak sah, yang datang tanpa izin. Saya tidak tahu undang-undang ini atau pemaafan ini untuk pembantu-pembantu rumah, tetapi macam Yang Berhormat Dato’ Musa kata tadi boleh jadi ini satu penggalakan atau *encouragement* oleh kerana selalu ada pemaafan.

Mereka kata, “Okay! Tahun depan pun boleh, mesti ada pemaafan, kita masuk, kita kerja”, tetapi saya rasa ini terkeluar sedikit dari topik saya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, istilah yang digunakan adalah ‘pengampunan’.

**Dato’ Dr. S. Vijayaratnam:** Pengampunan, *forgiveness*, dengan izin. Boleh saya teruskan?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila teruskan.

**Dato' Dr. S. Vijayaratnam:** Tuan Yang di-Pertua, ada agensi-agensi yang membekal pembantu-pembantu yang tidak ikut garis panduan yang diminta oleh majikan. Jika ditolak, majikan disuruh pergi ke Jabatan Imigresen, pergi ke sana, pergi ke sini, bayar sana, bayar sini, akhirnya majikan kena bayar sekali lagi untuk pembantu baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya majikan-majikan rumah tangga bersiap sedia untuk bayaran lebih sedikit, tetapi dengan jaminan bahawa mereka akan mendapat pekerja yang baik. Peningkatan gaji harus diikuti dengan prestasi yang baik dan memuaskan. Pada masa yang sama, Tuan Yang di-Pertua, majikan tertentu tidak boleh menganggap pembantunya sebagai seorang hamba. Ada yang memberi kerja tanpa rehat. Kita tidak boleh menjangka pembantu tersebut masak, cuci kain, menyapu dan membersihkan rumah, jaga anak-anak kecil, cuci kereta, semua sekali tiap-tiap hari. Sesiapa orang manusia pun tidak boleh, nanti boleh jadi *engine break down*, dengan izin.

Oleh kerana demikian, saya juga merayu kepada majikan-majikan bertimbang rasa dan baik hati sedikit kepada pembantu-pembantu rumahnya. Dengan fahaman prinsip *give and take* dengan izin barulah boleh mewujudkan harmoni dan keamanan perhubungan di antara majikan dan pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya ingin memberi sokongan penuh saya kepada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2005. Sekian terima kasih.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Osman bin Bungsu. Timbalan Yang di-Pertua tidak mahu membuat keputusan. Biar saya membuat keputusan. Mohon maaf. Saya akan mengambil maklum.

**11.31 pagi.**

**Tuan Osman bin Bungsu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2005.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya mohon ganggu sebentar. Kita ada sepanjang hari ini sahaja lagi untuk semua Yang Berhormat berbahas. Saya akan cuba memberikan masa kepada sebanyak mungkin dan saya harap Yang Berhormat bersedia berdiri dan untuk membantu kita supaya semua dapat berucap meringkaskan jawapan supaya semua memperolehi peluang. Mengikut jadual kita jawapan oleh Yang Berhormat Menteri-Menteri ke atas perbahasan kita akan diadakan esok. Jadi sila teruskan.

**Tuan Osman bin Bungsu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Juga terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah di atas perlantikan Yang Berhormat Senator yang baru semoga dapat bersama-sama menyumbang dan mengambil bahagian dalam apa jua perbahasan di Dewan Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Budget 2005 mampu mencapai matlamat Pertumbuhan Ekonomi yang telah lebih seimbang dengan menyediakan asas ke arah disiplin kewangan lebih kukuh bagi mengurangkan defisit negara serta meningkatkan nilai kehidupan rakyat.

Saya rasa bajet ini merupakan mesra rakyat kerana sebahagian besarnya memberi tumpuan kepada sumber manusia. Bajet ini juga memberi galakan kepada sektor swasta untuk terus menjadi sumber utama dalam menjana ekonomi negara selain daripada memberi pembelaan kepada kakitangan awam, orang kurang upaya, pasukan keselamatan dan sebagainya. Bajet ini juga jelas dapat merealisasikan janji kerajaan dalam manifesto pilihan raya yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mencapai strategi yang keempat, kita melihat kerajaan telah memastikan kesejahteraan melalui peningkatan kualiti hidup. Dengan azam untuk menghapuskan kemiskinan tegang. Dengan menyediakan peruntukan RM94 juta, manakala peruntukan khususnya pembangunan Orang Asli sebanyak RM77.3 juta. Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini saya melihat satu perkara yang amat penting dalam penyelesaian peningkatan ekonomi di kalangan masyarakat Orang Asli iaitu dalam fokus pemilikan tanah. Iaitu isu mengenai pemberian pemilikan tanah kepada Orang Asli telah mula dibincangkan pada peringkat Jawatankuasa Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan pada tahun 1992 dan beberapa ketetapan mengenai telah pun di buat.

Ia telah dibuat dan dibincangkan semula pada tahun 1997 oleh Jawatankuasa Khas dan seterusnya kertas dasar dan garis panduan syarat-syarat pemilikan tanah

kepada Orang Asli telah dibentangkan dan dipersetujui oleh Pengarah-pengarah Tanah Malaysia pada bulan September 1997. Ini dapat kita rujuk Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 6/1997.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kes pembahagian pemilikan tanah ini kalau kita lihat data Orang Asli yang berjumlah sekarang ini sehingga Disember 2003 berjumlah 147,412 orang terdiri daripada 29,833 ketua isi rumah. Mereka tinggal di seluruh 69 buah perkampungan meliputi keluasan tanah 138,285.79 hektar. Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan tanah ini telah diwartakan sebanyak 19,222.5 hektar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi Yang Berhormat sedang bercakap mengenai isu menyentuh *constituency* Yang Berhormat lah.

**Tuan Osman bin Bungsu:** Ya

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau mereka di Dewan Rakyat mempunyai kawasan-kawasan sebagai konstituensi. Yang Berhormat-Yang Berhormat di Dewan Negara pun masing-masing mempunyai konstituensi tetapi tidak dibataskan oleh sempadan-sempadan di atas tanah. Tetapi mempunyai identiti-identiti tertentu masing-masing. Jadi bahaskanlah membela nasib mereka.

**Tuan Osman bin Bungsu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi semangat kepada saya untuk membela kaum Orang Asli yang kita rata-rata dalam kemiskinan 7-80%.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi konstituensi Yang Berhormat 147,000 orang.

**Tuan Osman bin Bungsu:** Ya

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu lebih banyak daripada konstituensi di Perlis.

**Tuan Osman bin Bungsu:** Terima kasih kerana memberi pengetahuan itu kepada pihak senator-senator yang ada. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyambung. Yang kedua, tanah yang diluluskan oleh kerajaan negeri untuk di *reserve*, yang ini bukan diberi milik sebagai kawasan Orang Asli belum diwartakan sebanyak 28,768 hektar atau 21%.

Yang ketiga, tanah yang dipohon oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli direservakan sebagai kawasan Orang Asli sebanyak 79,715.53 hektar yakni 57.3%. Tanah yang diduduki oleh Orang Asli tetapi tidak mendapat kelulusan tertentu direserve hutan simpan kekal kawasan tadahan air, *reserve* Taman Negara dan *reserve* PERHILITAN seluas 9,873.04 hektar atau lebih kurang 7%.

Begitu juga dengan tanah milik individu Orang Asli seluas 644.17 hektar yakni lebih kurang 0.5% yang diberikan oleh kebanyakan hanya Kerajaan Pahang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini saya mencadangkan supaya pihak kerajaan mewujudkan dasar pemberian hak milik tanah kepada Orang Asli. Ini kerana pemberian pemilikan tanah ini secara berdaftar kepada masyarakat Orang Asli dapat mengatasi pelbagai masalah yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli dan juga pihak kerajaan.

Dengan terlaksananya dasar pemberian hak milik tanah kepada Orang Asli akan mewujudkan *sense of security* kepada masyarakat Orang Asli serta persamaan pemilikan tanah seperti dinikmati oleh kaum-kaum lain.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, membolehkan masyarakat Orang Asli tinggal kekal, tidak lagi mengamalkan budaya kehidupan yang berpindah-randah dan seterusnya mengintegrasikan masyarakat Orang Asli ke dalam arus pembangunan masyarakat perdana.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, mewujudkan rasa tanggungjawab ke atas aset yang dipegang dan dapat mengatasi masalah tanah-tanah yang dieksploitasikan oleh pihak tertentu untuk kepentingan tertentu. Ini dapat kita lihat baru-baru ini di mana Orang Asli menjadi kaya, Orang Asli menjadi jutawan di dunia tetapi pada hakikatnya, apa erti kekayaan jika tanah milik mereka tidak ada. Ini banyak berlaku bila kerajaan- kerajaan negeri hendak mengambil tanah untuk pembangunan pihak-pihak tertentu maka tanah ini diambil dan digantikan dengan tanah baru supaya mereka pindah dalam masa lima tahun untuk mencari makanan baru, kehidupan baru. Ini amat sukar Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menunjukkan juga keprihatinan kerajaan ke atas kebajikan masyarakat Orang Asli, ini selaras dengan Perlembagaan Persekutuan Perkara 8 – Hak Sama Rata dan Perkara 160 – Kebajikan Orang Asli.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak adakah peruntukan Yang Berhormat maksudkan itu dalam Kanun Tanah Negara?

**Tuan Osman bin Bungsu:** Ada peruntukan tetapi peruntukan ini hanya daripada Kerajaan Persekutuan tetapi pemberian tanah adalah hak milik kerajaan negeri. Inilah kalau dapat diselaraskan.

Tuan Yang di-Pertua, yang kelima, membolehkan diwujudkan satu sistem kawalan untuk menjamin tidak akan berlaku pindah milik secara tidak sah. Tuan Yang

di-Pertua, tanah-tanah ini juga dijadikan sebagai faktor penyumbang ekonomi, memudahkan pelaburan, pembangunan dan tidak akan terbiar. Pembangunan yang dilaksanakan akan dapat memberi pulangan yang maksimum. Kita rasa seperti mana yang dijawab oleh pihak Menteri tadi bahawa kaum lain pun ada ekuiti dalam ekonomi negara tetapi saya ingat Orang Asli belum ada lagi ekuiti dalam pemilikan harta negara. Tidak tahulah kalau ada Yang Berhormat Puan Siw Chun.

Yang keenam Tuan Yang di-Pertua, pemilikan tanah yang sah juga akan dapat memantapkan sistem sosial hak wanita bila berlaku perceraian dan akan dapat mengatasi masalah pampasan bila berlaku pengambilan balik tanah. Ini kita lihat berlaku dalam kes di Johor di mana Orang Asli menang dalam perbicaraan ini. Jadi saya rasa dengan adanya hak ini kita mendapat pembelaan, iaitu pampasan ini dapat disamatarafkan dengan yang diberi kepada masyarakat-masyarakat lain. Begitu juga untuk mengawal dan memudahkan tindakan sebarang bentuk pencerobohan yang berlaku di tanah Orang Asli.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan ini juga, saya memfokuskan kepada infrastruktur masyarakat luar bandar iaitu dalam membahaskan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, iaitu perbelanjaan yang seimbang dan peruntukan perbekalan tahun 2005 digunakan secara berfokus supaya taraf hidup dan jurang ekonomi masyarakat luar bandar dengan masyarakat bandar dapat dikurangkan. Kemudahan ini termasuklah kemudahan jalan kampung, bekalan air, elektrik dan sebagainya. Kita tahu kita sudah 47 tahun Merdeka dan lima tahun sebelum Merdeka, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah memimpin Orang Asli tetapi apakah erti kemerdekaan kepada Orang Asli sekiranya kawasan pedalaman mereka tidak dibekalkan air, tidak dibekalkan dengan elektrik dan juga kemudahan jalan.

Jadi saya berharap kepada pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah memberi fokus perkara ini kerana kemudahan-kemudahan ini amat penting dalam menjanakan kehidupan masyarakat berdasarkan arus perdana sekarang. Saya tahu bahawa nilai tanah di kawasan pedalaman jika diberi peluang, kemudahan ini akan dapat digunakan oleh masyarakat Orang Asli sebaik mungkin. Dengan adanya, umpamanya, kemudahan elektrik yang ada dapat dibekalkan, kemudahan pembangunan minda, peningkatan ekonomi dapat dilaksanakan di perkampungan-perkampungan Orang Asli.

Sebagai contoh, saya berharap kepada pihak kementerian dapat melaksanakan satu projek *solar hybrid system*, yang mana sistem ini dapat membekalkan elektrik 24 jam dengan peruntukan yang murah. Kalau dibandingkan untuk membawa elektrik ke sesebuah kampung yang sejauh 12 km. memerlukan berjuta-juta ringgit bagi membekalkan elektrik tetapi dalam *solar hybrid system* yang dilaksanakan, contohnya, di Kampung Orang Asli Denai, Rompin telah melibatkan kos kurang daripada RM1 juta. Dengan kos di bawah RM1 juta ini telah meningkatkan pengetahuan Orang Asli di kawasan pedalaman, di mana mereka dapat menggunakan kemudahan ini – menggunakan peti aisnya, dapat menggunakan peti TVnya, dapat menggunakan juga peningkatan ekonomi, kalau boleh dijadikan Satu Kampung Satu Industri dapat dilaksanakan dalam ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat telah mengambil masa selama 15 minit. Banyaklah lagi yang hendak diketengahkan?

**Tuan Osman bin Bungsu:** Ada sedikit. Berikan saya lima hingga sepuluh minit lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Osman bin Bungsu:** Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan kemudahan jalan raya dalam perkampungan Orang Asli, saya harap pihak kementerian memantau perkara ini kerana peruntukan yang begitu besar dibelanjakan oleh pihak kementerian untuk membangunkan infrastruktur ini tetapi nilai atau kualiti jalan yang dibuat hanya tahan untuk setahun dua. Jadi saya berharap pembangunan ini bila kita bagi peruntukan yang besar kepada pembinaan jalan agar jalan ini bertahan antara lima hingga 10 tahun atau lebih. Begitu juga dengan kemudahan asas air dapat diteruskan demi rakyat di kawasan pedalaman dapat menikmati air bersih sepanjang pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga saya berharap pihak kementerian dapat melonggarkan syarat kepada pembinaan rumah-rumah PPRT di kampung-kampung masyarakat Orang Asli kerana perbincangan semalam kita lihat peruntukan RM13,000 bagi sebuah rumah untuk dibina di kawasan perkampungan Orang Asli bukan semestinya dapat RM13,000. Apa yang saya faham ialah kebanyakan tender yang diberikan kepada pihak kontraktor adalah di bawah RM10,000. Dengan RM10,000 campur dengan keuntungannya, di bawa dengan bahan-bahan itu ke dalam kawasan pedalaman, saya melihat kualiti pembangunan rumah ini tidak seperti apa yang

diharapkan ataupun dengan kata-kata lain, mengikut spesifikasi yang diharapkan oleh kerajaan. Saya rasa ini akan merugikan kerajaan. Jadi, satu pemantauan atau satu jawatankuasa pemantau perlu diwujudkan dalam pembinaan-pembinaan rumah PPRT di kawasan luar bandar ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah juga melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dapat juga memperluaskan peruntukan pembangunan minda, iaitu kemasukan pelajar-pelajar ke IPTA dengan memperluaskan skop bantuannya kepada pelajar-pelajar yang memasuki IPTS kerana pelajar-pelajar yang masuk ke IPTA tidak ramai, kerana dasar meritokrasi ini kadang-kadang menyekat juga kemasukan pelajar Orang Asli dalam institut pengajian tinggi.

Di sini juga saya berharap gabungan tenaga dan daya pemikiran, usaha-usaha Kementerian Pelajaran dapat disatukan bagi menggalakkan Orang Asli dan memperluaskan skop Orang Asli masuk ke IPTA, dengan melonggarkan sedikit dasar meritokrasi ini kepada Orang Asli dan juga penduduk-penduduk di luar bandar kerana kita melihat penduduk luar bandar ini ialah pemangkin ekonomi masyarakat luar bandar.

Kalau ada satu kampung, satu keluarga, satu orang yang memiliki pendidikan ke peringkat ijazah, saya rasa orang inilah juga yang akan membangkitkan kembali kampung-kampung yang ada di pedalaman mereka. Setidak-tidaknya idea mereka apabila pulang ke kampung, dia melihat perkampungan mereka yang daif ataupun keadaan mundur dapat juga disuarakan kepada pihak-pihak yang berkenaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat tadi janji hendak tambah lima minit lagi. Sekarang lima minit, itu pun sudah berlalu. Yang Berhormat sedang bercakap mengenai unsur-unsur meritokrasi. Jadi kalau kita pakai juga unsur-unsur meritokrasi sebagai sukatan kepada tahap pencapaian perbincangan, ucapan Yang Berhormat selama ini sudah pun bermerit. Mungkin kalau Yang Berhormat terus panjang-panjang sangat, merit itu akan merosot.

**Tuan Osman bin Bungsu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berikan saya dalam masa seminit dua lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bajet ini, saya juga menyentuh mengenai pihak Kementerian Pelajaran tadi di atas saranan mengatasi masalah ponteng. Saya berharap pihak kementerian dapat melihat perkara ini begitu serius. Bukan sahaja di

peringkat perkampungan orang Asli, juga berlaku di bandar-bandar. Jadi, perkara ponteng ini perlu diambil tindakan tegas oleh pihak kementerian dengan mengadakan langkah-langkah yang lebih drastik, terutamanya saya mencadangkan supaya penggunaan guru bimbingan kaunseling ini digunakan sepenuh masa, digunakan sepenuh tenaganya untuk mengurangkan tenaga ponteng sekolah ini.

Contohnya dengan meningkatkan peruntukan guru kaunseling supaya guru kaunseling ini dapat menyebarkan aktiviti terutama waktu-waktu selepas peperiksaan. Banyak aktiviti yang diadakan di luar kadang-kadang pihak kaunseling atau pihak sekolah minta sana, minta sini untuk menjalankan aktiviti.

Jadi saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, supaya bukan sahaja peruntukan guru kaunseling ini dipertingkatkan malah jawatan beliau yang saya rasa bekerja dari 8 pagi hingga 4 petang diberi pengiktirafan sama dengan guru kanan yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini, saya menyokong Perbekalan 2005 ini. Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Hajah Dayang Mahani. Saya ingat semua akan berpeluang berucap.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa yang saya katakan kepada Yang Berhormat tadi, saya harap juga dipakai untuk semua. Terima kasih.

**11.55 pagi.**

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2005.

Tuan Yang di-Pertua, sejak daripada negara kita merdeka, pertanian merupakan aktiviti utama yang diberikan perhatian oleh kerajaan dalam membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara di samping memperbaiki taraf sosioekonomi penduduk. Tidak dinafikan sumbangan pertanian kepada negara kita amat besar. Jikalau dahulu pertanian hanya dijalankan sebagai aktiviti sara diri, tetapi kini ia sudah menghalia kepada kegiatan yang bersifat komersial, di mana aktiviti boleh memberikan peluang jutaan ringgit. Tidak hairanlah sekiranya ada antara usahawan-usahawan pertanian moden sekarang yang berjaya hingga ke peringkat

global kerana bidang pertanian sekarang sudah mampu merubah kehidupan manusia dan kadangkala kehidupan lebih mewah berbanding dengan seorang korporat yang berjaya.

Hari ini bidang pertanian telah diberikan wajah baru. Kita tidak lagi terikat kepada aktiviti bercucuk tanam dan kemudiannya mengeluarkan serta menjual hasil pertanian semata-mata. Lebih dari itu kita sudah mampu menghasilkan produk-produk lain yang selama ini tidak pernah difikirkan untuk dikeluarkan, apatah lagi untuk dipasarkan dan dijual di peringkat global.

Aktiviti pertanian juga lebih bersifat global dan komersial di mana kebanyakannya sudah boleh dijadikan asas kepada aktiviti perniagaan, pusat pembelian pokok hiasan dan *nursery*, pusat ternakan udang dan ikan hiasan, tanaman pertanian, getah dan kelapa sawit dan banyak lagi.

Seperti mana yang telah saya sebutkan tadi, semua ini ertinya telah melalui satu perubahan yang besar. Mungkin masalah yang besar yang kita hadapi ialah mendapatkan tanah yang berskala besar, bidang kuasa tanah adalah di peringkat negeri. Saya ingin bertanya kepada kementerian, bolehkah kerajaan negeri memberi kuasa supaya tanah kerajaan yang belum dimajukan, disewakan untuk dimajukan, untuk satu jangka masa yang berpatutan, yang membolehkan pemaju mendapat pulangan pelaburan mereka dan seterusnya mendapatkan hasil daripada sumbangan itu ataupun pelaburan itu.

Saya juga suka memberitahu ataupun saya akan ringkaskan sebab Tuan Yang di-Pertua tadi minta supaya dipendekkan.

Tuan Yang di-Pertua, bidang pertanian juga berkaitan dengan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan. Selaras dengan langkah kerajaan yang ingin menggunakan penggunaan minyak mentah dan mencari tenaga alternatif untuk menampung keperluan semasa yang sekarang ini lebih bergantung kepada kegunaan minyak mentah.

Saya berpendapat cadangan untuk menjadikan minyak sawit sebagai salah satu gantian tenaga dalam negara ini adalah sesuatu yang amat wajar dan tepat pada masanya. Pernah beberapa tahun yang lalu siaran di dalam media massa tempatan, penemuan minyak sawit sebagai alternatif kepada minyak petrol untuk menggerakkan kenderaan. Malangnya sehingga sekarang penyelidikan ini semacam dilupakan

disebabkan kebergantungan kita kepada minyak mentah semakin lama semakin meningkat.

Apabila berlakunya kenaikan harga minyak mentah sebagaimana yang berlaku pada hari ini, nampaknya keperluan kepada minyak sawit ini kembali ditimbulkan. Oleh yang demikian, saya fikir adalah lebih baik penyelidikan yang terdahulu diteruskan melalui gerak kerja yang lebih intensif supaya kita benar-benar berjaya menghasilkan tenaga alternatif kepada minyak mentah yang ada sekarang.

Sekiranya kita berjaya melakukan pembangunan produk sawit ini, saya percaya kebanyakan negara yang ekonominya terjejas akibat daripada kenaikan harga minyak mentah ini akan cuba beralih kepada menggunakan minyak sawit. Akhirnya negara kita juga yang akan memperoleh keuntungan daripadanya kerana kita adalah pelopor kepada penemuan ini.

Justeru itu saya sekali lagi ingin menyarankan kepada kementerian, khususnya Kementerian Pertanian agar dapat menyempurnakan misi penting kerajaan ini. Saya mengatakan ia adalah misi penting kerajaan kerana apabila kita berhasil kelak, keuntungannya bukan sahaja kepada rakyat jelata, tetapi juga berbalik kepada kerajaan sendiri, yang mana kerajaan tidak perlu lagi menanggung kos subsidi yang tinggi ke atas minyak mentah seperti mana yang berlaku sekarang.

Dalam menjayakan mana-mana aktiviti penyelidikan dan pembangunan ini, saya melihat perlunya ada kerjasama daripada pihak lain supaya aktiviti Research and Development (R&D) ini dapat dilaksanakan dengan tindakan yang lebih berkesan. Saya ingin mengambil contoh.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah Yang Berhormat memberi fokus kepada sektor pertanian kerana Yang Berhormat daripada Sabah, seolah-olah Sabah merupakan *constituency* Yang Berhormat dan pertanian menjamin masa hadapan yang lebih baik untuk rakyat Sabah?

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae:** Tepat Tuan Yang di-Pertua sebab Sabah juga mempunyai keluasan tanah yang mencukupi dan bukan sahaja itu, Sabah mempunyai tanaman kelapa sawit, 1.6 juta yang telah mengeluarkan hasil dan kalaulah sekiranya R&D seperti apa yang saya sebutkan ini berjaya, saya rasa ini juga menjadi alternatif sampingan ataupun satu pulangan kepada Kerajaan Negeri Sabah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi munasabahlah Yang Berhormat menekankan perkara ini yang memberi fokus kepada sektor pertanian.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae:** Ya, terima kasih, itulah sebenarnya Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil contoh sumbangan yang telah dibuat oleh pihak Japan International Cooperation Agency (JICA) di negeri Sabah. Kebanyakan sumbangan yang dibuat oleh JICA adalah berkaitan dengan penghasilan produk-produk baru daripada hasil-hasil pertanian. Lebih menarik lagi ada di antara produk yang mereka hasilkan itu diperbuat daripada sisa buangan pertanian yang dilihat oleh masyarakat tempatan sebagai tidak bernilai. Sebaliknya, hasil daripada penyelidikan dan pembangunan yang dilakukan oleh agensi ini daripada A hingga Z, hasil pertanian di negara ini boleh menjana keuntungan.

Justeru itu, saya melihat penemuan-penemuan sedemikian sebagai langkah terbaik untuk membantu golongan berpendapatan rendah terutamanya di kawasan luar bandar, peningkatan taraf kehidupan mereka dan sehubungan itu saya amat berharap agar aktiviti yang dipelopori oleh JICA ini dapat diperluaskan ke seluruh negara dengan menjadikan golongan miskin dan berpendapatan rendah sebagai sasaran utama. Secara tidak langsung, kita juga dapat menyumbang dan membantu usaha-usaha kerajaan ke arah mengurangkan kadar kemiskinan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya pertanian akan sentiasa menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negara. Dari dahulu hingga sekarang, pertanian masih mengekalkan statusnya sebagai kegiatan ekonomi utama negara. Tidak hairanlah kalau kerajaan turut melihat keperluan pertanian ini sebagai asas penting pembangunan negara sehinggakan Menteri yang dipertanggungjawabkan untuk mengetuai Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dipilih dari kalangan Menteri kanan kerajaan. Justeru itu komitmen kerajaan ini wajar diikuti di semua peringkat daripada peringkat pentadbiran kementerian, jabatan sehinggalah kepada masyarakat petani sendiri untuk menjamin keberkesanan setiap program yang telah diatur dan dirancang.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang ingin saya sentuh ialah pendidikan. Pendidikan merupakan satu keperluan asas kepada setiap orang yang ingin membina ilmu pengetahuan. Pendidikan pada ketika ini juga telah menjadi asas kepada pembangunan nasional, malah semua bijak pandai yang telah pun berada dalam bidang masing-masing sekarang ini termasuklah pemimpin-pemimpin negara

adalah dihasilkan daripada proses pendidikan. Justeru itu tidak boleh tidak, kita perlu menumpukan segala usaha kita bagi mempertingkatkan mutu pendidikan agar sejajar dengan keperluan semasa sama ada di peringkat nasional mahu pun di peringkat global.

Melalui pengagihan peruntukan di bawah Bajet 2005 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Kementerian Pelajaran adalah di antara kementerian yang mendapat peruntukan paling tinggi iaitu RM16.3 bilion. Berdasarkan kepada keperluan yang saya nyatakan tadi, sememangnya peruntukan yang besar itu adalah wajar diberikan kepada Kementerian Pelajaran yang ketika ini diberi tanggungjawab berasingan iaitu lebih mengkhususkan kepada pendidikan peringkat sekolah sahaja. Walau bagaimanapun, pada peringkat inilah sebenarnya lebih banyak usaha perlu digemblengkan untuk memastikan golongan pelajar yang keluar daripada peringkat ini dan kemudiannya memasuki peringkat yang tertinggi iaitu peringkat universiti sudah mampu menjadi generasi yang berjaya dan menyumbang kepada pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Kementerian Pelajaran, tanggungjawab mendidik anak bangsa sebenarnya lebih besar berbanding dengan peringkat universiti walaupun ada orang mengatakan dari rebung kita mula untuk melentur tetapi senario semasa tidak memungkinkan untuk kita melakukan dengan mudah. Ini kerana pada waktu ini, kita sering kali diperdengarkan dengan pelbagai musibah dan masalah yang dicetuskan oleh golongan remaja yang rata-ratanya adalah dari kalangan pelajar di peringkat sekolah. Daripada kes-kes yang ringan sehinggalah kepada kes-kes yang berat seperti jenayah rogol, pukul dan bunuh, semuanya adalah menunjukkan penglibatan golongan ini.

Justeru itu, langkah utama yang perlu diambil oleh pihak kerajaan terutamanya melalui Kementerian Pelajaran adalah menjurus kepada usaha-usaha membentuk siasah diri pelajar yang sekarang ini sudah jauh terpesong daripada landasan sebenar mereka sebagai pelajar yang menimba ilmu pengetahuan di sekolah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidakkah kerajaan sudah pun mengambil langkah yang terpenting dengan mewujudkan dua kementerian; Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi untuk memulakan proses Yang Berhormat hasratkan itu?

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae:** Betul apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu dan saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan atas tindakan ini. Itu sebabnya ingin saya hujahkan di bawah bahawasanya apabila kita hendak mendidik anak kita, melentur itu biarlah daripada rebung tetapi dalam keadaan sekarang, bukan semudah itu kerana cabaran anak-anak kita berbeza, di masa 30 atau 40 tahun yang lalu dengan cabaran anak-anak pada hari ini. Jadi memanglah wajar apa yang telah dibuat oleh kerajaan dan kita belum tahu apa hasilnya tetapi kerajaan sudah mengambil tindakan yang positif dengan membahagikan tanggungjawab pendidikan awal di bawah kementerian dan satu kementerian yang berasingan untuk peringkat universiti.

Saya amat tertarik dengan cadangan serta langkah kerajaan yang ingin memperkenalkan modul pra-khidmat negara di peringkat sekolah lagi supaya golongan pelajar ini akan terdedah lebih awal kepada Program Khidmat Negara yang sebenar bagi memupuk keperibadian baik dalam diri pelajar tersebut. Secara tidak langsung membentuk keperibadian ini sudah wujud sejak di bangku sekolah lagi dan ia sudah pasti boleh mendatangkan implikasi yang positif dalam membantu pihak kerajaan khususnya Kementerian Pelajaran menangani masalah serta musibah yang sering ditumpukan oleh golongan pelajar yang di peringkat ini.

Tuan Yang di-Pertua, selepas kita menumpukan kepada usaha memperbaiki siasah diri pelajar, tidak kurang pentingnya juga kita perlu memberi perhatian kepada usaha-usaha mempertingkatkan kecekapan kualiti pendidikan yang diberikan. Sehubungan dengan itu, faktor guru adalah yang sering kali dijadikan isu penting. Pada waktu ini, banyak pihak mempertikaikan kualiti guru yang dihasilkan oleh pihak kementerian ini kerana kebanyakan calon-calon guru yang terpilih adalah dari kalangan mereka yang sebenarnya menjadi profesion perguruan sebagai jalan alternatif terakhir selepas sukar memperolehi pekerjaan yang lain.

Oleh sebab itu, kebanyakan guru ini tidak menunjukkan kesungguhan untuk mendidik anak bangsa mereka. Sebaliknya mereka hanya mementingkan gaji hasil daripada pekerjaan sebagai guru. Tidak kurang juga ada di kalangan guru ini tidak mahu dihantar ke kawasan pedalaman atau luar bandar dengan memberi pelbagai alasan sedangkan mereka sepatutnya berkhidmat di mana sahaja mereka diarahkan demi untuk membantu anak bangsa yang amat memerlukan perkhidmatan mereka. Justeru itu, saya berharap agar pihak Kementerian Pelajaran dapat membuat kajian

serta memilih dengan lebih teliti terhadap calon-calon guru yang ingin menyertai profesion perguruan ini.

Saya turut difahamkan, mulai tahun ini, proses pengambilan guru terutamanya pada peringkat Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) telah pun mengalami perubahan di mana calon-calon guru yang dipilih perlu mengikut ujian bertulis dahulu sebelum dipilih untuk ujian temu duga. Saya melihat kaedah ini sebagai kaedah alternatif dalam menyediakan guru yang benar-benar mampu menyumbang kepada pembangunan kualiti pendidikan. Cuma sedikit kekurangan adalah penilaian dari aspek penulisan dan temu duga kadangkala belum dapat mencerminkan kesungguhan sebenar seseorang itu menyertai profesion perguruan.

Apa yang ingin saya katakan di sini ialah penilaian serta temu duga seperti yang dilakukan untuk memilih Pegawai Tadbir dan Diplomatik PTD iaitu di mana peringkat penilaiannya mengikut ujian bertulis, *assesment center* dan akhir sekali barulah calon yang benar-benar layak di panggil untuk mengikut ujian temu duga.

Pada hemat saya penilaian seperti ini lebih praktikal dan pihak Kementerian Pelajaran perlu mengubahsuai melalui pendekatan yang digubal sendiri oleh pihak kementerian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, jika ditolak masa saya ganggu tadi, Yang Berhormat telah mengambil masa 15 minit. Berapa lama lagi Yang Berhormat perlu...

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Bagi saya 15 minit lagi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Terlalu banyak Yang Berhormat terima, 5 minit lagi bolehlah!

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** *[Ketawa]* Kalau begitu banyak kena buanglah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita perlu ketengahkan isu-isu ini.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Ya, terima kasih. Perkara yang ketiga yang ingin saya sentuh ialah berkenaan dengan rakyat sihat produktiviti meningkat. Baru-baru ini negara kita telah dilanda....

**Puan Hajah Samsiah binti Samsudin:** Ya, minta laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta laluan, saya tambah masa untuk laluan ini.

**Puan Hajah Samsiah binti Samsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin tahu selain daripada faktor guru tadi, apakah faktor murid juga tidak terlibat di dalam hal ini. Contohnya keramaian murid di dalam kelas sehingga ke 50 orang di dalam satu kelas itu apakah ini juga tidak membebankan guru-guru itu dan juga keluasan kelas. Hari ini murid ramai yang besar. Jadi saya rasa apabila murid berada hingga 40 orang kah, 50 orang pun itu sudah padat. Jadi apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Terima kasih kepada Yang Berhormat yang mempersoalkan. Sebenarnya kalau kita hendak hujah tentang masalah guru barangkali waktu yang diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua memang tidak mencukupi. Saya bersetuju sangat, memang banyak faktor lagi.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Berhujah cukup, bertelingkah masa tidak cukup.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Ya, yalah, *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memang banyak faktor lagi yang menyebabkan permasalahan ini dan saya bersetuju sangat memang faktor murid juga menjadi faktor yang perlu dipertimbangkan kerana seorang guru hanya boleh memfokuskan dirinya menjadi guru yang terbaik apabila jumlah itu tidak terlalu banyak. Itu sebab biasanya ruang kelas itu cuma diberi antara 20, 30 murid sepatutnya, tetapi hari ini oleh sebab kekurangan kelas dan sebagainya maka satu kelas sampai ke tahap 50 dan ini membebankan fokus guru itu sendiri untuk memberi perhatian yang khusus kepada murid-murid. Jadi apa yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat memang tepat, jadi kalau boleh saya teruskan.

Seperti mana yang saya sebutkan tadi baru-baru ini negara kita telah dilanda wabak penyakit yang boleh menyebabkan kematian kepada si penghidapnya iaitu penyakit selesema burung. Penyakit ini sebenarnya bukan berpunca dari negara ini tetapi disebabkan ayam dari negara jiran iaitu Thailand. Akibat daripada itu negara terpaksa mengambil langkah-langkah berjaga-jaga supaya penyakit ini tidak merebak ke seluruh negara. Alhamdulillah, dengan tindakan pantas pihak berkuasa terutamanya Jabatan Perkhidmatan Haiwan dalam menangani serta mengawal bahaya penyakit ia sudah dapat diatasi walaupun pada hakikatnya penyakit ini telah mengancam kesihatan penduduk serta ternakan di negara sebanyak dua kali dan dalam tempoh yang tidak sampai satu tahun pun.

Sebelum daripada itu negara turut pernah dilanda beberapa penyakit bahaya yang boleh menjejaskan kesihatan manusia. Antaranya SARS, penyakit kuku dan mulut dan Anthrax. Semua ancaman kesihatan ini bagaimana pun berjaya ditangani oleh pihak berkuasa dengan selamat dan dalam keadaan yang terkawal. Kita amat berterima kasih terhadap tindakan pantas pihak berkuasa dalam mengawal penyakit-penyakit tersebut daripada merebak terus ke seluruh negara.

Kesihatan bukan sahaja dilihat sebagai penjagaan dan pengawalan daripada penyakit semata-mata, malah lebih daripada itu kesihatan terus melibatkan persediaan prasarana yang menyokong ke arah memiliki kesihatan yang sempurna di kalangan rakyat jelata. Justeru itu, dalam hal ini apa yang ingin saya tekankan ialah berkenaan dengan perkara sokongan kepada kesihatan itu sendiri seperti penyediaan hospital dan klinik, penyediaan bangunan tertentu bagi tujuan pembangunan kesihatan dan sebagainya yang melibatkan doktor, jururawat serta kaki tangan yang lain.

Untuk meringkaskan hujah ini saya berterima kasih dengan cadangan yang telah dibuat oleh kerajaan iaitu untuk mendirikan lima lagi buah hospital dua yang akan dinaik taraf dan 15 klinik. Tetapi yang ingin saya tumpukan ialah pada hari ini di kawasan luar bandar dan pedalaman di Sabah masih lagi dibekalkan dengan kemudahan kesihatan melalui perkhidmatan doktor udara. Namun penglibatan doktor udara ini bukan dibuat setiap hari dan dijalankan kerana perkhidmatan sedemikian bergantung pada faktor-faktor seperti kegunaan helikopter itu, masa lawatan, cuaca dan juga jadual kepada kawasan-kawasan dilawati. Oleh itu, saya berpendapat sekiranya perkhidmatan masih dijalankan pada kebanyakan kawasan pedalaman dan luar bandar sudah pasti penduduk di kawasan luar bandar itu, penjagaan kesihatannya tidak begitu sempurna. Jadi, saya mintalah kepada kerajaan supaya dalam merancang 13 buah klinik ini kalau 13 buah klinik ini kalau dihantar ke Sabah pun masih tidak mencukupi. Jadi kalau boleh kepada kerajaan supaya dalam merancang 13 buah klinik ini kalau 13 dihantar ke Sabah pun masih tidak mencukupi. Jadi kalau boleh tolonglah beri perhatian kepada Sabah.

Seperkara yang ingin saya sentuh sebelum saya terpaksa diminta untuk duduk dan memberi laluan kepada rakan-rakan yang lain ialah berkaitan dengan bidang *[sambil membelek dokumen dan teks ucapan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak perlu tergesa-gesa, hanya perlu kepada menyunting ucapan.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Saya menyuntinglah ini. Saya ingin memetik kepada masalah yang telah disebutkan tentang penyediaan ataupun bidang kemahiran usahawan yang berdaya saing. Pembangunan usahawan di negara ini masih lagi di tahap yang sederhana dan tidak keterlaluan kalau saya mengatakan pergerakannya hanya adalah dalam keadaan yang agak perlahan walaupun sasaran demi sasaran dibuat oleh kerajaan dalam melahirkan lebih banyak usahawan setiap tahun tetapi saya lihat hampir setiap tahun jugalah sasaran ini tidak dapat dipenuhi walaupun berbagai-bagai program yang telah diperkenalkan oleh kerajaan untuk menarik minat golongan muda menceburi bidang perniagaan seperti program usahawan muda, skim usahawan siswazah program usahawan Bumiputera dan bidang peruncitan PROSPHER dan sebagainya tetapi hasilnya hingga kini belum cukup memberangsangkan.

Walau bagaimana pun kita masih boleh berbangga dengan pencapaian baik yang ditunjukkan oleh beberapa usahawan yang dididik serta dihasilkan melalui program ini walaupun pada hakikatnya bilangannya belum begitu ramai. Yang disebut ialah 550 orang dan mungkin akan ditambah lagi tahun ini 250. Tetapi yang ingin saya merayu ialah apa kiranya kita meminta kepada mereka yang berjaya dalam bidang korporat terutamanya di kalangan korporat Melayu Bumiputera. Pada masa ini kita sudah mengenali usahawan Melayu bumiputera yang berjaya bukan sahaja di peringkat nasional, malah di peringkat global. Siapa yang tidak kenal Tan Sri Hassan Marican umpamanya, Tan Sri Syed Mokhtar Bukhari, Datuk Amir Shah, Tan Sri Azman Hashim dan ramai lagi. Mereka ini adalah pemaju dunia korporat orang-orang Melayu dan juga negara. Oleh itu, kita perlu mengambil kesempatan atas kewibawaan tokoh-tokoh ini...

**Datuk Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi:** Tuan Yang di-Pertua-Minta laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang minta laluan, Yang Berhormat, sila.

**Datuk Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi:** Oleh sebab Yang Berhormat ada menyebut nama Syed Mokhtar tadi, saya ingin bertanya apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa projek-projek besar yang diberikan pada satu individu sahaja, maksudnya *airport* pun dia buat, pelabuhan pun dia buat dan sebagainya. Sedikit, sedikit Syed Mokhtar, sikit...sikit..., Syed Mokhtar, Syed Ali tidak bolehkah?

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae:** Terima kasih. Yang Berhormat, itulah dalam satu keluarga ini, apabila Syed sama Syed, kena berbincanglah, kena bahagi-bahagi. Sebenarnya, apabila beliau bertanya tentang apa pandangan saya, ini pandangan peribadi saya, memanglah kalau kita hendak memberi, orang kata, seperti waktu saya menjadi wakil rakyat, peruntukan sedikit sangat. Tetapi, yang hendak memintanya ramai sangat. Jadi orang kata, saya sebagai seorang suri rumah tangga, biasalah hendak masak itu seperiuk nasilah. Tidak dijangka pula, yang datang itu sekali 30 orang. Yang saya masak ini hanya untuk tiga orang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Macam saya hendak agih masa untuk bercakaplah.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae:** Yalah. *[Ketawa]* Tetapi, minta maaf Tuan Yang di-Pertua, ini masa kecederaan. Masa kecederaan kena tambahlah. Jadi, apabila orang sudah ramai, terpaksa saya bubuh air. Ertinya, apabila bubuh air, ia jadi bubur. Tambah air itu, jadi bubur nasi tadi. Biarlah sedikit, asal semuanya dapat. Dalam bahasa Brunei "*Walaupun sedikit, asal semuanya ampit*". Okay, ertinya semua dapat. Tetapi, dalam kita memajukan, mungkin *corporate leaders, opinion* seperti begini mungkin tidak boleh pakai sebab kita hendakkan satu peneraju atau dua peneraju ataupun 10 lagi peneraju yang betul-betul mempunyai kekuatan yang boleh menjadi pendidik, contoh dan kalau boleh dipergandakan.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Isu ini boleh dibahaskan masa lainlah.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae:** Ya, masa lainlah. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi, kalau kurang gangguan mungkin cepatlah saya selesaikan. Jadi, minta maaf kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Saya suka berbahas ini, tetapi masa sudah tidak mengizinkan. Jadi, terima kasih atas permintaan dari sudut pandangan.

Jadi, apa yang saya maksudkan di sini ialah, mereka yang saya sebutkan menjadi tokoh ataupun *mentor* kepada anak-anak muda kita. Mereka diminta untuk membantu syarahan, *background* mereka didedahkan dan sebagainya. Hari ini siapa yang tidak kenal Petronas, Maybank, MAS? Di seluruh dunia telah terkenal oleh kerana publisiti terhadap badan-badan korporat ini. Begitu juga tokoh-tokoh....

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi, *pointnya?*

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae:** *Pointnya* ialah kita mengambil contoh-contoh. Bukan sahaja contoh orang-orang korporat ini terlibat untuk mendidik anak-anak muda kita. Beritahu kepada mereka susah payahnya sebelum mereka sampai ke tahap itu. Apa perlu mereka buat sebelum mereka dapat mencapai ke tahap apa yang mereka capai, sebab mereka tidak dilahirkan kaya. Apa yang menyebabkan mereka kaya? Jadi, itu sebabnya. Itu perkara yang ingin saya sentuh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae:** Saya ada satu perkara penting, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itulah, Yang Berhormat sebut yang tidak penting dahulu.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae:** Tidak, tidak. Satu sahaja. Ini tidak lama, tidak lama. Saya tidak akan sentuh perkara yang lain, cuma satu perkara.

Ini, apabila kita menyentuh tentang bidang melahirkan usahawan dan sebagainya dan dipindah kepada perkara tentang pengkhususan pembangunan dan kawasan yang digalakkan. Dalam belanjawan ini, telah disebut bahawa kerajaan ingin menambah aliran pelaburan ke kawasan yang digalakkan terutamanya di Pantai Timur dan Semenanjung.

Komitmen ini telah ditunjukkan oleh kerajaan dengan keputusan untuk membangunkan Fasa II Lebuh Raya Pantai Timur, menaikkan Lapangan Terbang Kuala Terengganu dan sebagainya. Sebut sahaja tentang lapangan terbang, saya ingin menyentuh tentang Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu. Ini kerana, pada suatu ketika dahulu, pernah diumumkan bahawa lapangan terbang ini akan dipindahkan ke satu kawasan baru yang dinamakan sebagai kawasan 'Timanis' dan memanglah rakyat di kawasan itu dan termasuk kawasan di sekitar, Papar, Beaufort, Kuala Penyu, Sipitang dan menumpah kepada Labuan dan Brunei, walaupun negara luar. Tetapi, harapan daripada kawasan sekitarnya apabila dipindahkan, kawasan berdekatan ini juga akan ikut membangun. Itu perkara yang pertama.

Yang keduanya, keadaan sekarang di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, letaknya sekarang ini di Tanjung Aru. Pertama, kawasannya terlalu terhad. Melainkan, kalau hendak ditambah pun lari ke laut. Kedua, ia terlalu didudukkan di

kawasan yang padat penduduknya, di Tanjung Aru itu. Orang selalu senanglah dia kata. "Oh very close. From airport to Kota Kinabalu just five minutes". Betullah. Sekiranya ada kecelakaan, bayangkan jumlah manusia yang tidak berdosa yang akan terlibat dalam kemalangan itu. Sekiranya, dijauhkan Allah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Maka?

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae:** Maka, hari ini telah diputuskan konon-kononnya, bahawasanya lapangan terbang ini akan ditambah. Kita tahulah, memang sesaklah sekarang ini. Lapangan terbang ini akan ditambah dan jumlah yang diumumkan pada satu ketika, RM1.5 bilion. Saya tidak tahu sama ada masih kekal seperti apa yang akan diumumkan. Tetapi, yang ingin saya ketahui, adakah cadangan untuk meneruskan dengan program untuk memindahkan ini sebab saya rasa perlu seperti apa yang berlaku dahulu di Sepang. Sepang dengan KLIA, satu keputusan yang amat berat, yang perlu dibuat oleh kerajaan. Tetapi ternyata, pilihan ini adalah satu pilihan yang bijak. Hari ini, kita *enjoy* KLIA dan kawasan sekitarnya membangun.

Jadi, saya berharap Tuan Yang di-Pertua, supaya cadangan untuk memindahkan ini diteruskan sebab apabila kita hendak membuat satu lapangan terbang yang besar, ia juga memerlukan masa untuk membangun, lima tahun, tiga tahun dari sekarang. Jadi, sementara itu hendak tambah bilangan lapangan kapal terbang di Kota Kinabalu, tambahlah sebab memang mendesak. Sekarang penerbangan antarabangsa pun terpaksa menggunakan landasan bawah. *Tarmac* pun tidak cukup, *parking bay* pun tidak cukup.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi....

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae:** Dengan kata-kata yang sedemikian, saya mohon menyokong. Terima kasih. *[Ketawa]*

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita bagi orang baru. Datuk' Hajah Azizah. Saya akan bagi. Tidak apa, duduk. Semua akan dapat peluang.

Sebelum Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah bermula, suka saya beri sedikit pesanan saya dahulu. Cakap ini serupa makan, susah hendak berhenti. Yang kedua, di hadapan kita kerana masa terhad, adalah pilihan di antara retorik dan isi. Oleh kerana masa terhad, kita banyakkkan isi atau *substance* daripada retorik. Inilah sepatah dua panduan jika saya diizinkan memberi sedikit sebanyak panduan.

Silakan Yang Berhormat. Waktu sekarang 12.27 tengah hari.

**12.27 tgh.**

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Tuan Yang di-Pertua,  
*“Buah cempedak di luar pagar,  
Ambil galah tolong jolokkan,  
Saya berdiri di sini masih menggeletar,  
Kalau kurangkan gangguan, boleh cepatkan masa”.*

Tadi saya ada kurang menggeletar, Tuan Yang di-Pertua. Saya tengok Datuk Syed Ali masuk, saya sudah takut.

**Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** *[Senyum]*

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Tuan Yang di-Pertua, semalam saya dapat galakan daripada kawan-kawan, mula saya berani, selepas itu saya takut. Tetapi mereka kata, “Tidak apa kak, cakap sahaja dan kalau boleh, jangan tengok teks”. Saya cuba hingga pukul 3.30 pagi malam semalam, Tuan Yang di-Pertua, cuba tidak mengikut teks dan saya berjaya. Tetapi, saya masuk sahaja ke dalam Dewan, yang saya ingat hanya Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2005 yang baru dibentangkan semalam oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.

Saya juga, Tuan Yang di-Pertua, mengambil kesempatan ini, peluang Menjunjung Kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas perkenan Seri Paduka di atas pelantikan ini. Jutaan terima kasih saya juga kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri yang kita kasihi, di atas kepercayaan yang akan diberikan kepada saya untuk bersama-sama menduduki Dewan Senat ini bagi memperjuangkan nasib bangsa, agama dan negara.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Senator-senator yang baru dilantik. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Perdagangan Antarabangsa merangkap Ketua Wanita UMNO Malaysia dan juga kepada Yang Berhormat Dato'

Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, yang telah memberi sokongan kepada saya.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebab orang baru, kita tidak banyak perlu, sila tenang, teruskan. *[Ketawa]*

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya boleh panjang sedikit. Tuan Yang di-Pertua, ya?

....sokongan kepada saya dan pelantikan ini. Saya juga tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Mulia Datuk Tengku Adnan bin Tengku Mansor, selaku Ketua Perhubungan di Wilayah Persekutuan .

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang terpaksa datang masa cuti, masa itu Dewan tidak bersidang, semata-mata untuk majlis mengangkat sumpah. Terima kasih saya juga kepada Dato' Hamzah dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat, yang sudi datang untuk menyaksikan upacara mengangkat sumpah saya tempoh hari. Terima kasih saya juga kepada adinda saya kepada Yang Berhormat Datuk Syed Ali yang duduk di situ, yang orang kata bertungkus-lumus untuk menjayakan, menolong saya, menasihatkan saya pada hari upacara itu.

Saya ingat saya juga hendak mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada doa-doa, sokongan yang padu, kerjasama yang erat daripada rakan seperjuangan politik saya, khasnya daripada bahagian Seputeh dan khasnya kepada wanita saya. Last but not least, saya juga hendak mengucapkan terima kasih kepada keluarga saya yang senantiasa berdoa dan memberi semangat yang tidak putus-putus.

Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang saya hendak perlu sedikit. Sila duduk.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Alamak! Silakan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk, Yang Berhormat. Selama lima minit, Yang Berhormat habiskan masa hendak jaga hati orang UMNO sahaja. *[Ketawa]* Sila teruskan.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Membalas budi, Tuan Yang di-Pertua. Ingat budi.

Tuan Yang di-Pertua yang saya hormati, di dalam era milenium ini, wanita dikatakan telah mencapai tahap kecemerlangan dalam pelbagai bidang. Adalah tidak

lengkap sekiranya saya tidak memaklumkan contoh kejayaan wanita-wanita ini. Dalam bidang politik, terdapat pelantikan beberapa orang Menteri, Timbalan Menteri termasuk Setiausaha Parlimen dari kalangan wanita. Ini memberikan peluang kepada wanita mengambil bahagian dalam pengubalan dasar atau perancangan pelaksanaan pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Perdagangan Antarabangsa telah dilantik sebagai seorang Senator semasa berumur 30 tahun dan sekali gus menjadikan Yang Berhormat Datuk Seri Rafidah Aziz Senator wanita termuda ketika itu. Umur tidak menjadi ukuran. Walaupun muda, tetapi beliau berani, bijak dan berwibawa.

Maka, tidaklah menjadi halangan kepada beliau untuk menerajui sebuah kementerian yang telah begitu berjaya dalam meningkatkan reputasi perdagangan Malaysia di peringkat antarabangsa. Sehingga ke hari ini, beliau adalah merupakan seorang Menteri yang lama menerajui kementerian itu, iaitu sekurang-kurangnya 18 tahun dan juga seorang wanita dinamik yang dihormati serta disegani oleh para economist luar negara.

Pemimpin muda wanita yang kedua telah diberi kepercayaan iaitu Yang Berhormat Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil menerajui sebuah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, telah diberikan tanggungjawab yang lebih besar apabila kementerian itu telah diperluaskan sebagai Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Seorang lagi pemimpin muda wanita, Yang Berhormat Datuk Azalina binti Othman Said telah diberikan kepercayaan menerajui sebuah kementerian yang penting iaitu Kementerian Belia dan Sukan.

Tuan Yang di-Pertua, sementara itu dalam bidang ekonomi telah terdapat ramai wanita yang menjalankan perniagaan secara bersendirian, malah mencapai ke tahap yang amat membanggakan. Ramai juga melibatkan diri dalam bidang profesional seperti guaman, perubatan, kejuruteraan, sains dan pendidikan.

Wanita juga dianggap sebagai tulang utama keluarga, masyarakat dan negara. Senario ini dapat dilihat di negara kita iaitu sejak 20 tahun kebelakangan ini wanita Malaysia semakin progresif, komited dan berdaya saing dalam bidang-bidang seperti yang telah saya nyatakan. Wanita hebat kita ini juga mengharungi cabaran dalam memainkan dwi peranan sebagai seorang wanita bekerja dan juga sebagai

seorang isteri dan tentunya menentukan kekuatan fizikal, mental dan emosi; dan mampu mengharungi pelbagai cabaran.

Kedudukan ini telah memberikan aspirasi kepada kerajaan pada masa ini, maka melalui Bajet 2005 yang telah dibentangkan, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah membentangkan bajet yang mesra rakyat serta terima kasih kepada beliau yang mengumumkan untuk melantik lebih wanita dalam pembuat dasar.

Tuan Yang di-Pertua, yang arif, saya juga mengambil kesempatan ini memohon dengan izin, sekiranya boleh! Sekiranya boleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempertimbangkan lebih ramai Senator di kalangan wanita kerana rata-rata calon pilihan raya diberi keutamaan kepada wanita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Rupa-rupanya itu yang point ya!

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Itu bunga-bunganya. *[Ketawa]* Tuan Yang di Pertua, mudah-mudahannya dengan pelantikan ini kelak, wanita akan dapat menyumbangkan idea-idea yang bernas di samping menyerikan lagi Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, melalui kesempatan ini saya ingin menyentuh beberapa perkara yang saya rasakan amat penting dan memerlukan .....

**Datuk Haji Karim Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** .... perhatian oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak beri laluan atau tidak?

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Silakan Datuk Haji Karim.

**Datuk Haji Karim Ghani:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniahlah kepada Senator Datuk Hajah Azizah. Ada beberapa perkara yang saya teringat. Dato' Seri Rafidah, kalau dia bukan pemimpin wanita barangkali sekarang dia sudah jadi Perdana Menteri.

**Beberapa Ahli Wanita:** Ya, betul. *[Tepuk]*

**Datuk Haji Karim Ghani:** Yang kedua, banyak cadangan supaya wanita ditambah dan sebagainya, bagaimana pandangan Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah kalau Puteri juga diberi kesempatan. *[Ketawa]*

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih di atas pengiktirafan terhadap ketua bos kami tadi. Semalam pun Yang

Berhormat Datuk Haji Roslan diberi pengiktirafan kepada kaum wanita, saya ucapkan terima kasih. Pada kami Puteri atau Wanita, kami semua adalah kaum wanita. Jadi kami tidak mengira – kaum hawa, ya. *[Tepuk]* Terima kasih Yang Berhormat.

Hasrat kerajaan untuk membentuk masyarakat penyayang dan keluarga harmoni dengan peruntukan sejumlah RM37.8 juta disediakan untuk melaksanakan program pembangunan tersebut adalah amat dialu-alukan. Pemberian geran tahunan kepada NGO daripada kebajikan terpilih yang menyelia pusat perlindungan wanita dan kanak-kanak diharap akan dapat membantu membela nasib mereka. Sejumlah RM2.95 juta disediakan untuk program-program pembangunan keluarga, pemulihan akhlak dan juga pusat harian warga emas.

Selain dari itu saya dengan ini ingin mencadangkan beberapa perkara di mana peruntukan boleh digunakan untuk membantu merealisasi hasrat kerajaan tersebut.

Pertama, kewajipan harta suami menjadi milik isteri. Setiap suami mempunyai hak ke atas isterinya, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oleh sebab Yang Berhormat ada 6 – 7 minit lagi....

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Alamak. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan sebut pertama kemudian kupas. Sebut satu, dua, tiga, empat, dan lima kemudian balik kupas satu persatu. Sekurang-kurangnya disebutkan semua perkara yang mustahak itu.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dia ini banyak sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi dia *double spacing*, so sebenarnya, tidak lama yang saya hendak bercakap. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada beberapa perkara, satu, dua, tiga. Jangan kupas satu persatu dahulu. Senaraikan dan kemudian balik dan kupas satu persatu.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Okay, okay. *Alright*. Yang pertama, kewajipan harta suami menjadi hak isteri. Sekejap, Tuan Yang di-Pertua, saya kena buka. *[Membelek muka surat]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak mengapa, bertenang. Kedua.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Kedua, membendung keganasan dan jenayah terhadap wanita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ketiga. *[Ketawa]*

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** [*Ketawa*] Pinjaman *micro credit* untuk wanita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ha, sebut satu persatu.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Keempat, membawa masyarakat penyayang, bertanggungjawab dan prihatin terhadap wanita [*Ketawa*] dan memupuk keluarga yang sentiasa berkasih sayang

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang sudah disebut, ada dalam rekod Dewan.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Oh, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kupas satu persatu.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Setiap suami mempunyai hak ke atas isterinya dan isteri juga mestilah mempunyai hak ke atas suaminya. Sidang Dewan yang mulia, harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama. Namun kadangkala ada suami mati meninggalkan beban kepada waris-waris seperti hutang.

Adalah dicadangkan Tuan Yang di-Pertua, agar semua pinjaman seperti mana pinjaman perumahan mempunyai insurans, tanggungan kematian si penghutang (MRTA), pinjaman seperti kenderaan perlu ada skim insurans seperti pinjaman perumahan tersebut. Ini akan membantu para isteri yang kematian suami melangsaikan hutang kenderaan secara *lump sum*. Ramai balu terpaksa menjual kenderaan arwah suami mereka kerana tidak mampu membayar ansuran bulanan selepas kematian suami mereka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Selepas beberapa minit, ini *point* yang terbaik. Ha, teruskan.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Skim insurans yang dicadangkan ini akan menanggung bayaran *lump sum* tersebut sama ada kematian si suami akibat kemalangan jalan raya dengan kenderaan tersebut ataupun kematian oleh sebab-sebab lain, dengan izin, *natural death*.

Tuan Yang di-Pertua, .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Beralih kepada kedua pula. Janganlah panjang-panjang dengan satu, masa sudah hendak habis ini.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** [*Ketawa*] Ini yang kedua pula, Tuan Yang di-Pertua. Menurut kajian, tidak ramai suami yang menamakan isteri mereka

sebagai waris terhadap harta mereka setelah mereka meninggal dunia. Ini akan menimbulkan kerumitan tuntutan si isteri ataupun isteri-isteri terhadap harta si mati. Ada dicadangkan agar setiap suami yang bekerja diwajibkan menamakan isteri mereka sebagai pewaris harta. Ini boleh membantu meringankan bebanan mereka apabila kehilangan suami kelak. Majikan khususnya hendaklah memastikan pekerja mereka menamakan pewaris dalam tempoh tiga bulan pertama lantikan jawatan dan menghantarkannya ke pejabat Amanah Raya serta menyimpan salinan penamaan tersebut di dalam fail peribadi pekerja. Penamaan dan pemberian harta secara sagu hati iaitu hibah boleh dilakukan kepada isteri dan anak-anak ketika pemilik masih hidup.

Kaedah membuat wasiat secara lebih teratur adalah disarankan. Membuat akad pemberian secara bertulis bersaksi dan juga rakaman video wasiat tersebut juga dipercayai dapat membantu menyelesaikan sebarang pertikaian yang mungkin timbul apabila penyerahan harta berlaku. Terdapat beberapa firma guaman syariah yang berkebolehan melakukan proses dokumentasi ini atau pihak Amanah Raya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada tahun 2003 terdapat satu kes yang berlaku di mana pencarum KWSP....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, itu kupasan tambahan. Yang Berhormat sedang kehabisan masa, beralih kepada faktor ketiga.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Okay, ketiga. Saya hendak beritahu yang dia bagi pencaruman itu kepada *girlfriend*, bukan kepada isteri Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ha, boleh bercakap kuat-kuat. Ulangi.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** *[Ketawa]* Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam tahun 2003 terdapat satu kes berlaku, di mana pencarum KWSP telah menamakan teman wanita sebagai waris dan pihak KWSP telah membuat pembayaran kepada teman wanita tersebut. Adalah lebih mendukacitakan sekali apabila si teman wanita tersebut enggan membahagikan sebahagian daripada wang tersebut kepada waris yang layak iaitu kepada isteri dan anak-anak tersayang.

Pada tahun 1989, terdapat satu insiden di mana apabila si ayah meninggal, si anak telah memaksa ibunya menjunjung Al-Quran dan bersumpah kerana si anak mempertikai amanat ayahnya mengenai pembahagian sembilan lot tanah kepada

ibunya ketika ayahnya sedang nazak. Perkara ini sungguh memalukan institusi kekeluargaan kita, Tuan Yang di-Pertua.

Kedua-dua ini adalah kes-kes yang mendapat perhatian umum dan saya percaya masih terdapat banyak lagi kes-kes seumpama ini yang berlaku dan diperlukan perhatian serta bantuan penyelesaian, dan bagi pihak kerajaan sebuah badan khas atau badan yang sedia ada boleh diamanahkan untuk membantu menyelesaikan kes-kes seumpama ini dan juga memberi keterangan yang lebih meluas berkenaan dengan konsep hibah. Kejadian jenayah sering berlaku...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang kedua.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua. Kejadian jenayah sering berlaku kepada wanita dan fenomena ini sering mengganggu mereka. Jenayah-jenayah seperti keganasan rumah tangga, kes rogol dan kes penderaan seperti ini merupakan pelanggaran hak asasi mereka secara mutlak. Kejadian ini melibatkan semua wanita dari pelbagai bangsa dan agama serta dari semua taraf hidup. Pada tahun 2002 terdapat sebanyak 1.32 kes rogol yang mana 55.8% kes rogol tersebut melibatkan remaja di bawah umur 16 tahun.

Adalah dengan ini saya menyarankan agar pihak berwajib dapat mempertimbangkan kempen-kempen kesedaran dan nasihat kepada para wanita sebagai salah satu cara pencegahan berlakunya jenayah ini. Sebuah undang-undang untuk melindungi maklumat-maklumat sulit rogol ini perlu dirangka dan dijadikan akta supaya dapat membela nasib dan masa hadapan mangsa rogol itu. Perintah Perlindungan Interim sementara perlu juga dipertimbangkan di samping khidmat nasihat, kaunseling dan bantuan guaman berterusan untuk mereka.

Pendidikan dan konsep berterusan di tempat awam seperti di sekolah dan pusat membeli belah dipercayai dapat membantu dan memupuk kesedaran kaum wanita terutama sekali daripada golongan remaja supaya mengenali teman-teman mereka dengan lebih rapat lagi serta sentiasa mengehadkan pergaulan mereka dengan kaum lelaki.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bolehkah Yang Berhormat gulung sekarang ini elok-elok dan bertenang, maka bentangkan.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Okay, Tuan Yang di-Pertua. Takut, Tuan Yang di-Pertua, menggeletar. Mahupun kenalan lelaki tersebut seorang kawan

baik. Sebuah agensi dan badan khas perlu ditubuhkan untuk menangani dan membantu mangsa-mangsa kes rogol dan penganiayaan terhadap wanita.

Pihak-pihak berkuasa seperti polis, pegawai perubatan dan pegawai agama seharusnya lebih bersifat prihatin, simpati dan sensitif setiap kali berurusan dengan mangsa-mangsa rogol ini.

Pinjaman *Micro Credit*. – Bagi membantu keadaan kewangan, bagi wanita-wanita yang menjadi balu.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Micro Credit* itu nombor berapa tadi?

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Nombor 3.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lagi dua lagi tu. Lama lagi.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Okay, cepat, Tuan Yang di-Pertua. Bagi membantu keadaan kewangan wanita yang menjadi balu apabila kematian suami dan juga ibu tunggal adalah diharap agar pinjaman kredit kecil boleh diberikan kepada mereka. Pinjaman ini hendaklah diuruskan oleh pusat-pusat kebajikan setempat di kawasan Parlimen daerah supaya cepat dapat kelulusan. Tuan Yang di-Pertua, *I just jump, from RM2,000 may be sampai RM5,000*, dengan izin dan selepas itu saya pergi kepada Tabung Dana Kecil dan saya mengucapkan terima kasihlah kerana sebanyak tiga kali ganda telah diberikan *about RM1.5 billion* kepada *RM4.5 billion*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bila yang tidak baca itu yang baiknya.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Baca?

**Tuan Yang di-Pertua:** Bila yang tidak baca itu yang baik.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Dana yang baru ini nampaknya saya tengok dia ditambah sebanyak tiga kali ganda untuk perusahaan kecil dan dana baru. Jadi, daripada dana baru itu pengusaha-pengusaha baru itu naik sampai kepada RM2 bilion hampir empat kali ganda. Adalah wajar sekiranya sebahagian daripada dana ini diperuntukkan khas untuk pengusaha-pengusaha wanita yang terlibat dalam perusahaan kecil dan sederhana.

**Tuan Yang di-Pertua:** Balik kepada *point* yang keempat pula.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Yang keempat? Yang keempat belum lagi, Tuan Yang di-Pertua. Pergi terus?

**Tuan Yang di-Pertua:** Terus. Sudah hendak habis masa.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Sebab sedikit Tuan Yang di-Pertua hendak puji. Ini memandangkan wanita mempunyai semangat yang kental untuk

menjayakan mana-mana projek, begitu juga wanita telah menunjukkan keupayaan, komitmen dan kredibiliti sebagai *good pay master*, Tuan Yang di-Pertua. Okay, saya pergi terus.

**Tuan Yang di-Pertua:** Selama ini Yang Berhormat banyak *goodwill* dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Kalau Yang Berhormat teruskan lama ini, *goodwill* itu akan berkurangan.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Okay, Tuan Yang di-Pertua *.[Ketawa]* Membina masyarakat penyayang, okay. Yang ini saya singkatkan, Tuan Yang di-Pertua.

Adalah penting pusat-pusat bina insan, kem motivasi dan juga kem khidmat negara dapat digunakan sepenuhnya dengan penyertaan rakyat Malaysia dari pelbagai kaum, bidang pekerjaan dan juga peringkat umur.

**Tuan Yang di-Pertua:** Biasa diucapkan.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Saya sudah pergi yang kelima, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang terakhir.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Yang terakhir.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ha, satu dua ayat cukup.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Saya hendak mengucapkan terima kasihlah. Ini tahniah kepada Kementerian Pembangunan Wanita yang telah memulakan satu kursus *SMART START* iaitu permulaan yang bijak. Pakej kursus ini adalah untuk orang yang belum kahwin, baru hendak kahwin ataupun masih ....*[tidak meneruskan ayat]* Pakej ini disediakan iaitu persediaan perkahwinan, kesihatan keluarga, kehamilan, kelahiran cahaya mata, alam keibubapaan, menguruskan sumber keluarga, menangani tekanan dan konflik. Tetapi malangnya tujuan kita mengadakan ini saya minta besok diharuskan kaum suami supaya bersama-sama di dalam kursus ini. Selalunya kami wanita yang menyertainya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah cukup. Maka teruskan *point*.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Ada lagi Tuan Yang di-Pertua, sikit lagi. Pesanan orang kena bawa, Tuan Yang di-Pertua. Okay, sikit sahaja lagi. Saya hendak sentuh sikit Bajet 2005 usaha kerajaan untuk terus memajukan Malaysia dengan peruntukan sejumlah RM117 milion khususnya dalam bajet ini saya hendak

sentuh *I won't talk about..... [tidak meneruskan ayat]* contoh yang jelas tadi, Tuan Yang di-Pertua .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Semua orang baru saya hendak elak habis-habisan gunakan ungkapan “Yang Berhormat sila duduk”. Haa, itu susah, saya tak mahu guna lagi. Sekarang teruskan.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Hendak habis, Tuan Yang di-Pertua cuma dua *pages* sahaja lagi. Contoh yang jelas adalah mengenai....

**Tuan Yang di-Pertua:** “Habis” terlalu banyak, Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Membuat hospital baru saya mahu sentuh sedikit mengenai Hospital Pandan Johor yang memakan belanja wang kerajaan sebanyak RM557.8 juta yang sepatutnya menjadi hospital terunggul di bahagian selatan Malaysia. Malangnya ia terpaksa ditutup hanya selepas dua bulan dibuka kerana hospital tersebut diserang kulat. Bagaimanakah perkara ini boleh berlaku apabila kerajaan telah membelanjakan begitu banyak? Jumlah yang sama ini sebenarnya boleh digunakan untuk membina sejumlah tiga hingga empat buah hospital baru. Bayangkanlah seluruh rakyat negeri Johor mengharapkan mendapat sebuah hospital-hospital yang bertaraf dunia tetapi malangnya apa yang mereka dapat ialah sebuah hospital kulat.

Akhbar Berita Harian telah mengatakan terdapat - okay, saya potong, Tuan Yang di-Pertua - terdapat ada maklumat yang menyatakan saya yang mengatakan pihak JKR seawal-awal tahun 2002 telah menyatakan bahawa ketebalan *air-con duct* itu tidak mengikut spesifikasi dan mereka merakamkan kebimbangan terhadap pengalaman kontraktor untuk menjalankan kerja-kerja sistem *air-con duct* dan *medical gas piping*. Mengapakah perkara ini tidak dielakkan dari berlaku oleh agensi kerajaan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Okay, boleh tutuplah sekarang.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Datuk Mohamed Jin bin Samsudin. Bolehkah saya dapat maklum berapa orang lagi hendak berucap? [*Beberapa orang Ahli Yang Berhormat berdiri*] Terima kasih. Sebab kalau terlalu ramai kita akan gunakan sedikit masa esok tetapi kalau boleh kita habiskan hari ini. Sila, Yang Berhormat Datuk.

**Datuk Mohamed Jin bin Samsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Selepas ini Dato' Rhina Bhar , Dato' Rashid, Dato'.. Okay.

**Datuk Mohamed Jin bin Samsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya juga seperti teman-teman yang lain ingin mengucapkan tahniah kepada Ahli-ahli Senator yang baru dilantik dan saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah memberikan pengiktirafan kepada penglibat seni khususnya seniman dan para karyawan yang telah memberi kesempatan saya diwakili di dalam Dewan yang mulia ini.

Terima kasih kepada Perdana Menteri yang baru-baru ini telah mengumumkan juga bahawa dalam Bajet 2005....

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi pertama kali Dewan Negara mempunyai konstituen seni-budaya, *the entertainment arts*. Silakan.

**Datuk Mohamed Jin bin Samsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya berterima kasih sekali lagi kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah mengizinkan saya membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2005 yang baru-baru ini telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri khususnya dalam bidang seni di mana Perdana Menteri telah pun mengecualikan cukai atau *duty* hiburan terhadap persembahan-persembahan kebudayaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan juga Putrajaya. Saya mengharapkan supaya Perdana Menteri memikirkan juga semula selaku Menteri Kewangan untuk memperluaskan lagi supaya *duty* hiburan ini tidak dikenakan juga kepada negeri-negeri supaya penglibat-penglibat budaya dapat mempersembahkan produk-produk budaya bagi tujuan untuk mereka memperkenalkan budaya bangsa lebih meluas lagi kerana kita tahu budaya adalah suatu produk yang tidak ramai peminat-peminatnya jika dibandingkan dengan produk-produk yang lain seperti persembahan hiburan, nyanyian dan sebagainya.

Oleh kerana itu, pengecualian *duty* hiburan ini amatlah penting di dalam memberi kesempatan kepada mereka mempersembahkan hal-hal yang bersangkutan dengan kebudayaan supaya bangsa Malaysia mengenali budayanya sendiri daripada mereka mengenali budaya-budaya asing yang datang melalui berbagai-bagai saluran seperti televisyen, satelit dan berbagai-bagai lagi saluran yang lain. Oleh kerana itu saya amat berterima kasih kepada Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan juga yang telah memberikan kesempatan ini dan diharapkan supaya ia berterusan kepada negeri-negeri lain.

Terima kasih juga kepada Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan yang baru sahaja telah mengambil alih filem yang dahulunya di bawah Kementerian Penerangan. Secara kebetulan juga kita mempunyai lima kementerian yang terlibat dalam bidang perfileman. Maka disebabkan ada lima kementerian ini di antara perkara-perkara yang telah terjadi ialah hari ini usaha untuk mewujudkan satu dasar perfileman negara tidak dapat dilaksanakan walaupun sudah tujuh tahun berlalu. Ini berlaku di atas sebab pertindihan kementerian-kementerian ini. Maka oleh kerana itu Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan telah berusaha untuk melaksanakannya semula supaya dasar ini dapat dibawa kembali kepada Kabinet bagi mempertimbangkan keadaan sekarang ini.

Jadi oleh kerana itu, perkara pertama yang hendak saya perkatkan ialah berhubung dengan dasar perfileman negara. Yang amat penting kepada kita kerana dengan adanya dasar ini kita tahu banyak dasar-dasar kementerian bererti dasar kebudayaan kebangsaan, dasar pelajaran negara, dasar tanah negara dan berbagai-bagai dasar yang telah kita adakan tetapi tidak ada dan belum ada dasar perfileman negara. Bila kita ada dasar ini bolehlah kita memandu anak-anak seni supaya dapat menyokong dasar-dasar kerajaan bagi tujuan untuk melaksanakan program-program yang boleh kita jadikan dia sebagai asas dan juga panduan kepada generasi akan datang.

Saya mempunyai empat perkara yang hendak saya perkatkan. Satu ialah tentang dasar perfileman negara, Kedua ialah tentang institusi pengajian tinggi dalam bidang perfileman dan seni. Ketiga ialah tentang *archives* perfileman dan keempat ialah berhubung dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang ada kaitan dengan cetak rompak dan juga kilang-kilang yang agak terlalu banyak didirikan untuk menerbitkan CD. kita

Keempat-empat ini ada kaitannya dan terlibat juga dalam empat kementerian. Satu ialah Kementerian Penerangan, kedua ialah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, ketiga ialah Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan, keempat ialah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan akhir sekali ialah Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi juga terlibat dalam kementerian. Oleh kerana itulah saya berpendapat bahawa ada satu jawatankuasa khusus yang boleh kita wujudkan bagi tujuan untuk mereka tidak bertindih di antara kementerian-kementerian yang berkenaan.

Walau bagaimanapun, hari ini setiap malam kita menonton di kaca TV kita didedahkan dengan kes-kes jenayah, kejatuhan moral, akhlak, pelacuran, penganiayaan, keganasan akibat menonton VCD lucu dan berbagai-bagai lagi yang ada di dalam persembahan televisyen. Ini pun kita boleh lihat jikalau kita ada satu dasar perfileman negara boleh kita pandu supaya tidak ditayangkan filem-filem yang boleh menjatuhkan moral..

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh sambung apabila Dewan bersidang semula. Kebetulan saya akan terus mempengerusikan mesyuarat pada pukul 2.30 petang. Sila duduk, Yang Berhormat. Maka dapatlah saya tunaikan janji terhadap giliran sebanyak mungkin. Jadi tidak perlu bimbang. Pergilah makan tengah hari dengan selesa.

Dewan ditangguhkan sekarang. Dewan akan bersidang semula pada pukul 2.30 petang.

***Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.00 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**2.30 ptg.**

**Tuan Yang di-Pertua:** Dijemput Yang Berhormat Datuk Mohdmed Jin bin Shamsudin untuk meneruskan ucapan. Selepas ini Yang Berhormat Dato' Rhina Bhar bersedia.

**2.32 ptg**

**Datuk Mohamed Jin bin Samsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ingin menyentuh beberapa perkara berhubung dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Saya ulangi sekali lagi tentang dasar perfileman negara dan mestilah ada satu pelan secara besar-besaran untuk menentukan industri perfileman sebagai suatu industri yang sama, setanding dengan industri-industri yang lain kerana ia juga melibatkan beberapa hal yang dapat membangunkan negara ini.

Kalau kita lihat hari ini pembangunan negara tidak seimbang dengan pembangunan kebudayaan dan pembangunan perfileman negara ini. Walaupun kita

telah dapat menerbitkan beberapa banyak filem tetapi ianya masih lagi tidak dapat menandingi filem-filem yang ditayangkan di luar negara. Sebagai contoh umpamanya filem-filem yang dibuat di negara Iran, sebagai contoh. Walaupun negara itu sebuah negara yang Islam tetapi mereka dapat menghasilkan filem-filem yang diterima oleh dunia yang ini.

Untuk itu maka Dasar Perfileman Negara menjadi begitu penting di dalam menentukan arah tuju dan hala tuju penglibatan industri perfileman yang hari ini masih terumbang ambing, tidak tahu ke mana arah tujuhnya maka dalam bahasa Inggerisnya, dengan izin, *any Dick Tom and Harry*, boleh buat filem.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Tom, Dick and Harry.*

**Datuk Mohamed Jin bin Samsuddin:** *Tom, Dick and Harry*, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Boleh membuat filem dan ini menyebabkan filem-filem kita selalunya berdasarkan kepada kehendak mereka sendiri kepada tujuan-tujuan tertentu. Maka itulah saya ingin menyarankan bahawa dasar perfileman hari ini dapat dipercepatkan supaya usaha ke arah memantapkan industri perfileman ini dapat kita laksanakan.

Untuk itu tentunya ada satu pelan tindakan yang lebih meluas terutama sekali kita harus melihat bahawa 50 tahun yang akan datang harus ada suatu pembangunan dimulakan dari sekarang, satu institusi pengajian tinggi dalam bidang perfileman, seni dan budaya.

Hari ini walaupun kita ada beberapa buah universiti di negara kita yang mengajar dalam bidang perfileman tetapi pengkhususannya tidak ada, hanya secara tidak ada pengkhususan. Mungkin ada diajar pembikinan filem dan sebagainya tetapi ia bukanlah di bawah sekolah perfileman atau *film school*, dengan izin. Oleh kerana itu kita harus melihat bahawa ini adalah sesuatu yang amat penting mewujudkan satu institusi pengajian tinggi dalam bidang perfileman adalah amat penting bagi tujuan generasi kita akan datang supaya berilmu bukan sahaja mereka belajar dari segi pengalamannya tetapi juga berilmu dalam bidang perfileman untuk menghadapi cabaran yang akan datang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat begitu tumpu kepada bidang perfileman. Apa hal *performing arts* yang lain?

**Datuk Mohamed Jin bin Samsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana di dalam bidang perfileman ini mengandungi .....

**Tuan Ismail bin Kasim:** Pohon laluan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Biar Yang Berhormat jelaskan dahulu.

**Datuk Mohamed Jin bin Samsudin:** Dalam bidang perfileman ini mengandungi berbagai-bagai cabang, ada lakonan di sana, ada kerja-kerja teknikal di sana dan berbagai-bagai penulisan skrip, pengarahannya, *performing arts* juga di dalam bidang perfileman. Maka itu filem ini menjadi satu kalau istilah Dewan Bahasa dan Pustaka, istilah yang digunakan oleh Perbadanan Kemajuan Filem Nasional, bila disebut filem industri dia mengandungi segala-gala yang dipanggil ialah 'Archa Bergerak'.

*Archa Bergerak* ini adalah merupakan sesuatu bidang perfileman yang mengandungi segala-gala yang terlibat di dalamnya ada budayanya di sana, ada tariannya di sana, ada *performing arts*nya di sana, ada *art direction*nya di sana, ada penulisan cerita dan skripnya di sana, ada arahnya, ada *camera* menya, ada juga *technicians* di dalamnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tadi mohon laluan. Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Mohamed Jin bin Samsudin:** Silakan.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Jins. Bila Datuk Jins bercakap fasal filem .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Bila kita minta laluan, bermakna kita minta penjelasan.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Penjelasan. Penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan untuk kita memberi penjelasan.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Kenyataan untuk menjelaskan. Saya ingin bertanya Datuk Jins ada di kalangan kawan-kawan yang merupakan peminat seni yang bercakap dari segi percanggahan fakta yang terdapat dalam filem Puteri Gunung Ledang, apa pandangan Datuk Jins berhubung dengan perkara ini.

**Datuk Mohamed Jin bin Samsudin:** Terima kasih. Saya sebenarnya tidak untuk menghuraikan secara terperinci. Tetapi bolehlah saya katakan mungkin ada ruang untuk diperbaiki filem itu kerana ia tidak berdasarkan fakta sejarah yang kita baca di dalam buku-buku sejarah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Atau etika profesionalisme melarang saya buat komen.

**Datuk Mohamed Jin bin Samsudin:** [*Ketawa*] Boleh saya terima Tuan Yang di-Pertua, kerana saya juga terlibat sebagai pembikin filem untuk komen filem orang

lain agak kurang manis. Tetapi saya masih mengatakan ada ruang filem itu masih boleh diperbaiki dari sudut sejarahnya yang sepatutnya mereka merujuk kepada pakar-pakar sejarah yang mahir dalam bidang sejarah supaya ianya dapat dilaksanakan dengan lebih baik. Terima kasih.

Saya teruskan perbincangan ini dengan memperkatakan tentang institusi pengajian tinggi yang saya sebutkan tadi. Memang sudah ada arahan dan sudah ada rancangan bahawa hari ini kita ada Akademi Seni Kebangsaan (ASK) dan kita ada juga Akademi Filem Malaysia yang sudah pun ada ura-ura untuk digabungkan keduanya dan memohon untuk dinaikkan taraf supaya menjadi Kolej Universiti Kebangsaan.

Jadi, dengan adanya usaha ke arah ini, mungkin kita boleh perluaskan lagi bagi tujuan untuk melatih anak-anak seni di dalam semua bidang yang terlibat dalam bidang perfileman.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang separuh masa – *half time*.

**Datuk Mohamed Jin bin Samsudin:** Insyaa-Allah saya akan habiskan Tuan Yang di-Pertua.

Kemudian yang ketiga ialah berhubung dengan Arkib Negara khususnya ialah *Film Archives* kerana dalam negara ini kita ada *archives*. Yang sebenarnya apa yang dipanggil *archives* ini ialah tempat menyimpan bahan-bahan perfileman secara yang sebenarnya. Kalau kita lihat di negara-negara lain mempunyai *archives* tersendiri menyimpan lebih 100 tahun filem-filem lama yang akan menjadi rujukan kepada anak-anak muda akan datang.

Walaupun hari ini kita ada institusi pengajian tinggi yang mempunyai bahan-bahan penyelidikan tetapi ianya tidak berasaskan kepada bahan penyelidikan yang kita buat dalam negara ini, kerana hari ini kita telah kehilangan budaya kita, kita telah kehilangan warisan kita.

**Datuk Haji Karim Ghani:** Minta laluan sedikit, Datuk Jins.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tepatlah sedikit, Tuan Yang di-Pertua saya mohon laluan.

**Datuk Haji Karim Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon laluan. Terima kasih, saya ini peminat Datuk Jin sejak zaman beliau dan Tan Sri P. Ramlee dahulu. Zaman itu adalah zaman kegemilangan filem-filem Melayu kerana pasaran bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di Indonesia.

Saya difahamkan ketika ini filem-filem Melayu tidak boleh ditayangkan secara komersial di Indonesia. Apakah ini betul? Kalau betul, apakah usaha orang-orang filem dan juga kerajaan supaya pasaran di Indonesia, pasaran di rantau Melayu ini boleh menerima filem kita. Kalau tidak cuma filem Malaysia ini untuk 13 juta manusia sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Datuk Haji Karim Ghani:** Terima kasih.

**Datuk Mohamed Jin bin Samsudin:** Terima kasih soalan Yang Berhormat. Memang tidak boleh, mengikut akta dan peraturan di Indonesia kita tidak boleh menayangkan filem yang sama bahasanya dengan bahasa mereka. Memerlukan sembilan orang menteri untuk meluluskan, maka itulah kita menayangkan filem-filem Melayu atau filem Malaysia di Indonesia hanya secara percuma, kita adakah *Malaysian Film Week* dengan izin, selalu kita adakan bukan sahaja di Indonesia tetapi juga di negara-negara lain kerana tidak boleh ditayangkan secara komersial.

Usaha kerajaan telah pun dilaksanakan untuk ada pertukaran di antara Indonesia dan Malaysia supaya filem-filem ini dapat dikomersialkan. Tetapi ini akan memakan masa yang agak lama kerana ia memerlukan perubahan, peraturan-peraturan yang ada di Indonesia.

Dan seterusnya ialah mengenai arkib tadi, kita telah kehilangan warisan negara, kalau dulu kita ada lebih daripada 100 buah filem yang disimpan di Singapura kerana Singapura berada di dalam Malaysia dan kemudiannya Singapura telah terpisah, maka filem-filem itu telah dikirim ke Hong Kong untuk disimpan di sana kerana ada makmal di Hong Kong. Dan Hong Kong pula pada masa itu ialah di bawah Kerajaan British dan kemudiannya Hong Kong pula telah diserahkan kepada tanah besar China dan warisan negara telah pergi lebih jauh. Maka itulah kita harus mengumpulkan bahan ini dari sekarang dan 50 tahun akan datang kita boleh gunakan bahan-bahan perfileman ini sebagai satu warisan negara, di sana kita boleh melihat sejarahnya di dalam filem itu, budayanya, bahasanya dan berbagai-bagai yang boleh kita lihat di dalam filem itu. Dan seterusnya.....

**Tuan Ismail bin Kasim:** Minta laluan Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, boleh tak izin, kalau banyak kali sangat jangan izinlah.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Dua kali Tuan Yang di-Pertua, sebab saya sangat tertarik dengan tajuk ini yang agak jadi kemusykilan pada diri saya selama ini. Apabila Yang Berhormat Datuk Mohamed Jin bin Samsudin, membangkitkan bahawa dinaikkan taraf Akademi Seni Kebangsaan kepada fakulti perfileman bermakna kata kita benar-benar memerlukan tenaga pengajar yang benar-benar pakar, tetapi sepanjang pengetahuan saya, tenaga pengajar yang ada di negara kita, saya tidak mengatakan Datuk, hanya beberapa kerat sahaja yang benar-benar berwibawa yang boleh melatih pelajar-pelajar kita untuk melahirkan seorang *director*, seorang pelakon, seorang apa sahaja yang cukup hebat kerana saya melihat ada di kalangan tenaga pengajar yang cuba ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Apakah penjelasan yang diminta?.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Penjelasan, lepas ini penjelasan sikit sahaja. Ada di kalangan tenaga pengajar yang cuba menghasilkan filem dan kita lihat kualiti filemnya yang dihasilkan tidaklah boleh dibanggakan, seperti mana yang Datuk Mohamed Jin hasilkan di peringkat awal bila kita masuk daripada hitam putih ke filem warna, di peringkat awal apa yang dibuat oleh Datuk Mohamed Jin sebagai seorang pengarah dan penerbit pada masa itu. Saya pohon penjelasan.

**Datuk Mohamed Jin bin Samsudin:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang kita telah bincangkan secara meluas dalam hal tenaga pengajar. Secara kebetulan saya jadi Ahli Majlis Akademi Seni Kebangsaan dan perkara ini telah pun dibincangkan. Pada peringkat awal mungkin, kita akan membawa masuk daripada luar beberapa pakar, tenaga pengajar bagi tujuan untuk memindahkan teknologi kepakaran mereka kepada anak-anak tempatan.

Dan setakat ini memang ada, sudah ada, tetapi mungkin tidak mencukupi, untuk permulaan kita memang sudah ada tenaga pengajar dalam negara kita yang sekarang ini berada dan mengajar di beberapa buah universiti yang memang sudah dihasilkan oleh universiti ini, dan mereka telah dikirim keluar negara untuk menuntut ilmu dan kembali dan kemudiannya menjadi tenaga pengajar. Memang sudah di rancang.

Perkara yang kedua, yang ingin saya sentuh ialah juga di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan....

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya beri enam minit lagi pada Yang Berhormat.

**Datuk Mohamed Jin bin Samsudin:** Terima kasih, saya harap akan habis. Bangunan-bangunan sejarah seperti bangunan Lapangan Terbang di Subang semuanya telah tidak ada lagi mungkin ini harus diambil perhatian oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan kerana warisan negara itu amat penting. Sekarang ini Bangunan Sultan Abdul Samad yang akan dikosongkan berkemungkinan, ianya juga akan diubah atau diubahsuai dan saya mencadangkan supaya Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dapat mengambil alih bangunan itu dan dijadikan Pejabat Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan sesuai dengan tempat yang begitu bersejarah.

Bangunan-bangunan mahkamah umpamanya di Panggung Bandaraya yang sekarang ini digunakan untuk persembahan-persembahan bangsawan yang harus juga dikekalkan. Kemudian kita juga melihat warisan negara yang semakin hari semakin terhakis seperti nama-nama taman perumahan yang tidak lagi mencerminkan identiti negara bangsa, sebagai contoh umpamanya kita di Ulu Klang, Ulu Klang itu sebenarnya hulu kerana dia di hulu adalah hilirnya, Klang hilirnya, hulu dan hilir. Tetapi sekarang Ulu Klang telah diubah nama menjadi UK tidak U.K, tetapi menjadi UKAY, 50 tahun dan 100 tahun akan datang anak bangsa kita sudah tidak kenal lagi Ulu Klang, tetapi apa yang dia tahu ialah UK Permai, UK Boulevard, bunyinya "UK Boulevard" ada di Ulu Klang sedangkan ini bukanlah mencerminkan budaya mencerminkan jati diri bangsa.

Kementerian Tenaga dan Multimedia juga dalam filem-filem iklan, filem-filem ini juga sekarang ini sudah dibuat oleh orang asing yang tidak lagi mencerminkan budaya tempatan, kalau kita lihat telah menurun dari 100% yang dibuat ada, hari ini kita ada satu arahan iaitu MIM - *Made in Malaysia Certificate*, dengan izin, untuk membolehkan orang-orang asing membuat filem-filem iklan hanya menggunakan 20% daripada bahan luar negara, 80% mestilah bahan tempatan, tetapi ini sudah dimansuhkan kerana ada di antara mereka yang tidak menggunakan MIM melalui Kementerian Multimedia dan membuat filem-filem iklan dan ditayangkan di negara kita tanpa melalui MIM.

Perkara ini merugikan bangsa kita sendiri, merugikan anak-anak tempatan sendiri bolehlah dianggap "kera di hutan disusukan anak di rumah mati tidak makan", kerana 25% yang dulunya kita kuasai, 80% hari ini hanya ada 25% sahaja yang dilaksanakan.

Begitu juga lesen-lesen TV yang sekarang ini di bawah Kementerian Multimedia yang harus dikaji semula, kerana apakah sesuai kerana ada beberapa kementerian lain yang juga terlibat di dalam hal-hal industri perfileman.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri yang ada kaitan dengan cetak rompak. Hari ini kita mempunyai cetak rompak lebih daripada 41 syarikat yang membuat cetak CD atau VCD, dan saya kira ini adalah terlalu besar jika dibandingkan dengan negara yang hanya 24 juta penduduk dan kalau kita pergi ke negara-negara Asian, kita pergi ke Filipina, ke India, ke Hong Kong, kita pergi ke Indonesia kita akan bertanya mereka menjual CD, CD cetak rompak ini dari mana datangnya? Dia akan jawab, dari Malaysia, Malaysia menjadi pusat cetak rompak yang terbesar di daerah ini.

Dan saya mencadangkan supaya 41 syarikat pencetak ini harus di *quarantine* dengan izin, di dalam satu *compound* seperti kita buat *bounded area*, jadi supaya mereka, keluar masuknya dapat dikawal, kalau tidak kita akan menghadapi masalah yang sama, filem-filem cetak rompak bukan sahaja cetak rompak dari filem-filem yang boleh ditayangkan di negara ini, tetapi juga cetak rompak yang dilakukanlah adalah CD-CD lucah yang memang sentiasa berleluasa di negara ini, yang sukar untuk kita kawal. Ini adalah perkara-perkara yang harus kita ambil perhatian, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri juga ada hal yang saya ingin sentuh ialah perkara-perkara yang ada kaitan dengan artikel-artikel yang dikeluarkan di dalam akhbar-akhbar, terutama sekali akhbar-akhbar yang dibaca oleh ramai dan juga akhbar kecil dipanggil "akhbar nyamuk" yang sentiasa mengeluarkan berita-berita yang melaga-lagakan di kalangan para seniman, para artis dan sebagainya seperti yang kita baca baru-baru ini yang tidak perlu saya sebutkan namanya ini sepatutnya boleh diselesaikan di luar kamar, daripada kita gemar-gemburkan di akhbar, melaga-laga satu sama lain kerana gosip atau ruangan gosip ini adalah sesuatu yang boleh memecahbelahkan kita. Ada di antara kalangan para seniman hampir bercerai berai kerana ruangan gosip yang ada di dalam akhbar.

Saya memohon kepada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri (KDN) supaya memikirkan hal ini sama ada boleh diketepikan atau tidak ditiadakan ruangan gosip di dalam majalah-majalah dan akhbar-akhbar hiburan, kerana ini akan memecahbelahkan. Kita ingin melahirkan manusia yang berwibawa, manusia yang berilmu, yang patuh kepada ajaran agama tetapi kita cuba memecahbelahkan. Kita

lihat gosip ini pada mulanya dia mengusik, kemudian dia mengata, kemudian dia mengumpat dan akhirnya menjadi fitnah. Sedangkan fitnah itu adalah lebih buruk daripada membunuh seseorang mengikut hukum Islam.

Jadi, oleh kerana itu kita harus melihat bahawa ini adalah sesuatu yang serius yang boleh kita sekat dengan tidak ada ruangan gosip. Saya memberi satu contoh, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat di Iran tidak ada ruangan gosip kerana mereka mengatakan bahawa ruangan gosip ini boleh memecahbelahkan kalau di antara pelakon-pelakonnya, katakanlah sebagai contoh, seorang pelakon berlakon sebagai seorang imam di dalam ceritanya. Apabila dia digosipkan dengan cerita-cerita peribadinya, maka terjejaslah peranannya sebagai seorang imam.

Begitu juga kalau dia berlakon sebagai seorang Perdana Menteri, apabila dia digosipkan, maka terjejaslah peranan dia sebagai Perdana Menteri, maka orang akan bilang: "Perdana Menteri apa dia ni macam ini." Jadi, ini akan menjejaskan, maka itu tidak dibenarkan ada ruangan gosip dan KDNnya akan ditarik balik jikalau ada ruangan gosip. Saya kebetulan berada di Iran dua tahun yang lepas menghadiri Pesta Filem Asia Pasifik.

Tuan Yang di-Pertua, kemudian yang akhir sekali ialah Kementerian Belia dan Sukan. Kita sekarang mempunyai pemain import yang terlalu ramai, yang hendak lawan itu pasukan Perlis dengan Kedah tetapi kita membawa pemain import di tengah-tengah.

Saya ingin bertanya kepada Kementerian Belia dan Sukan berapa banyakkah belanja yang telah dikeluarkan untuk membayar gaji pemain-pemain import selain daripada jurulatih, mungkin kita boleh benarkan jurulatih yang kita import, kerana kita hendak mereka mengajar anak-anak kita, tetapi pemain import kadang-kadang tidak memberi apa-apa makna kerana permainan bola ini masih juga mereka di *front line* dan mereka inilah yang mendapat nama yang banyak memberikan segala nama mereka dapat tetapi anak-anak tempatan masih..

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sudah hendak tamat dah, sudah hendak gulung dah. Silakanlah.

**Datuk Mohamed Jin bin Samsudin:** Silakan

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Yang Berhormat saya cuma ingin bertanya apakah pendapat Yang Berhormat. Adakah kerana bayaran mahal kepada pemain import inilah yang menyebabkan beberapa negeri di Malaysia ini hampir mufliis. Terima kasih.

**Datuk Mohamed Jin bin Samsudin:** Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak mempunyai perangkaan yang tepat tetapi saya melihat bahawa pemain import ini telah mengambil sebahagian daripada kos yang amat tinggi, saya difahamkan. Saya ingin bertanya kepada Kementerian Belia dan Sukan supaya dapat memperjelaskan berapa banyakkah, alangkah indahnya, alangkah eloknya peruntukan yang diberikan kepada pemain import ini kita buat satu perkampungan belia yang mana saya kebetulan baru-baru ini telah menghadiri satu seminar perkampungan belia di Ipoh, Perak.

Mereka sedang merancang untuk menubuhkan perkampungan belia dan ini memerlukan peruntukan. Kalaulah peruntukan sedemikian dapat digunakan untuk membangun satu perkampungan belia, lebih baik kita melatih anak-anak ini untuk menjadi pemain sama ada pemain bola sepak, pemain badminton dan sebagainya daripada kita memberi kepada pemain import. Mungkin kita boleh membenarkan untuk mereka membawa jurulatih dari luar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Datuk Mohamed Jin bin Samsudin:** Itulah yang hendak saya sampaikan dan belia adalah merupakan aset negara yang termahal di antara umur 18 hingga 40 tahun dan marilah kita lihat bahawa mereka inilah yang harus kita berikan tempat masa depan kerana mereka adalah pewaris negara Malaysia pada masa depan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Rhina Bhar

**2.57 ptg.**

**Dato' Rhina Bhar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagai Ahli Dewan Negara yang baru, saya sangat berbesar hati oleh kerana diberi peluang ini untuk membahaskan dan menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2005. Sebelum saya meneruskan dengan perkara-perkara di dalam rang undang-undang itu, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Seri Paduka Baginda

Yang di-Pertuan Agong, Perdana Menteri Malaysia dan juga Parti Gerakan Rakyat Malaysia yang memberikan peluang kepada saya untuk dilantik sebagai Ahli Dewan Negara. Saya akan..

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan Yang Berhormat bertanding dalam pilihan raya dahulu, hampir menang dah.

**Dato' Rhina Bhar:** Oh! Itu sudah lama Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Saya akan menggunakan kesempatan keemasan ini untuk membangkitkan isu-isu yang penting, yang akan menambah baik lagi hala tuju perundangan sistem penyampaian dan kelemahan pengurusan dan pentadbiran demi demokrasi, perpaduan, kemakmuran dan kemajuan negara yang saya cintai.

Di dalam perbelanjaan yang dibentangkan pada 10 September 2004, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan telah menyatakan, tahun 2005 merupakan tahun peralihan, menutup tirai Rancangan Malaysia Kelapan dan menyediakan asas untuk Rancangan Malaysia Kesembilan. Beliau telah menambah kata, kerajaan akan memenuhi semua janji yang terkandung dalam Manifesto Barisan Nasional. Sebagai bajet pertama yang dibentangkan oleh beliau sejak mengambil alih pucuk pimpinan negara daripada Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir pada 31 Oktober 2003, nampaknya bajet itu telah mengambil kira agenda pembangunan dengan dasar pertubuhan.

Beliau telah menjanjikan satu persekitaran yang akan membolehkan seluruh rakyat meraih peluang dalam pelbagai aktiviti ekonomi. Penting sekali ialah beliau telah berikrar akan membentuk satu suasana di mana setiap rakyat dapat menikmati kehidupan yang sejahtera dalam suasana harmoni tanpa mengira kaum, pegangan agama dan taraf sosial.

Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya membangkitkan isu yang berkaitan dengan pengangkutan awam. Pada 28 November 2004 kerajaan telah menubuhkan satu syarikat pengangkutan awam yang baru di Lembah Klang di panggil RAPID KL iaitu Rangkaian Pengangkutan Integrasi Deras KL dengan mengambilkan perkhidmatan-perkhidmatan daripada PUTRA, STAR, Intrakota dan Cityliner yang bersama mengendalikan lebih daripada 60% daripada perkhidmatan pengangkutan awam di Lembah Klang.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya ini adalah suatu perkembangan yang sangat dialu-alukan. Ini menunjukkan kesedaran kerajaan bahawa pengangkutan awam

perluah diambil berat oleh kerajaan dengan penglibatan secara langsung, bantuan kewangan dan juga mewujudkan suasana yang akan membolehkan semua pengusaha pengangkutan awam itu mendapat peluang pelaburan yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, pada minggu yang lepas juga Dewan yang mulia ini telah meluluskan satu peruntukan sebanyak RM6 juta untuk membantu Syarikat Rapid KL. Tuan Yang di-Pertua, bandar Georgetown, Butterworth, Bukit Mertajam dan Johor Bahru juga menghadapi masalah-masalah pengangkutan awam. Adakah kerajaan juga memberikan bantuan seperti yang dibuat oleh Rapid KL supaya dapat juga satu konsortium pengangkutan awam ditubuhkan supaya dapat memberikan perkhidmatan yang memuaskan.

Saya berharap kita di Pulau Pinang tidak akan dianaktirikan, hanya Lembah Klang dapat kemudahan tetapi bandar lain yang menghadapi masalah yang sama tidak diberi sebarang bantuan. Tambahan pula untuk memohon lesen, untuk perjalanan-perjalanan baru daripada Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKPF) juga menjadi satu masalah dan halangan kepada kami.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat berharap dengan pengalaman mengendalikan trafik KL kerajaan juga akan berikan pertolongan yang wajar kepada bandar-bandar yang menghadapi masalah kesesakan lalu lintas disebabkan oleh perkhidmatan pengangkutan awam yang tidak memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi isu yang saya ingin membangkitkan di dalam perbahasan saya dalam Bajet 2005 ialah berkenaan dengan perwujudan masyarakat penyayang dan memelihara kepentingan wanita. Sejumlah RM37.8 juta disediakan bagi melaksanakan program pembangunan wanita termasuk Nur Bestari, Literasi Undang-undang, Kem Menangani Keganasan ke atas wanita dan rumah perlindungan sementara bagi wanita serta kanak-kanak yang teraniaya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teraniaya.

**Dato' Rhina Bhar:** Teraniaya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada seorang penyanyi, nama beliau N. Nyar, tetapi ini teraniaya. *[Ketawa]*

**Dato' Rhina Bhar:** Oh, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dalam usaha ini kerajaan akan memberi geran bersamaan tahunan kepada NGO dan pertubuhan kebajikan terpilih yang mengendalikan rumah perlindungan wanita dan kanak-kanak. Tuan Yang di-Pertua, saya sangat berterima kasih dan menyambut baik usaha

kerajaan itu untuk membantu wanita, tetapi saya ingin menyuarakan kepada kebolehan-kebolehan kaum wanita itu tidak diiktiraf seperti kaum lelaki. Tujuan saya sungguhpun daripada 25.7 juta penduduk, 17.6 juta adalah kaum wanita, iaitu 45% daripada jumlah penduduk Malaysia. Sebagai contoh tidak ada seorang wanita pun yang *Vice Chancellor* universiti awam, sungguhpun sudah wujud lebih daripada 15 buah universiti awam. Di Parlimen juga kurang daripada 30% adalah Ahli Parlimen dari golongan wanita.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap ketidakseimbangan ini akan diatasi hanya dengan.....

**Tuan Ismail bin Kasim:** Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh beri laluan?

**Dato' Rhina Bhar:** Boleh.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Rhina. Bila Yang Berhormat bercakap fasal wanita lebih daripada lelaki termasuk di Dewan yang mulia ini, kita lihat sekarang ini di semua tempat, satu fenomena baru telah berlaku apabila di institusi pengajian tinggi IPTA, IPTS dan termasuk di matrikulasi dan sebagainya, lihat semuanya wanita melebihi lelaki dan mungkin termasuk Tuan Yang di-Pertua dan kami yang ada di Dewan, yang lelaki, ini merupakan spesies terakhir yang tinggal. Yang kita lihat sekarang ini semua didominasi oleh wanita. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini untuk meningkatkan, bagi sama balik *rating* ataupun kadar antara lelaki dan perempuan supaya tidak ada masalah-masalah sosial yang berbangkit di kemudian hari nanti. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat mengatakan sudah lebih wanita di tempat lain, sudah lebih wanita dari lelaki, tetapi apakah kalau kita bagi tambah wanita di tempat-tempat lain, apakah lelaki akan jadi pupus atau *exiting*.

**Dato' Rhina Bhar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya tidak bersetuju dengan Yang Berhormat iaitu ada lebih wanita dari kaum lelaki di mana-mana pun, tetapi ada satu *glass ceiling*, dengan izin, walaupun di universiti ada lebih wanita tetapi bila hendak jadi *Din* atau *Vice Chancellor*, susah. Masa itu semua perempuan tidak pandai. Lelaki sahaja ada auta. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila teruskan. *Point taken.*

**Dato' Rhina Bhar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Hanya dengan berbuat demikian, maka kedua-dua golongan lelaki dan wanita dapat pengiktirafan yang sama. Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, maka saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2005 itu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah. Lepas ini Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain.

### **3.07 ptg.**

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, dan salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara yang dihormati, Tuan-tuan dan Puan-puan, terima kasih kerana diberi peluang untuk saya turut sama berbahas dalam Rang undang-undang Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2005 yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, yang telah disampaikan terlebih dahulu oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga selaku Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuba untuk memadankan perkara-perkara yang saya hendak sebut ini dalam waktu yang telah dicatukan itu. Yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan satu projek iaitu benteng pemecah ombak di muara Sungai Kuala Terengganu. Sedikit maklumat, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dua tahun yang lalu projek ini sudah dimulakan dan kami penduduk-penduduk di sekitar Kuala Terengganu terutamanya nelayan-nelayan merasakan bahawa projek ini insya-Allah akan dapat dilaksanakan sebaik-baiknya.

Tetapi, malangnya akhir tahun 2003, projek ini tergendala, dalam erti kata benteng pemecah ombak tidak dibina, apa yang dibina, yang pertama-tamanya ialah - dan pendalaman muara Kuala Terengganu, dan sedikit kerja-kerja memperbaiki keadaan di pantai kedua-dua belah muara ini. Projek asasnya ialah pembinaan benteng pemecah ombak.

Seperti kita sedia maklum walaupun sebahagian daripada kita bukanlah jurutera atau orang yang ahli tentang tabiat laut, tetapi jelaslah kepada kita bila muara ini digali, diperdalamkan tetapi benteng pemecah ombak tidak dibina, lambat laun pasir-pasir yang telah diangkat ke atas akan turun semula dan keadaannya akan

menjadi seperti sedia kala. Sedangkan saya dimaklumkan bahawa perbelanjaan lebih kurang RM27 juta telah pun digunakan.

Jadi oleh itu saya mengambil kesempatan untuk mendesak kerajaan supaya projek ini diteruskan, benteng pemecah ombak iaitu projek asas kepada projek ini dilaksanakan sebaik-baiknya Tuan Yang di-Pertua. Tetapi saya tidak nampak sebenarnya mungkin barangkali terlepas pandang, kalaulah telah dimasukkan peruntukan dalam peruntukan kali ini. Walau bagaimanapun, seperti yang saya katakan tadi saya sangat-sangat berharap supaya projek yang telah dimulakan beberapa tahun yang lalu ini dapat disambung dan disempurnakan dalam tahun 2005.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat merasa senang hati apabila kerajaan telah bersetuju menggembelngkan tenaga anggota RELA dalam usaha menangani masalah peminjaman pendatang tanpa izin. Difahamkan bahawa penguatkuasaan ini akan diberi peluang kepada RELA untuk memainkan peranan ini. Kita sangat-sangat mengalu-alukan pengiktirafan ke atas RELA ini, tetapi walau bagaimanapun, saya rasa kita amat bersimpati dengan keadaan RELA yang kita temui di kampung-kampung.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada pakaian seragam, kepada latihan-latihan yang diterima, kepada elaun yang dibayarkan kepada mereka, dan banyak lagi perkara lain yang menunjukkan bahawa selama ini, walaupun pengiktirafan diberikan kepada mereka, tetapi tidak banyak kemudahan yang telah kita berikan kepada mereka.

Sebenarnya bertepatan pengiktirafan atau peranan yang akan kita berikan kepada mereka, kerana pertamanya keanggotaan mereka ramai di kampung-kampung dan mereka sudah tentu lebih tahu di mana sebenarnya pendatang tanpa izin ini bersembunyi, kalau mereka bersembunyi atau siapakah yang menyembunyikan mereka. Taburan anggota RELA yang agaknya menyeluruh kerana mereka berada di tengah-tengah masyarakat dan Alhamdulillah sejumlah daripada mereka adalah terdiri daripada bekas tentera dan polis.

Ertinya pengalaman-pengalaman mereka memudahkan mereka mengesan adanya pendatang asing tanpa izin ini. Mereka tentulah mengetahui maklumat-maklumat kawasan setempat terutamanya kampung halaman mereka. Pelbagai latar belakang yang mereka miliki dan hal-hal lain, yang cukup jelas menunjukkan kepada kita bahawa mereka sebenarnya boleh membantu polis dan askar dalam tugas-tugas

menangani masalah pendatang haram ini. Dengan penurunan kuasa Imigresen kepada 212 orang, sebenarnya tidak ramai di seluruh negara mungkin barangkali ini satu langkah awal, gerakan penguatkuasaan yang bakal dilaksanakan oleh mereka sudah pasti memerlukan bantuan logistik yang mencukupi demi menjamin kelancaran operasi yang berkesan di samping menentukan keselamatan anggota yang menjalankan operasi.

Pada masa kini saya difahamkan RELA tidak mempunyai kenderaan dan kelengkapan operasi yang mencukupi. Malah yang ada hanya dalam keadaan yang cukup minimum. Sebagai contoh hanya ada sebuah kenderaan pacuan empat roda untuk kegunaan mereka, saya menganggap operasi penguatkuasaan yang akan dilaksanakan oleh RELA kelak merupakan satu tugas berat menangani masalah negara sehingga hari sebenarnya belum dapat kita selesaikan sebaik-baiknya.

Oleh itu saya mencadangkan supaya RELA dibekalkan dengan peralatan yang mencukupi misalnya Tuan Yang di-Pertua, gari, mereka memerlukan gari saya rasa, mereka memerlukan alat perhubungan *walkie-talkie*, mereka memerlukan *miraculous night vision*, mereka memerlukan *loud hailer*, *torch light*, *spot light*, *chota*, penangkis atau *shield*, dan perkara-perkara lain dan tidak kurang pentingnya Tuan Yang di-Pertua, supaya segak dan saya rasa ditakuti, dihormati oleh pendatang haram dan juga oleh anggota-anggota masyarakat dan memudahkan mereka memberi kerjasama dalam usaha ini, pakaian seragam mereka biarlah diberi sebaik-baiknya.

Sekarang mereka diberikan *beret* kuning, saya tidak mempertikaikan masalah warna itu boleh kuning, boleh hijau, boleh biru, tetapi biarlah berpadanan dengan tugas yang kita berikan kepada mereka. Saya difahamkan bahawa sejumlah besar pakaian yang dimiliki oleh anggota RELA sekarang adalah dibeli dengan duit sendiri, dengan wang sendiri atau mungkin barangkali telah diberi oleh pihak-pihak yang tertentu seperti wakil-wakil rakyat, Ahli Parlimen, Ahli Dewan Negeri dan lain-lain. Jika saya rasa sudah sampai masanya kita menggantikan pakaian seragam mereka dengan pakaian yang lebih baik. Mereka menjalankan kerja-kerja yang tertentu terutamanya yang dipilih, betul-betul untuk menjalankan operasi menangani pendatang tanpa izin ini, memerlukan perlindungan, keluarga mereka juga, memerlukan semacam imbuhan.

Tuan Yang di-Pertua, jadi mahu tidak mahu eloklah kita cadangkan supaya diberikan semacam insurans berkelompok kepada mereka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat telah tiba di peringkat separuh masa.

**Dato Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh itu, saya memendekkan cerita Tuan Yang di-Pertua, dengan menyebut elaun untuk RELA inipun mestilah diberikan secukupnya. Alhamdulillah, saya mendapat makluman bahawa elaun RM12 sehari yang telah diberikan kepada mereka dahulu telah dinaikkan kepada RM3 sejam yang bermakna RM24 sehari. Mungkin barangkali elaun ini perlu ditambah lagi kepada anggota-anggota RELA yang betul-betul terlibat dalam operasi ini. Untuk menambahkan kecekapan dan keefisienan mereka, keberanian dan sebagainya, maka kita perlu memberikan mereka latihan Tuan Yang di-Pertua.

Saya tidak menafikan sebenarnya adanya pusat-pusat latihan sekarang tetapi latihan yang diberikan kepada mereka tidaklah begitu teratur. Jadi sudah sampai masanya kalau anggota-anggota RELA ini mahu kita gunakan sebaik-baiknya, maka lengkapilah mereka sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada perkara yang lain iaitu berhubung dengan pengajian tinggi di negara kita ataupun pelajaran atau kursus-kursus di universiti-universiti kita terutamanya universiti awam.

Pagi tadi kita dimaklumkan, Dewan dimaklumkan bahawa ada lebih kurang 14,000 graduan yang masih menganggur. Ertinya ada lebih kurang seribu orang pada tiap-tiap sebuah negeri di negara kita ini. Jumlah seribu orang ini saya percaya tentulah akan bertambah pada tahun-tahun yang akan datang.

Bila terdapat fenomena yang seumpama ini, Tuan Yang di-Pertua, kita mudah menyalahkan mereka. Kita mengatakan bahawa mereka telah memilih kursus-kursus yang tidak menyebabkan mereka dengan mudah mendapat pekerjaan. Kalau betul-betul bahawa mereka telah memilih kursus-kursus yang tidak memberi semacam kelengkapan kepada mereka untuk bekerja maka sudah sampai masanya saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, kita mengkaji semula kursus-kursus yang kita berikan di institusi pengajian tinggi. Mengapa seharusnya kita masih menawarkan lagi kursus-kursus yang bila ditawarkan mungkin pelajar-pelajar kita mudah tertarik kerana mudahnya pelajaran itu kerana mudah mendapat pencapaian tinggi dalam bidang itu tetapi pada akhirnya bila mereka tamat kursus itu mereka tidak mudah mendapat pekerjaan. Baiklah kursus-kursus yang seumpama itu, saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak menawarkan kepada mereka.

Alasan yang kedua, mereka tidak boleh bercakap bahasa Inggeris, Tuan Yang di-Pertua. Bagi seorang siswazah dari kampung jika dibandingkan dengan siswazah di bandar, memang betul-betul mereka mungkin barangkali ada kekurangan dalam pemahaman ataupun penguasaan bahasa Inggeris mereka. Adakah ini sebenarnya satu alasan ataupun satu alasan yang memang dicari-cari untuk menolak mereka? Dan kalau mereka adalah terdiri daripada siswazah sains, kejuruteraan dan sebagainya, saya pernah berjumpa dengan siswazah yang tamat dalam bidang kejuruteraan dan lain-lain bidang sains, yang memilih masuk dalam bidang perguruan kerana telah beberapa tahun mencari pekerjaan yang sesuai dengan kelulusan mereka tetapi masih gagal.

Apa yang kita bimbang, masuknya mereka ke dalam pendidikan ini tidak bersungguh, dalam erti kata mereka harus menunggu untuk mendapatkan peluang-peluang pekerjaan yang lebih baik, yang lebih sesuai dengan kelulusan mereka. Jadi mereka tidak memilih bidang pendidikan kerana kesesuaian atau memang kerana minat mereka. Itu yang kita bimbang. Tetapi kalau mereka telah dapat menukarkan dan menyesuaikan diri dengan kelulusan mereka, saya rasa inilah calon ataupun tokoh-tokoh guru yang baik, Tuan Yang di-Pertua.

Saya pernah berjumpa dengan seorang siswazah yang mengambil bidang pemasaran yang gagal memasarkan dirinya selama tiga tahun. Dia mengambil bidang pemasaran tetapi untuk mencari kerja – ertinya memasarkan dirinya sendiri pun dia tidak berjaya. Jadi bagaimana harus kita mengharapkan mereka memasarkan produk-produk kita, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, sebagai kesimpulan, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa eloklah kalau boleh pengajian-pengajian itu dikaji semula dan diberi peluang sebaik-baiknya kepada graduan kita ini untuk melengkapkan diri mereka sebelum mereka masuk ke pasaran pekerjaan.

Akhirnya saya hendak menyentuh satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan masalah memerangi dadah. Kalau saya tidak salah ingat, sudah dua kali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengisytiharkan yang kita akan memerangi dadah habis-habisan, dan kita pun tidak begitu faham apakah yang dimaksudkan dengan “habis-habisan”. Adakah maksud “habis-habisan” kita akan menggunakan segala kemudahan yang ada pada kita, kita akan menggerakkan segala

jentera yang ada pada kita, kita akan menggunakan segala agensi yang ada pada kita atau apa sahaja – habis-habisan, untuk memerangi dadah?

Dua, tiga bulan selepas pengisytiharan itu dibuat, kita dengar cerita bahawa ada pusat-pusat serenti kita yang menimbulkan masalah dan ada perkara-perkara lain yang menunjukkan bahawa keadaan sebenarnya tidak berubah. Kita sudah sampai ke satu peringkat di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, menteri-menteri dan pemimpin-pemimpin kita menyeru pegawai-pegawai kerajaan, pemimpin masyarakat, termasuklah kita sendiri mengubah cara kita berfikir, mengubah cara kita bertindak.

Jadi, dalam hal ini saya rasa kita memerlukan perubahan cara berfikir, kita memerlukan perubahan cara kita bertindak. Kalau kita terus-menerus menghadapi masalah dadah ini dengan cara lama sedangkan orang yang terlibat dalam dadah ini adalah terdiri daripada orang yang baru, jadi saya rasa tidak sesuai. Jadi oleh itu kita memerlukan bukan sahaja dalam kerja-kerja *engineering*, inovasi dan *reinnovation* tetapi kita memerlukan juga dalam tindakan memerangi dadah ini ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, apa pandangan Yang Berhormat, kita sudah memperundangkan hukuman mati, kita sudah memperundangkan rampasan harta, kita sudah pun memperundangkan dalam keadaan-keadaan tertentu penahanan tanpa perbicaraan, dan Dewan sedang pula membahaskan Rang Rndang-undang Penubuhan Agensi Antidadah Kebangsaan. Mungkin semua ini adalah antara langkah-langkah berterusan yang di bawah ungkapan “memeranginya habis-habisan”.

**Dato’ Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Terima kasih atas ingatan yang baik itu, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi sebahagian besar daripada apa yang disebut oleh Tuan Yang di-Pertua tadi adalah undang-undang atau penguatkuasaan. Mungkin ada cara-cara yang lain yang tidak memerlukan penguatkuasaan undang-undang tetapi memerlukan kaedah pendekatan yang lain yang hasilnya walaupun memakan masa tetapi lebih baik, misalnya melalui pendidikan dan sebagainya. Saya rasa kita selama ini mengatakan dan semua percaya bahawa melalui agama – Agama Islam, banyak masalah besar dapat diselesaikan, tetapi sejauh mana sebenarnya telah kita menggunakan pendekatan ini untuk mengatasi masalah yang kita hadapi sekarang? Itulah perkara yang kita hadapi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa Yang Berhormat.

**Dato’ Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Jadi saya rasa Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah mahu duduk bila Tuan Yang di-Pertua suruh saya duduk, sudah sampai

masalahnya untuk duduk. Jadi sekali lagi saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kerana diberi peluang untuk sama-sama membahaskan rang undang-undang ini. Jadi saya mohon menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah. Selepas ini Yang Berhormat Datuk Dr. Hj. Mohd. Fuad.

**3.28 ptg.**

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** *Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana saya diberikan ruang untuk membahaskan dan memberikan cadangan dengan ringkas-ringkasnya dalam masa kecemasan yang diberikan ini, ditambah pula dengan keadaan yang amat cemas .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu pun mengambil masa juga. *[Ketawa]*

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** ..... bila berdepan dengan Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu izinkan saya menyampaikan jutaan terima kasih kepada Perdana Menteri Malaysia yang telah menjadikan Dewan Negara sebagai contoh terbaik ataupun langkah permulaan, pembuka tirai yang mana di Dewan ini terdapat seramai 24 orang bersamaan dengan 35 peratus ahli wanita yang dipertanggungjawabkan sebagai penggubal dasar setaraf dengan kaum Adam. Tercapailah hasrat wanita walaupun telah begitu lama diperjuangkan.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga hari ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan masih gagal menunjukkan prestasi yang cemerlang, khususnya dalam menangani masalah banjir. Kebanyakan masalah banjir kilat ini berpunca daripada sistem perparitan yang tidak teratur dan masalah pembangunan kerana tidak bertanggungjawabnya pemaju perumahan.

Saya ingin mencadangkan supaya kementerian dan PBT mengenakan syarat ataupun hukuman yang berat kepada pemaju perumahan yang menyebabkan banjir.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebenarnya, kerana tajuk Yang Berhormat itu penuh dengan ranjau yang boleh disalah faham dan disalah anggap, banjir tidak sahaja merupakan tanggungjawab Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Silakan.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Tetapi masalah perparitan adalah masalah PBT...

**Tuan Yang di-Pertua:** Betul.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** ...dan juga pemaju perumahan adalah di bawah tanggungjawab PBT.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi, andai kata banjir itu disebabkan oleh perparitan semata-mata, maka munasabahlah. Saya sebutkan kerana ia sedikit sebanyak menyentuh prinsip-prinsip kongsi kuasa kita.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Kebiasaannya, Tuan Yang di-Pertua, banjir ini adalah masalah PBT.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya bukan apa, saya minta supaya Yang Berhormat lebih peka, prihatin dan sensitif kepada...

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** ...beberapa perkara yang tersirat.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Terima kasih. Saya sambung kembali.

Kementerian mengambil tindakan kepada PBT dengan mengkompaun mana-mana PBT yang gagal mengambil tindakan terhadap pemaju perumahan yang menjadi punca berlakunya banjir. Dengan adanya hukuman ini, saya percaya kakitangan PBT akan lebih beretika dan dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka.

Tuan Yang di-Pertua, masalah lain di hadapan kita ialah mengenai Along berlesen. Di kawasan saya, kawasan kecil tetapi ramai di antara pengundi atau rakyat di kawasan itu adalah berketurunan Cina. Sekarang ini Along berlesen yang diberikan lesen oleh kerajaan cukup giat beroperasi tanpa rasa bersalah kerana mereka sudah punyai lesen. Apa yang hendak saya katakan ialah adakah Along berlesen ini diberikan syarat dan garis panduan serta pemantauan dan kawal selia oleh pihak berkuasa.

Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian bagi memastikan bahawa mereka ini bukan ceti haram berlesen. Mengapakah kementerian berdiam diri bila...

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Saya mohon penjelasan, betulkah ada Along berlesen ini? Saya tidak pernah dengar lagi Along berlesen.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ceti berlesen ada.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Ada, tetapi Along berlesen saya belum dengar lagi.

**Seorang Ahli:** Istilah baru.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Jadi, istilah itu tidak bolehlah kalau Along itu tidak berlesen, kita tidak boleh katakan Along berlesen. Satu kekeliruan timbul nanti. Terima kasih.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri. Saya tahu itu, Tuan Yang di-Pertua, dia sengaja hendak kacau, goyangkan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu di bawah Peraturan Mesyuarat tidak boleh menimbulkan salah anggap dan buruk sangka terhadap Ahli Yang Berhormat yang lain.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Saya mohon maaf, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Along berlesen itu samalah dengan ceti haram. Cuma dia ini ada bangunan sendiri, ada dia punya sepanduk dan sebagainya. Sebenarnya apa yang dibuat, apa yang dijalankan, sama dengan ceti haram.

**Datuk Haji Karim Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Dia mengenakan faedah... Saya belum habis, Datuk Haji Karim.

**Tuan Yang di-Pertua:** Belum beri laluan.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Saya tahu, saya tahu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Belum lagi.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Saya tahu Datuk Haji Karim memang minat dengan wanita. *[Ketawa]*

Mereka ini menjalankan perniagaan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu tidak menimbulkan buruk sangka. Boleh teruskan. *[Ketawa]*

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Mereka ini menjalankan perniagaan secara "*in paper*", maknanya benda itu macam betullah. Tetapi

sebenarnya faedah yang dikenakan sama seperti ceti haram yang diharamkan oleh kerajaan. Silakan, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Karim Ghani:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya banyak berjumpa orang-orang yang pergi kepada Along ini. Mereka pergi kepada Along kerana kerenah bank ini yang tidak memberikan pinjaman yang secara kecil-kecilan ini kerana bank hendak minta *working paper, collateral* dan sebagainya sehinggakan orang-orang yang memerlukan RM2 ribu atau RM3 ribu menggunakan wang yang serupa ini tidak ada masa. Jadi macam mana? Adakah ini betul kerana bank punya kerenah sehingga orang pergi kepada Along? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju dengan Yang Berhormat. Sebenarnya birokrasi yang ada di bank ini yang menyebabkan Along-along ini boleh menjadi maharajalela. Tetapi saya serahkan kepada Kementerian Kewangan untuk menjawab pada hari esok.

Tuan Yang di-Pertua, saya sambung. Mengapakah kementerian berdiam diri bila iklan-iklan yang dikeluarkan oleh akhbar dan ditampal di pokok-pokok atau di tiang-tiang telefon berkaitan dengan pinjaman segera ini? Tidakkah kementerian sedar bahawa Perdana Menteri begitu serius hendak menangani masalah ceti haram ini?

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh Kementerian Pelajaran pula, saya ingin mencadangkan supaya Kementerian Pelajaran mengadakan sebuah sekolah khusus untuk pelajar Tingkatan Enam di setiap daerah dan disediakan kemudahan yang setaraf dengan kemudahan di IPTA dan sistem pembelajaran Tingkatan Enam hendaklah mengikut kaedah pembelajaran di universiti-universiti yang lebih menekankan konsep pembelajaran sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Terima kasih kepada kerajaan kerana telah meluluskan elaun perkhidmatan awam kepada anggota KEMAS seluruh Malaysia baru-baru ini. Adakah kementerian bercadang untuk memberikan kemudahan pinjaman perumahan dan kenderaan kepada anggota KEMAS sebagaimana yang dinikmati oleh kakitangan perkhidmatan awam yang lain-lain?

Tuan Yang di-Pertua, bagi menentukan prestasi KEMAS dilihat sebagai agensi yang berkesan kepada kerajaan serta dihormati oleh seluruh rakyat, khasnya luar bandar, saya ingin mencadangkan kepada kementerian agar tidak jemu-jemu untuk

menambahbaikkan peranan anggota KEMAS, bukan sahaja melalui ganjaran dan imbuhan kepada penyelia...

**Tuan Ismail bin Kasim:** Pohon laluan, Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** ...pemaju masyarakat tetapi perlengkapkanlah mereka ini dengan ilmu mengikut perkembangan masa supaya pengajaran yang hendak disampaikan kepada masyarakat tidaklah di takuk yang lama. Silakan.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Sharifah. Bila Yang Berhormat menyentuh tentang peranan KEMAS dan khidmat yang ditagih daripada anggota-anggota KEMAS, saya ingat saya pohon penjelasan. Saya bercakap di Dewan yang mulia ini pada tahun lepas pada sesi yang lepas berhubung dengan nasib 15 ribu kakitangan KEMAS yang saya rasa pemberian elaun dan juga pinjaman perumahan tidak mencukupi. Kakitangan KEMAS yang seramai 15 ribu orang ini sepatutnyalah diberi taraf tetap dan juga berpencen kerana selepas mereka menamatkan perkhidmatan kerana bersara pada umur perkhidmatan 55 tahun, kita lihat sebahagian besar daripada pemaju masyarakat, penyelia-penyelia kanan dan sebagainya seolah-olah berada dalam paras kemiskinan yang kita rasa tidak patut dengan khidmat dan sumbangan yang diberikan kepada rakyat selama ini. Apa pandangan Yang Berhormat mengenai perkara ini?

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Tuan Yang di-Pertua, pertama, soalan Yang Berhormat tadi berhubung dengan KEMAS. Sebenarnya KEMAS bukan ada diberikan bantuan ataupun pinjaman perumahan, memang tidak ada langsung. Ayat itu kena diperbetulkan balik, Yang Berhormat. Dan berhubung...

**Tuan Ismail bin Kasim:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup, Yang Berhormat.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Berhubung dengan berpencen, sebenarnya walaupun anggota KEMAS tidak diberikan pencen tetapi hak KWSP milik majikan dan milik pencarum adalah milik KEMAS. Berbeza dengan kakitangan kerajaan atau kakitangan perkhidmatan awam yang berpencen, mereka hanya dapat KWSP, saya ingat kurang daripada RM10 ribu. Ini penjelasan saya, selebihnya akan saya serah kepada Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tadi mohon untuk menjelaskan apa yang dia ketengahkan. Silakan.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Saya faham, Yang Berhormat, cuma saya minta Yang Berhormat Puan Sharifah, saya kata saya bersetuju dan berterima kasih kepada kerajaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan panjang-panjang, orang tidak boleh faham.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Cuma sekarang ini saya minta ditetapkan jawatan, itu sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, cukup.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Terima kasih. Dari segi untuk menetapkan untuk menjadikan anggota KEMAS sebagai anggota perkhidmatan awam yang tetap, saya serahkan kepada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, anggota KEMAS haruslah dibekalkan dengan pengetahuan dan latihan yang cukup dan lebih moden setaraf dengan keadaan negara ke arah *millennium*. Sistem pembentukan perkembangan kanak-kanak melalui prasekolah hendaklah dikurangkan dari segi ko-kurikulum yang hanya boleh menonjolkan kebolehan kanak-kanak tetapi berikanlah tumpuan ke arah sivik dan pembelajaran bagi menepati kehendak 3M iaitu membaca, menulis dan mengira. Bagi jurusan kesejahteraan dan kemahiran, kementerian haruslah melihat kepada kawasan sekeliling dan carilah tempat mengajar yang sesuai, maksud saya bangunan khusus serta dibekalkan peralatan yang lebih sempurna mengikut peredaran zaman.

Tuan Yang di-Pertua, satu ketika dahulu pewujudan KEMAS amat merunsingkan pembangkang kerana mereka ini merupakan mata dan telinga kerajaan. KEMAS adalah merupakan agensi nombor satu kerajaan bagi menyampaikan maklumat serta menerangkan dasar kerajaan kepada rakyat di peringkat akar umbi, ke manakah hala tuju KEMAS hari ini? Adakah penyerapan KEMAS ke JPA menyebabkan ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah tiba detik separuh masa.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** *[Ketawa]* Ada lagi separuh, Tuan Yang di-Pertua. Adakah penyerapan KEMAS ke JPA menyebabkan KEMAS menjadi lesu dan tidak digeruni lagi? Kementerian harus sedar bahawa tujuan asal penyerapan KEMAS ke JPA adalah supaya kebajikan mereka terbela.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh Kementerian Penerangan. Saya ingin mencadangkan supaya rancangan hiburan atau pertandingan hiburan seperti Akademi Fantasia dan lain-lain yang menjadi kegilaan budak-budak dan remaja hari ini

hendaklah ditayangkan dengan mengambil kira ianya tidak serentak dengan tarikh pelajar akan menghadapi peperiksaan akhir.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih ke Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri berhubung dengan masalah pekerja asing yang bekerja di Malaysia secara sah. Saya ingin mencadangkan kepada kementerian supaya mensyaratkan pekerja asing yang beragama Islam hanya dibenarkan bekerja dengan majikan Islam sahaja. Ejen yang gagal mematuhi hendaklah dihukum penjara dan sebat. Adakah kementerian bercadang untuk *revise* semula syarat dan bayaran sejumlah RM4,400 yang dikenakan oleh ejen kepada majikan bagi mendapatkan pembantu rumah terlalu membebankan majikan. Cara bayaran kepada ejen adalah secara tunai RM3,000 dan dipotong gaji pembantu rumah selama empat bulan;  $RM350 \times 4 = RM1,400$ .

Antara punca berlakunya perkara yang tidak diingini seperti penderaan kepada anak jagaannya atau lari dari rumah majikan dan sebagainya adalah kerana pembantu rumah tidak dibayar gaji selama empat bulan pertama, inilah yang menyebabkan tekanan mental bagi pendatang asing ini.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Pohon laluan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak beri laluan lagi?

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Saya ingat masa saya pendek sangat Tuan Yang di-Pertua, biar saya habiskan sedikit lagi, minta maaf. Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada Kementerian Kewangan. Walaupun rakan-rakan telah menyebut tetapi saya suka mengulangi berkenaan dengan *service charge* yang dikenakan oleh kerajaan yang secara sedar atau tidak sebenarnya telah memberikan keuntungan besar kepada institusi kewangan antaranya ialah kenaikan harga buku cek daripada 13 sen sekeping kepada 30 sen sekeping, caj pengeluaran melalui mesin ATM sebanyak 50 sen, caj pengeluaran cek tunai dengan cajnya bernilai RM2 setiap cek.

Dengan kemudahan keuntungan yang diperolehi inilah yang menyebabkan pelbagai kemudahan dana untuk pinjaman yang disediakan oleh kerajaan kepada institusi kewangan tidak dapat dinikmati sepenuhnya oleh pengguna kerana pihak .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Caj buka pintu bank tidak ada?

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Tidak ada, belum ada tetapi kalau dibiarkan, mungkin berlaku, kerana pihak institusi kewangan amat sukar untuk memberikan pinjaman. Apakah peranan CGC sebenarnya dalam membantu

serta memberi kemudahan kepada pengguna untuk menikmati dana pinjaman yang disediakan oleh kerajaan? Saya juga ingin mengetahui apakah cara penyelesaian birokrasi yang telah ditemui oleh kementerian dalam memberikan kemudahan pinjaman kepada usahawan?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya Bank Negara mengkaji semula penyenaarai hitamnya peminjam. Saya ingin mencadangkan supaya peminjam yang pernah gagal dan bermasalah dalam menjelaskan hutang lapuk diberikan peluang untuk membuat pinjaman semula bagi membolehkan mereka bebas daripada masalah kewangan dengan cara bayaran balik dipotong terus daripada akaun bank mereka setiap bulan bagi mengelakkan mereka daripada menjadi bankrap.

Tuan Yang di-Pertua, akhir tetapi tidak penghabisan, sebelum saya duduk, ingin saya mencadangkan kepada Menteri yang menjaga hal ehwal Parlimen supaya setiap soalan lisan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat hendaklah diberikan jawapan bertulis kepada setiap Ahli Yang Berhormat supaya soalan yang sama tidak akan berulang lagi.

Selain daripada itu, saya juga ingin mencadangkan di Dewan yang mulia ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah ada di bawah Peraturan Mesyuarat ada pertanyaan-pertanyaan yang diberi jawapan lisan dan ada yang diberi jawapan bertulis.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Yang kita terima soalnya, jawapannya tidak nampak. Maknanya Yang Berhormat lain juga perlu mengetahui jawapan-jawapan kepada soalan yang diberikan oleh rakan-rakan yang lain.

Akhir kata, saya juga ingin mencadangkan di Dewan yang mulia ini.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Tetapi kalau baca *Hansard*?

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Ada soalan yang tidak berjawab, biasanya kita habis sehingga pukul 11, hanya ada 15 ke 20 soalan sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh, saya sedia maklum.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Saya juga ingin mencadangkan di Dewan yang mulia ini, supaya Ahli Dewan Negara dibenarkan menjadi ahli mesyuarat di peringkat pembangunan daerah yang dipengerusikan oleh pegawai daerah.

Dengan kata-kata demikian, saya mohon menyokong Usul Perbekalan 2005, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat kerana menepati masa. Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi.

**3.47 ptg.**

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut membahaskan.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Selepas ini Datuk Yaakob bin Haji Mohammad.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** ...Rang Undang-undang Perbekalan 2005 ini. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah berjaya membentangkan satu belanjawan yang bertemakan kesinambungan kejayaan. Satu daripada contoh yang cukup penting di dalam kejayaan membentangkan belanjawan ini ialah kesungguhan kerajaan dari segi membangunkan sumber manusia sebagai pemangkin pertumbuhan.

Saya mengambil contoh dalam bidang pendidikan. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana menyediakan peruntukan yang cukup tinggi iaitu sebanyak RM21.5 bilion untuk bidang pendidikan. Bagi saya, ini adalah satu tindakan yang cukup penting sebenarnya kerana jika kita ingin keluar dari garis kemiskinan hidup, maka pendidikanlah jawapannya. Kita tidak ada cara yang paling penting, paling berkesan sebenarnya kalau kita ingin keluar dari garis kemiskinan hidup kecuali kita mengutamakan dalam bidang pendidikan. Bahkan sebenarnya apabila kerajaan menumpukan tumpuan yang cukup besar kepada bidang pendidikan, maka ini adalah bukti sebenarnya bahawa kerajaan juga melaksanakan syariat Islam sebenarnya kerana syariat Islam itu mempunyai makna yang luas iaitu bukan sahaja setakat untuk kita melaksanakan Hudud tetapi membasmi kemiskinan juga syariat Islam, memberikan pendidikan juga syariat Islam. Maka sebab itulah saya mengatakan kita harus memberikan tahniah kepada kerajaan yang memberikan tumpuan dalam bidang pendidikan ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam membincangkan soal pendidikan ini, satu aspek yang saya rasa masih kurang diberikan tumpuan oleh pihak kerajaan ialah bagaimanakah kita boleh menguasai teknologi tinggi sebenarnya? Sebab itulah saya

ingin membangkitkan kembali cadangan yang pernah dikemukakan satu ketika dahulu bahawa kerajaan sepatutnya sudah pun membangunkan Sekolah Menengah Elit Sains dan Teknologi sebagai frontier dengan izin kepada anak-anak muda kita daripada awal lagi, pelajar-pelajar kita daripada awal lagi untuk menguasai bidang teknologi tinggi ini.

Dengan adanya Sekolah Menengah Elit Sains dan Teknologi ini, maka sudah tentulah Tuan Yang di-Pertua, ini akan membantu kita untuk mencapai satu cita-cita bahawa kita akan menguasai teknologi tinggi di masa akan datang. Kita harus lihat cabaran yang berlaku di Singapura. Kita tahu bahawa Amerika sedang membangunkan bidang teknologi angkasa lepas di Singapura. Maka sebab itulah dalam menghadapi cabaran dengan apa yang berlaku di Singapura ini, kita mesti juga melakukan persiapan iaitu bagaimanakah kita juga dapat menguasai bidang yang sama.

Sebab itulah dari dahulu saya bersetuju dengan pandangan yang pernah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat bekas Perdana Menteri bahawa jika kita ingin memindahkan teknologi, ia tidak boleh semata-mata dilakukan melalui akademik semata-mata, maka kita perlu melakukan pemindahan teknologi melalui industri.

Sebab itulah barangkali kenapa Yang Amat Berhormat bekas Perdana Menteri kita menubuhkan HICOM dengan tujuan untuk memindahkan teknologi kepada pakar-pakar tempatan. Maka sebab itulah di dalam melihat perkara yang sebegini penting saya ingin mencadangkan supaya Kementerian Pengajian Tinggi yang utamanya harus memikirkan apakah kita boleh menukarkan ataupun mengupgradekan dengan izin Proton sebagai contohnya dijadikan sebagai satu universiti iaitu Universiti Automobil Malaysia kerana apa yang kita dapati berdasarkan maklumat yang disampaikan ternyata bahawa sebenarnya Jepun tidak begitu ikhlas dalam memindahkan teknologi kepada pakar-pakar tempatan.

Sebab itulah saya mengatakan tadi bahawa sudah sampai masanya Proton ini sendiri dibangunkan sebagai sebuah universiti dan dikenali sebagai Universiti Automobil Malaysia untuk kita menguasai bidang teknologi tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan dalam bidang ini bahawa suatu ketika dahulu pernah Menteri Kewangan yang lama di dalam pembentangan belanjawannya telah memaklumkan bahawa setiap satu kawasan Parlimen akan mempunyai Kolej Komunitinya. Tetapi hingga hari ini kita melihat cadangan itu tidak

dilaksanakan sepenuhnya iaitu pembinaan satu Kolej Komuniti dalam satu kawasan Parlimen.

Maka sebab itulah di Dewan yang mulia ini saya ini mencadangkan kembali supaya perkara ini diberikan perhatian oleh Kementerian Pengajian Tinggi dan saya juga ingin mencadangkan supaya di dalam pembinaan Kolej Komuniti ini maka konsep kolej komuniti yang sebenarnya haruslah diguna pakai iaitu:

- (i) mestilah mengutamakan kepada pemberian skill bukan semata-mata dalam bidang akademik,
- (ii) kita tidak perlu sebenarnya membina satu kawasan kolej yang baru dengan kemudahan-kemudahan yang canggih seperti padang, bangunan-bangunan baru tetapi sesuai menggunakan bangunan-bangunan yang sedia ada, sewa rumah-rumah kedai dan sebagainya untuk dijadikan sebagai kolej komuniti ini supaya konsep kolej komuniti yang sebenarnya benar-benar dilaksanakan iaitu memberi kesan kepada komuniti yang ada di sekitarnya. Dengan cara inilah saya yakin kita dapat mengurangkan kos dan kita dapat mempercepatkan proses pembinaan kolej komuniti di setiap kawasan Parlimen ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam membicarakan soal pendidikan ini, saya juga ingin menyentuh tentang pendidikan agama. Kita dapati bahawa pendidikan agama adalah begitu penting sebenarnya. Oleh kerana itulah saya ingin mencadangkan di Dewan yang mulia ini supaya Kementerian Pelajaran akan dapat membangunkan lebih banyak sekolah-sekolah menengah agama yang masih kurang di negara kita.

Ini juga dapat membantu untuk menggantikan Sekolah Agama Rakyat yang mempunyai banyak kelemahan dan kedaifan sebenarnya yang masih memerlukan bantuan daripada Kerajaan Pusat. Saya ingin menyatakan di sini bahawa di Johor, sebagai contoh, boleh dikatakan perbelanjaan untuk mengurus sekolah agama rendah adalah begitu tinggi. Setiap tahun belanjawan kerajaan negeri yang dibentangkan sebanyak RM400 juta, sebanyak RM100 juta adalah dikhaskan untuk sekolah agama rendah iaitu dari segi pengurusan, membayar gaji dan sebagainya.

Tetapi di Johor juga ada Sekolah Agama Rakyat yang memberikan tumpuan kepada sekolah sebagai sekolah menengah agama. Oleh kerana itulah apabila ada

tuduhan yang mengatakan bahawa Kerajaan Negeri Johor telah menutup Sekolah Agama Rakyat dalam tahun lalu. Sebenarnya tuduhan itu adalah tidak berasas.

Apa yang berlaku ialah apabila Sekolah Agama Rakyat yang tertumpu kepada Sekolah Menengah Agama ini juga cuba membuat Sekolah Agama Rendah sedangkan di Johor sudah ada Sekolah Agama Rendah yang didirikan oleh kerajaan negeri. Maka di situlah sebabnya kenapa kerajaan negeri telah mengarahkan Sekolah Agama Rakyat menutup operasi sekolah agama rendahnya. Inilah yang menyebabkan ada tuduhan seolah-olah Kerajaan Negeri Johor mengarahkan menutup Sekolah Agama Rakyat. Sebenarnya tidak tepat tuduhan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi aspek pendidikan yang harus diberikan perhatian oleh pihak kerajaan ialah soal pendidikan khas sebenarnya. Kita dapati pendidikan khas di negara kita ini adalah terlalu baru dan kita dapati pendidikan khas yang ada sekarang ini hanya tertumpu kepada pelajar-pelajar yang rendah IQ nya ataupun rendah keupayaannya. Tetapi tumpuan kita pendidikan khas kepada mereka yang menghadapi masalah seperti down syndrome tidak diberikan keutamaan.

Kalau kita lihat di Barat, pendidikan khas mereka adalah begitu tinggi. Pendidikan khas untuk mereka yang menghadapi setiap down syndrome ini kita lihat mereka ini belajar hingga ke peringkat sijil ataupun diploma supaya mereka ini apabila kehilangan ibu bapa nanti maka mereka mampu berdiri di atas diri mereka sendiri iaitu mereka ada tempat untuk bergantung apabila ibu bapa mereka yang menjaga mereka selama ini tiada. Sebab itulah saya berharap pendidikan khas di negara kita ini diberikan satu perhatian yang khusus supaya golongan seperti down syndrome ini tidak diketepikan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam membincangkan soal isu kecemerlangan pendidikan di negara ini .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sudah tiba di detik separuh masa.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh satu aspek yang penting iaitu soal keselamatan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan di sini supaya kerajaan sebenarnya memberikan perbelanjaan yang lebih kepada pihak polis yang ternyata sudah berjaya menjamin keselamatan negara kita yang begini baik, keamanan yang kita dapati, keamanan yang kita perolehi sekarang ini adalah hasil daripada kegigihan pihak keselamatan khususnya polis.

Oleh itu saya mencadangkan supaya polis kita ini diberikan peruntukan yang lebih supaya mereka mendapat peralatan-peralatan yang lebih canggih sebenarnya. Saya dapati ada polis terutama balai-balai polis di kawasan-kawasan pekan yang kecil terpaksa meminta bantuan peruntukan pembangunan daripada Wakil-wakil Rakyat seperti untuk membeli mesin faks, komputer dan sebagainya. Oleh kerana itulah kenapa perkara ini harus diberikan perhatian terutamanya kita lihat sebagai satu contoh apabila kita ingin mengatasi masalah keselamatan jalan raya, saya mencadangkan kalau boleh di lebuh raya kita ini, polis daripada satu exit kepada satu exit dengan izin contohnya daripada Ayer Keroh ke Tangkak ada satu polis peronda yang sentiasa bergerak di kawasan tersebut supaya pemandu-pemandu jalan raya ataupun pengguna lebuh raya tidak akan memandu dengan laju kerana adanya polis peronda yang sentiasa bergerak di situ dan barangkali menahan satu atau dua kereta supaya memberikan ingatan dan pengajaran kepada kereta lain supaya jangan memandu laju, berbanding dengan sistem saman ekor yang kita gunakan sekarang ini, tidak begitu berkesan sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membincangkan soal saman ekor ini, saya dapati pemandu-pemandu Singapura yang gagal membayar saman adalah cukup besar dan cukup tinggi dan kita dapati seolah-olah tidak ada tindakan yang tegas diambil kepada pemandu-pemandu dari Singapura ini sebab itulah kalau kita lihat pemandu-pemandu Singapura yang memandu di lebuh raya kita mereka ini memandu dengan keadaan yang tidak mematuhi peraturan kita sebenarnya walau di negara mereka dikatakan mereka cukup berdisiplin tetapi di negara kita mereka tidak berdisiplin. Sebab itulah saya ingin mencadangkan supaya pihak polis mengambil tindakan yang tegas terhadap pemandu-pemandu Singapura ini supaya mereka membayar saman mereka dengan segera dan supaya mereka ini tidak melanggar undang-undang di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, menyebut tentang Singapura ini saya mengharap kerajaan kita juga bersikap tegas kepada pihak Singapura terutamanya di dalam rundingan-rundingan yang sedang dilakukan sekarang ini terutama yang membabitkan isu air dan berbagai-bagai isu lagi yang masih tertangguh, supaya jangan dilihat pihak kita ini adalah pihak yang cukup lemah dan sentiasa tunduk kepada tekanan daripada pihak Singapura. Sebab itulah saya ingin mencadangkan di dalam Dewan yang mulia ini supaya kita menuntut pampasan daripada Kerajaan Singapura dalam pembinaan Tambak Johor yang dibina ketika Singapura berada di dalam Malaysia dahulu

sehingga setelah mereka ini merdeka, mereka belum membayar pun kos pembinaan Tambak Johor itu. Sepatutnya setelah mereka merdeka daripada kita, maka separuh daripada pembinaan Tambak Johor itu juga harus dibayar oleh Kerajaan Singapura.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad. Memandangkan Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Singapura sudah mula mengadakan perhubungan yang lebih baik dengan lawatan Senior Minister Goh Chok Tong ke Malaysia dan dengan pengumuman-pengumuman yang baik oleh Perdana Menteri kita dan ada perbincangan seterusnya, patutkah Malaysia mengambil satu sikap yang tegas terhadap isu ini? Saya minta pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kalau kita lihat rentetan sejarah hubungan negara kita dengan Singapura, ternyata bahawa Singapura tidak pernah menunjukkan kesungguhan mereka di dalam memperkukuhkan hubungan dua hala ini. Sebagai contohnya, apabila dicadangkan pembinaan jambatan baru untuk merobohkan Tambak Johor, Singapura memberikan tekanan supaya perkara ini dibincangkan secara pakej dengan isu-isu yang tertangguh. Tetapi apabila bekas Perdana Menteri kita dahulu iaitu Tun Mahathir membuat keputusan, kalau begitu kita bina sahaja jambatan yang bengkok ini, yang mana maksudnya jambatan ini akan terus disambung kepada sempadan Jambatan Singapura ini. Dan apabila perkara ini sudah hampir dilaksanakan, maka barulah Singapura mencadangkan supaya dibincangkan semula soal pembinaan jambatan ini, iaitu untuk membina jambatan yang lurus bukan lagi jambatan bengkok dengan alasan bahawa kalau ini diteruskan, maka ini akan menggambarkan sehingga ke anak cucu kita seolah-olah bahawa wujud perhubungan yang tidak baik di antara Singapura dengan Malaysia.

Malangnya apabila perkara ini diterima dan dibatalkan cadangan untuk membina jambatan bengkok ini, kita dapati bahawa apa yang berlaku sekarang ini ialah apabila perundingan ini dimulakan semula, mengapakah Singapura hanya menghantar Menteri Kanannya sahaja untuk berbincang dengan Perdana Menteri kita. Kenapa tidak Perdana Menterinya sendiri, Jeneral Lee Hsien Loong untuk berbincang dengan Perdana Menteri kita. Sebab itulah saya mengatakan kita ragu-ragu dengan kesungguhan ini. Apatah lagi ada beberapa tuntutan yang dilakukan oleh Singapura

terhadap Malaysia seperti yang melibatkan soal rumah api dan sebagainya yang kita lihat Singapura tidak mengikut peraturan antarabangsa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Mungkin yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi, oleh kerana sentimen perhubungan di antara ...Sila duduk Yang Berhormat. Sila duduk.

Oleh kerana sentimen perhubungan di antara Malaysia-Singapura ini ialah setelah sekian lama negatif dan baru-baru ini timbul bunga-bunga ianya mungkin beralih menjadi lebih positif, apakah tidak masing-masing pihak di kedua-dua buah negara cuba menyemarakkan perkara-perkara yang membangkitkan sentimen positif lebih daripada yang menimbulkan sentimen negatif bagi membantu pemimpin kedua-dua negara untuk lebih mudah menyelesaikan masalah di antara dua negara ini.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju dengan pandangan tersebut. Cuma apa yang saya katakan bahawa pihak Malaysia tidak boleh selama-lamanya mengambil sikap yang terlalu defensif, dengan izin, kita perlu mengambil pendekatan yang *offensive* iaitu untuk memberi tekanan kepada Singapura, bahawa kalau boleh tidak boleh selama-lamanya berdolak-dalik dengan kita.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya beralih kepada satu aspek yang ingin saya sentuh sebelum masa saya tamat, iaitu soal meningkatkan kualiti hidup berdasarkan kepada strategi keempat di dalam Belanjawan 2005.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang Kementerian Kesihatan terutamanya tentang kemudahan kesihatan di kawasan-kawasan desa dan di pekan-pekan. Kita dapati hingga ke hari ini masih banyak kelemahan dan kekurangan yang berlaku khususnya kekurangan dari segi doktor-doktor yang berkhidmat di desa-desa dan di pekan-pekan. Apa yang mendukacitakan ialah kekurangan kemudahan seperti ambulans dan sebagainya. Ini cukup nyata.

Dan satu lagi kekurangan ialah kemudahan untuk *maternity*, dengan izin, iaitu kemudahan untuk bersalin di desa-desa ini. Oleh sebab itulah saya mengharapkan Kementerian Kesihatan memberikan penumpuan kepada aspek ini, iaitu kemudahan kesihatan di luar bandar khususnya di pekan dan di desa.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang Kerajaan Tempatan di mana apa yang mendukacitakan sekarang ini ialah kita dapati apabila dibangunkan kawasan-kawasan perumahan yang padat penduduk, kita dapati juga ikut serta

dengan pembangunan tersebut ialah pusat-pusat hiburan terutamanya karaoke, pub dan sebagainya yang berkembang biak di kawasan-kawasan projek perumahan yang padat penduduk. Ia bukan sahaja mengganggu keselesaan penduduk di kawasan perumahan tersebut, tetapi sebenarnya mengganggu dari segi kualiti hidup penduduk yang ada di kawasan tersebut.

Kita lihat seolah-olah tidak ada tindakan yang tegas dan apa yang kita dapati, walaupun ada serbuan dibuat, tetapi operasi pusat-pusat hiburan ini yang beroperasi lebih daripada lewat malam, kadang-kadang sampai pukul 2.00 pagi masih berterusan dan ini banyak berlaku.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat boleh gulung.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong belanjawan ini. Sekian, Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad, selepas itu Dato' Omar bin Faudzar dan Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok.

#### **4.08 petang**

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih di atas peluang untuk membolehkan saya membahaskan Rang Undang-undang dinamakan Akta Perbekalan 2005.

Saya juga seperti rakan yang lain ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi di atas pembentangan Belanjawan 2005 yang begitu memberangsang ke arah menjana ekonomi negara yang lebih seimbang.

Di dalam perbahasan ini saya ingin menyentuh maksud hanya lima iaitu B.1 Parlimen, B.5 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, B.25 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, B.49 Kementerian Pengajian Tinggi dan akhir sekali B.62 Kementerian Keselamatan Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal Parlimen, saya kadang-kadang masih terasa melihatkan beban dan tanggungjawab Parlimen baik Dewan Rakyat atau

Dewan Negara sebenarnya begitu mencabar, jika dibandingkan dengan peranan Parlimen di peringkat antarabangsa. Dari segi perbandingan, saya lihat beberapa perubahan dari segi logistiknya, dari segi pengurusannya dan dari segi skim perkhidmatannya harus diberi titik kajian oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam mahupun oleh Perbendaharaan dari segi perjawatan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pemerintahan negara ini ditegak atas berapa cabang?  
1610

**Datuk Yaacob bin Haji Mohammad:** Tuan Yang di-Pertua, ada tiga. Yang pertama dari segi penggubal undang-undang (*Legislative*), kemudian kehakiman (*Judiciary*) dan juga eksekutif (*Executive*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidakkah masing-masing cabang memerlukan infrastruktur dan logistik yang sempurna?

**Datuk Yaacob bin Haji Mohammad:** Ya, ini yang saya cuba tonjolkan dan hala tuju supaya di bawah legislatif ini lebih seimbang dengan cabang-cabang yang lain. Kita lihat ada sedikit kekurangan dari segi imej walaupun beban tugasnya agak mencabar dan berat ataupun tidak kurang pun, sama berat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mungkin ada pihak-pihak yang ingat Ahli-ahli Yang Berhormat di Parlimen ini kurang kerja, maka memerlukan kurang peralatan, tak?

**Datuk Yaacob bin Haji Mohammad:** Saya kira itu salah satu alasan. Mungkin yang keduanya cara kita menjustifikasikan beban tugas kita kepada pihak JPA ataupun Kementerian Perbendaharaan. Saya tidak bermaksud untuk.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Maka Jabatan Perkhidmatan Awam ini untuk *serve* hanya cabang eksekutif atau untuk ketiga-tiga cabang pemerintahan?

**Datuk Yaacob bin Haji Mohammad:** Dari segi hala tuju matlamat Jabatan Perkhidmatan Awam sepatutnya menitikberatkan ketiga-tiga aspek yang mana diamanahkan di bawah Perlembagaan. Nampaknya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua begitu tertarik soal subjek ini. Saya bukan bertujuan untuk membela mana-mana pihak tetapi atas asas prinsip keadilan dan prinsip beban tugas Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat secara perbandingan di dalam senarai perjawatan 2005, saya lihat Jabatan Kehakiman ataupun Ketua Hakim Negara gajinya ialah RM14,520 bersih *plus-plus* tetapi jawatan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Yang di-Pertua Dewan Negara gajinya lebih rendah RM12,927. Jadi dari segi gaji sahaja saya lihat memang sudah wujud satu ketidakseimbangan dan saya membela....

**Tuan Yang di-Pertua:** Bila Yang Berhormat cakap macam itu nanti orang ingat saya api-apikan Yang Berhormat untuk saya dinaikkan gaji.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila teruskan.

**Datuk Yaacob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dari segi perbandingan jawatan-jawatan yang lain juga saya lihat umpamanya Setiausaha Dewan Rakyat, jawatannya hanya tingkatan *Superscale C* atau Jusa C tetapi Dewan Negara juga lebih rendah iaitu saya ingat hanya N.54 dibandingkan dengan Setiausaha-Setiausaha Suruhanjaya Pilihan Raya yang *Superscale A* dan B . Begitu juga Suruhanjaya Pendidikan dan Suruhanjaya Perguruan dan juga Suruhanjaya Keretapi. Jadi wujud satu ketidakadilan dari segi jawatan. Di sini saya tidak mempersoalkan peranan Suruhanjaya mana yang penting atau tanggungjawab Setiausaha mana yang penting tetapi saya kira di Parlimen harus juga kaji balik tentang peranan dan beban tugas mereka selaras dengan jika dibandingkan dengan tanggungjawab Setiausaha-Setiausaha di Jabatan lain.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua tentang Parlimen juga saya sentuh berkaitan dengan pengambilan jawatan pegawai-pegawai penyelidik. Saya kira perkara ini jika dibandingkan dengan Parlimen di peringkat antarabangsa, mereka sememangnya mempunyai pegawai-pegawai penyelidik yang akan membantu Ahli-ahli Dewan Rakyat mahupun ahli-ahli Dewan Negara. Untuk itu saya pohon pihak pengurusan Parlimen cubalah justifikasikan peranan pegawai penyelidik agar memberi kemudahan kepada Ahli-ahli Parlimen untuk mendapat fakta maklumat dalam membuat sesuatu perbahasan yang kadang-kadang sememangnya Rang Undang-undang itu mungkin sedikit lewat dan kadang-kadang menyusahkan Ahli-ahli Parlimen untuk membahaskan sesuatu Rang Undang-undang.

Di samping itu juga saya ingin menyentuh.....

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Saya mohon penjelasan. Adakah pegawai penyelidik yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu setiap orang Ahli Parlimen itu diberikan seorang pegawai penyelidik? Adakah itu yang dimaksudkan atau "Aye" men ini sahaja yang mempunyai pegawai penyelidikan?

**Datuk Yaacob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Tuan Haji Hassan. Pada peringkat permulaan dari segi perancangan dan pelaksanaannya mungkin kita boleh lihat seorang Ahli Parlimen atau seorang pegawai penyelidik boleh berkongsi bersama dengan tiga atau empat orang Ahli-ahli Parlimen. Mungkin dalam jangka panjang ini kita akan menjurus ke arah tersebut supaya peranan Ahli Parlimen lebih berkesan kepada pewujudan satu sistem perundangan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang peranan Parlimen yang begitu penting juga dengan tiga bidang saya telah saya sebut awal tadi dari segi pengurusan dan pentadbiran Parlimen sendiri. Sepatutnya kedudukan Parlimen hendaklah berasingan, tidak di bawah Perbendaharaan atau di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam. Sebaliknya mereka sebaik-baiknya suatu badan bebas yang boleh merancang dari segi kewangan sebagaimana pernah pun dilaksanakan pada tahun 1992. Ini di antara beberapa perkara yang boleh membolehkan Parlimen menjalankan tugas yang lebih gemilang dan terbilang.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh perkara Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, saya ingin *quote* semula tentang kedudukan kekosongan jawatan yang diwar-warkan baru-baru ini sekitar 250,000 kekosongan. Dan bagi memastikan dasar kerajaan dapat dilaksanakan dengan lebih licin kalau boleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam menyatakan di dalam Dewan yang mulia ini di Jabatan manakah atau di Kementerian manakah berlakunya kekosongan ini agar *priority* dapat diberi tumpuan. Di samping itu kategori jawatan manakah, adakah kumpulan pengurusan atau kumpulan pertengahan.

Kemudian saya sentuh B25 berkaitan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Ini berkaitan dengan dua perkara. Pertama, berhubung kait dengan pengusaha-pengusaha pengedar minyak sama ada Shell, BP, ESSO dan sebagainya. Saya lihat memang dari segi kerumitan yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha pengedar minyak ini terlalu berat jika dibandingkan dengan komisen yang diberi tidak seimbang. Bagi tujuan tersebut saya ingin mohon penjelasan kementerian apakah komisen yang diberikan oleh empunya tuan minyak kepada pengusaha-pengusaha pengedar minyak adil dengan jumlah kutipan bulanan hampir RM400,000 atau RM600,000 jika dibandingkan dengan komisen yang diberi tidak begitu setimpal dan begitu rumit. Saya juga ingin tahu sehingga Jun 2004 sudah

berapa banyak pengusaha-pengusaha atau pengedar-pengedar stesen minyak bumiputera yang terpaksa gulung tikar atas sebab-sebab yang saya sebutkan tadi.

Begitu juga dengan LPKP iaitu Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan, kita lihat permit-permit bas pelancong semasa musim-musim perayaan ataupun bukan musim perayaan begitu telah dipertikaikan tentang kewibawaan kecekapan pemandunya. Saya ingin tahu jumlah bas-bas pelancong yang telah pun beroperasi di seluruh negara, permit yang dikeluarkan dan juga jumlah permit teksi-teksi yang dikeluarkan oleh LPKP dan khususnya di Lembah Klang berapakah jumlah teksi yang beroperasi.

Tuan Yang di-Pertua, B26 Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, saya ingin merakamkan kekaguman di atas peranan pihak polis yang mana kalau dibandingkan secara perbandingan dengan negara-negara luar memang boleh dikatakan tahap kecemerlangan pihak polis negara kita boleh dikatakan tahap cemerlang. Namun memang kita tidak dapat menafikan memang ada kita katakan di dalam sekandang kambing memang ada *black sheep* nya. Namun begitu secara menyeluruh, pujian harus diberi kepada pihak Polis Diraja Malaysia di atas kecemerlangan perkhidmatan mereka dan saya sentuh sedikit sahaja dari segi jumlah sebagaimana yang diumumkan oleh pihak kerajaan, penyelarasan gaji telah dibuat pada Januari 2004. Dan bagaimana pula pesara-pesara polis, adakah penyelarasan gaji ini juga akan dinikmati oleh mereka? Saya juga ingin tahu tentang jumlah pencen yang di bawah RM600 oleh pihak pesara-pesara polis, berapakah mereka yang mendapat pencen terbitan atau faedah pencen di bawah gaji RM600.

Di bawah B.49 Tuan Yang di-Pertua, saya laju sedikit sebab masa terhad. B.49 - Kementerian Pengajian Tinggi menyentuh soal pelajar-pelajar di luar negara. Kita telah pun tahu dan sedar serta dapat mengesan ada pelajar-pelajar swasta yang cuba menabur fitnah atau dakyah yang diperalatkan oleh pihak-pihak tertentu dengan menonjolkan isu-isu negatif di luar negara. Antara lainnya menyatakan bahawa mereka adalah rakyat Malaysia kelas dua dan rakyat Malaysia yang terpinggir dianaktirikan.

Di bawah Kementerian Pengajian Tinggi, saya pohon peranan MSD (Jabatan Penuntut Malaysia) di luar negara kalau boleh dirombak ataupun dikaji dan kalau perlu diwujudkan semula tambahan jabatan penuntut di luar negara, walaupun negara kita adalah satu-satunya negara yang memang ada MSD di luar negara jika dibandingkan

dengan negara-negara lain - memang tidak ada. Di sini saya minta Kementerian Pengajian Tinggi tubuhlah seberapa banyak yang mungkin MSD di luar negara semata-mata bagi memantau agar pelajar kita di luar negara adalah merupakan aset yang berguna dan bukannya menjadikan aset yang negatif untuk negara.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya juga turut menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2005. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani.

**4.22 ptg.**

**Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang dihormati sekalian. Bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. dengan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama di Dewan yang mulia ini untuk melaksanakan kewajipan yang diamanahkan kepada kita demi kegemilangan masa depan rakyat dan negara yang tercinta ini.

Setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2005 di Dewan yang mulia ini – Bajet 2005. Terlebih dahulu saya merakamkan setinggi-tinggi terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi di atas pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan 2005 yang telah dibacakan oleh Yang Berhormat Tan Sri Nor Mohamed Yakcop pada dua hari yang lepas, yang memperlihatkan keprihatinan kerajaan terhadap agihan hasil kemajuan negara kepada rakyat di semua peringkat, penekanan terhadap kesejahteraan rakyat melalui berbagai-bagai aspek tentunya dapat mewujudkan persekitaran yang kondusif, yang sejahtera, sosial yang menjurus kepada integrasi kaum tanpa mengira perbezaan agama, keturunan, kedudukan dalam masyarakat itu.

Ini di atas hasil kebijaksanaan perancangan dan pelaksanaan kepimpinan negara kita, iaitu Barisan Nasional dan kakitangan kerajaan kerana negara kita sentiasa berada dalam keadaan aman dan damai.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan yang saya hormati sekalian, dalam kita memperkatakan tentang strategi Bajet 2005 yang menjuruskan ke arah kelangsungan perkukuhkan ekonomi negara, kita tentunya ingin melihat sektor swasta dan kerajaan

terus erat dan teguh di dalam meneruskan kesinambungan, peranan serta sumbangan ke arah kesejahteraan dan persekitaran ekonomi yang memberangsangkan.

Kepesatan persekitaran ekonomi luar yang telah dilonjakkan, pertumbuhan ekonomi negara kepada 8% pada suku tahun kedua 2004, dan antara yang tertinggi di rantau ini menunjukkan prestasi cergas yang lebih tinggi dari sasaran asal. Kita percaya berkat keamanan dan kesejahteraan dalam negara selama ini telah menjadikan pemangkin dan rangsangan ke arah kepastian, walaupun keadaan beberapa negara di Asia Barat masih tidak menentu serta campur tangan dasar luar dan kuasa asing dalam apa yang disebut sebagai penganas.

Dalam kita meneruskan kesinambungan, kemajuan dan pembangunan negara hari ini, sebahagian besar golongan remaja kita pula diancam oleh gelombang keruntuhan moral dan disiplin. Mereka bukan sahaja dibelenggu oleh kerakusan budaya luar yang liar malahan terjurus dalam kegiatan yang boleh mengancam proses pembangunan negara yang telah kita bina selama ini.

Hal ini bukanlah perkara atau isu baru, tetapi pernah dibincangkan secara panjang lebar di Dewan yang mulia ini malah berbagai-bagai pendekatan telah dirumuskan oleh berbagai-bagai pihak yang berkaitan khususnya Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Pelajaran, Kementerian Pembangunan Keluarga dan Wanita dan Kementerian Dalam Negeri dan seumpamanya.

Namun apa yang membimbangkan kita ialah ancaman sosial tersebut masih berterusan malahan terus menjadi isu utama muka depan akhbar-akhbar. Kita kadang-kadang tertanya-tanya, di manakah silapnya formula dan rumusan yang kita guna pakai selama ini. Pertambahan bilangan penagih-penagih dadah semakin bertambah. Aliran remaja dalam apa juga yang dilakukan, yang mana remaja-remaja pada masa kini adalah semakin bertambah yang mereka melakukan perkara-perkara yang tidak sepatutnya mereka lakukan sebagai bakal memerintah negara di masa akan datang.

Kita amat bimbang nikmat kemajuan dan pembangunan yang dirancang selama ini akan terus tergugat apabila sikap dan fenomena ini akan terus mengancam dan membantutkan usaha-usaha tersebut. Persoalannya apakah sistem pendidikan nasional kita sudah tidak relevan lagi dengan arus pemodenan dan kecanggihan teknologi dunia masa kini atau kita terus bercakap dan terus berbincang tanpa melihat keberkesanan dan tindakan untuk memandu arah lalu generasi muda akan datang.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara yang saya hormati sekalian, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Malaysia atas keprihatinan terhadap peningkatan imej pasukan keselamatan dan kebajikan pasukan keselamatan yang mana kerajaan telah menubuhkan PERHEBAT di Bahagian Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera dan juga Yayasan Warisan Bekas Anggota Tentera dan Yayasan Veteran ATM dan juga Veteran.

Pihak kerajaan telah memberikan kemudahan-kemudahan kepada badan-badan yang telah ditubuhkan seperti Yayasan Veteran, kerajaan telah memperuntukkan dan telah memberi RM10 juta baru-baru ini dan juga saya berterima kasih kepada pihak kerajaan kerana telah memperuntukkan sebanyak RM19 juta kepada pesara-pesara tentera untuk kebajikan, iaitu untuk memberi perubatan kepada bekas-bekas tentera yang tidak berpencen dan juga baru-baru ini kerajaan telah menaikkan gaji angkatan tentera walaupun tidak ada dalam bajet, tetapi ini menunjukkan keprihatinan.

Kemungkinan semasa itu terlupa hanya diberi kepada pihak polis sahaja. Saya di antaranya sebagai wakil bekas tentera, maka saya akan berusaha untuk menentukan taraf hidup bekas-bekas tentera meningkat dari semasa ke semasa. Inilah yang kita harapkan dan dengan itu saya harap juga kepada kerajaan supaya menaikkan pencen bekas angkatan tentera supaya seimbang. Seimbang maksud saya ialah yang berhenti lama atau yang sudah berhenti dahulu dan pencen yang walaupun pangkat itu sama, tetapi pencennya tidak sama dengan yang baru berhenti. Peningkatan itu masih jauh berbeza.

Dengan itu sekali lagi saya ingin mencadangkan supaya pencen anggota tentera yang bersara mestilah seimbang, sekurang-kurangnya kalau pencen yang baru itu RM1,000, yang lama itu naik sampai RM800 pun tidak kisahlah. Inilah harapan kita supaya sama-sama kita merasai nikmat dan rahmat hasil dari perjuangan daripada bekas-bekas anggota tentera yang lepas.

Begitu juga kita berharap supaya pihak kerajaan hendaklah menentukan kem-kem tentera, pada masa kini kita lihat kem tentera masih buruk, pagarnya buruk, bangunannya lama, jadi perlu untuk menaikkan imej atau semangat angkatan tentera itu sendiri supaya kita lihat imej angkatan tentera itu sendiri.

Perkara ini saya telah meminta dahulu lagi tetapi belum lagi dilaksanakan. Kemungkinan perkara ini belum ada bajet dan saya haraplah dalam Rancangan Malaysia Kesembilan nanti dapatlah meningkatkan kem-kem ataupun tempat duduk ataupun tempat bertugas angkatan tentera itu sendiri.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat sekalian, pada masa kini ada lebih kurang lapan ribu pesara-pesara tentera yang menerima pencen bawah daripada taraf kemiskinan. Ini pun kita harap pihak kerajaan perlu mempertimbangkan juga dan juga satu lagi, kerajaan telah memperuntukkan berjuta-juta ringgit kepada PERHEBAT iaitu suatu perbadanan untuk memberi latihan kepada bakal-bakal pesara.

Jadi setiap tahun diperuntukkan tidak kurang daripada 21 juta tetapi yang tidak sedapnya yang mana bekas tentera dan bakal-bakal pesara itu sendiri tidak berminat untuk kursus dengan PERHEBAT. Apa sebabnya, kenapa dan mengapa? Daripada lima ribu yang tamat perkhidmatan setiap tahun yang menghadiri dengan PERHEBAT hanya dalam seribu orang sahaja. Oleh itu saya berharap dan meminta kepada Kementerian Pertahanan mewajibkan bakal-bakal pesara hendaklah menghadiri kursus atau melatih bakal-bakal pesara itu dengan PERHEBAT.

Pada masa kini kadang-kadang kursus yang dibuat itu ramai jurulatih lagi dari pelatih. Kadang-kadang jurulatih ada lima orang dan kadang-kadang pelatih itu ada lebih kurang tiga, empat orang sahaja. Jadi, inilah kita harap kepada pihak kerajaan hendaklah membuat sesuatu agar hasil atau perbelanjaan yang kita beri atau mengeluarkan untuk kepentingan bekas-bekas tentera itu diambil peluang oleh bekas-bekas tentera itu sendiri.

Sekadar inilah kita pun tidak tahulah apa yang salah. Saya rasa kerajaan sudah buat apa sahaja, kadang-kadang bekas tentera bakal pesara itu mengambil peluang yang mudah ataupun mengambil sikap untuk berkursus di luar daripada PERHEBAT. Jadi, dengan adanya undang-undang atau peraturan daripada Kementerian Pertahanan sendiri mewajibkan bakal-bakal pesara berkursus dengan PERHEBAT maka sudah tentu sekali mereka mengikut perintah.

Juga di sini saya menyeru lagi sekali walau pada tahun yang lepas saya telah bercakap perlu bakal-bakal pesara ataupun tentera itu sendiri bekerja sehingga pencen sebab baru-baru ini pun Dato' Seri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak mengisytiharkan ada 170 ribu orang bekas tentera yang tidak berpencen yang banyak

bermasalah. Dengan ada masalah itu maka menjadi beban kepada kerajaan kerana bekas-bekas tentera ini masih muda dan remaja.

Inilah kita hendak supaya perkara-perkara yang sebegitu hendaklah kita sama-sama berfikir dan bersama-sama menentukan masa depan bekas-bekas angkatan tentera. Jadi, dengan adanya anggota tentera yang bekerja sehingga pencen maka kuranglah masalah. Jadi sekarang banyak anggota tentera ini berhenti tidak mahu pencen sebab kemungkinan semasa dia bertugas apabila dia berhenti pada umur 18 tahun mereka mendapat lebih banyak ganjaran dari mereka yang berhenti pada umur 21 tahun. Kemungkinan apabila kerajaan sudah naikkan gaji mereka akan bekerja sehinggalah mereka pencen.

Tadi Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah telah bercakap berhubung dengan RELA ataupun yang perlu menaikkan elaun dan sebagainya. Jadi, berhubung dengan pendatang asing, kita tahu bahawa pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah mengisytiharkan bahawa RELA akan mengambil peranan yang penting dalam masalah pihak pendatang ataupun pekerja-pekerja asing dengan memberi RELA kuasa untuk menangkap dan sebagainya.

Jadi, saya bersetujulah dengan apa yang telah disarankan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid Ngah tadi yang mana kita pun lebih kurang sama, perlu memberi elaun yang cukup atau gaji yang cukup, pakaian yang perlu diberi dan keselamatan dan masa depan mereka dan masa depan mereka perlu dijaga supaya mereka dapat bekerja dengan sepenuhnya.

Jadi, kalau sekiranya kemungkinan kalau kita bagi RM80 apabila kita hendak tangkap orang itu, orang itu tangkap pula bagi RM200 ke, kemungkinan dia tidak jadi tangkap. Kemungkinan juga. Jadi, kita lihat juga pada masa kini bahawa baru-baru ini surat khabar telah isytiharkan bahawa menurut Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri seramai dua juta lebih yang pendatang-pendatang datang tetapi telah hilang dalam Malaysia. Ini pun kita rasa kesal ataupun berasa bertanggungjawab kenapakah perkara ini dapat berlaku, sedangkan dia manusia tidak ada apa, macam mana daripada dulu kita pun sudah cakap.

Tempat pendatang asing masuk kita sudah tahu, di mana duduk kita tahu. Kenapakah mereka tidak dapat ditangkap? Ini pelaksanaan. Dasar kerajaan kita rasa sudah betul, tapi pelaksanaan yang dijalankan itu kurang betul ataupun kurang lagi sempurna. Oleh itu saya haraplah untuk kita menentukan negara kita mengekalkan

keamanan dan kemakmuran hendaklah kakitangan kerajaan yang bertanggungjawab, hendaklah menjalankan tugas dengan sempurna, letaklah kepentingan negara di hadapan, jangan letakkan kewangan di hadapan. Kalau kita letakkan kewangan di hadapan kemungkinan sampai bilakah negara kita duduk dalam keadaan seperti hari ini.

Oleh itu saya rasa bangga di atas tugas-tugas ataupun saranan-saranan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang telah membuat perancangan sebegitu rapi tetapi kita hendak lihat adakah pelaksanaan seperti yang dirancang ini. Ini menunjukkan apa yang dirancang perlu dibuat seperti juga Dato' Mohamed Jin bin Samsudin kita telah cakap tadi iaitu berdasar perfileman negara telah lulus begitu lama tetapi tidak dilaksanakan. Yang penting ada pelaksanaan. Jadi undang-undang kita sudah betul, tetapi yang betul perlu kita perbaiki dengan sebaik mungkin.

Jadi itulah di antara lain yang saya dapat sarankan dan saya minta supaya Ahli-ahli Yang Berhormat oleh sebab masa yang tidak mengizinkan maka saya merasa bahawa kita perlulah dapat sama-sama kita membetulkan perkara-perkara yang tidak betul. dan

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokonglah Rang Undang-undang Perbekalan 2005, Bajet 2005 berjumlah 117.4 bilion. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertuan:** Yang Berhormat telah pun mengambil masa cukup 15 minit. Ahli-ahli Yang Berhormat, berapa orang lagi boleh saya tahu yang hendak berbahas lagi? Sembilan orang. Saya cuba hendak memberi peluang kepada seramai yang boleh, mengenakan masa yang terhad. Kalau boleh saya hadkan setiap ahli untuk berbahas dalam lingkungan 10 minit. Kalau 10 minit saya jangka kebanyakannya boleh berucaplah.

Saya menjemput Yang Berhormat Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok.

### **5.27 ptg.**

**Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang serta kesempatan untuk sama-sama dalam perbahasan dasar-dasar kerajaan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan 2005. Kesempatan ini saya merakamkan ucapan menjunjung kasih Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Mulia Pengerusi Perhubungan sehingga saya dilantik selaku Ahli Dewan Negara. Pada

masa yang sama saya mengucapkan tahniah kepada semua Yang Berhormat yang baru dilantik.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Selaku Menteri Kewangan Pertama yang membentangkan Belanjawan 2005 pada 10 September, 2004 yang lalu dan dibawa semula oleh Yang Berhormat Senator Menteri Kewangan Kedua pada 13 Disember, 2004.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik kerajaan telah menggubal strategi bajet 2005 dengan memberi tumpuan kepada empat strategi. Jika, keempat-empat strategi ini menjadi kenyataan saya yakin dan percaya sebelum 2020 kita pasti mencapai negara maju. Tuan Yang di-Pertua, kami warga kota mengalu-alukan kewujudan rangkaian pengangkutan integrasi deras yang dipanggil "Rapid Kuala Lumpur" iaitu anak Syarikat Prasarana Negara Berhad (SPNB) yang dimiliki oleh kerajaan sepenuhnya yang telah dilancarkan pada 26 November 2004 yang menjanjikan bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan pengangkutan yang amat selesa, cekap dengan kos yang berpatutan, di mana pengguna dijangka menunggu bas selama hanya 7.5 minit atau pada waktu puncak selama 15 minit.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kami warga Kuala Lumpur telah lama mengharapkan agar dengan wujudnya sistem pengangkutan transit aliran ringan LRT dan KTM komuter dapat mengatasi masalah kesesakan di Bandaraya Kuala Lumpur, di mana saya masih ingat semasa pelancaran oleh Menteri Pengangkutan pada tahun 1996 juga telah berjanji menyatakan bahawa selepas siap sahaja sistem perjalanan LRT dan KTM komuter kesesakan lalu lintas akan dapat diatasi ke arah hampir 100% atau walaupun tidak sampai 100%.

Ketika itu kami dijanjikan di mana Kementerian Pengangkutan akan memperkenalkan beberapa peraturan baru bagi mengehadkan kemasukan kenderaan ke dalam kawasan bandaraya. Jalan-jalan utama sesebuah kereta dihadkan empat orang penumpang, dalam masa yang sama mengurangkan kawasan letak kereta di tepi-tepi jalan dalam bandar supaya warga kota menggunakan kenderaan awam untuk masuk ke bandaraya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingat ketika itu kempen kongsi kereta dilancarkan tetapi tidak mendapat sambutan dan ketika itu Kementerian Pengangkutan menyatakan sistem LRT dan komuter belum siap, jadi hendak dikenakan

penguatkuasaan tidak boleh. Sekarang kita dijanjikan sekali lagi dengan Rapid KL, kita berharap Rapid ini dapat mengurangkan tekanan fikiran warga bandaraya Kuala Lumpur termasuk saya.

Tuan Yang di-Pertua, faktor yang lain yang telah memberi sumbangan kepada kesesakan lalu lintas di ibu kota, bukan sahaja mengenai dengan Rapid ini, mengenai dengan LRT ini, ia ada lagi seperti tidak terancam di mana banyak agensi kerajaan seperti Telekom, JKR, TNB, Jabatan Saliran dan DBKL sendiri menjalani kerja-kerja mereka yang mana banyak jalan raya yang rosak akibat korek mengorek di kawasan-kawasan Kuala Lumpur yang mengganggu kelancaran sistem pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, korek mengorek dan korek kambus ini berlaku kerana tidak ada perancangan bersama. Hari ini TNB korek, tutup, selepas itu ada orang kompelin fasal dia sudah termakan kabel elektrik, orang kompelin kepada TNB, dia korek lagi kena air, dan sebab itulah maka kesesakan jalan Kuala Lumpur ini selalu berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menghormati masa yang diberikan sepuluh minit dan saya memberi peluang kepada rakan-rakan untuk memberi hujah-hujah mereka. Dengan itu saya berharap satu badan pemantau yang khusus, memantau pelaksanaan dan kejayaan dasar perancangan program Rapid KL, hendaklah bersifat terbuka yang terdiri daripada JPN, media massa, NGO serta swasta.

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2005. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya cukup berterima kasih di atas kerjasama yang diberikan oleh Yang Berhormat tadi. Sekarang saya minta Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri dan selepas ini saya minta Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir untuk bersedia dan disusuli oleh Yang Berhormat Dato' Dr Haji Mohd Fuad bin Hj. Ahmad, Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi, Yang Berhormat Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya. Siapa lagi yang tertinggal? Puan Hajah Samsiah binti Samsudin, Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan dan akhir sekali Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak. Saya meminta kerjasama. Sila Yang Berhormat.

**4.44 ptg.**

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahi Rahmanir Rahim. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan saya peluang untuk turut serta membahaskan Akta Perbekalan 2005 dan seterusnya juga Anggaran Belanjawan 2005 yang telah dibentangkan di dalam Dewan ini oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua pada 13 November yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menghormati waktu maka saya mungkin walaupun persiapan yang saya buat akan menyentuh banyak kementerian, tetapi oleh kerana masa yang begitu terbatas dan bagi memberikan ruang dan peluang kepada sahabat-sahabat yang lain, saya akan menyentuh hanya dua tiga kementerian sahaja. Yang pertama sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kewangan diwakili Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua yang telah menyatakan bahawa sesungguhnya dalam anggaran belanjawan yang telah dibentangkan kepada kita bahawa kerajaan Malaysia akan mengambil perhatian yang berat tentang perkhidmatan kewangan Islam.

Anggaran ini melibatkan beberapa perkara di mana di antaranya pihak kementerian mencadangkan penubuhan sebuah Institut Latihan Antarabangsa bagi melahirkan pakar dalam sistem kewangan Islam. Kemudian yang keduanya ialah membuka kaunter perbankan Islam bagi cawangan bank tempatan di luar negara. Saya rasa ini adalah satu perkara yang penting. Oleh yang demikian, kita dapat memperkenalkan beberapa sistem Islam bukan sahaja kepada orang-orang Islam tetapi juga kepada orang-orang yang bukan Islam.

Apa yang lebih penting di sini kalau sahabat-sahabat saya Yang Berhormat tadi banyak membicarakan tentang peruntukan-peruntukan, saya tidak menyebutkan peruntukan itu. Barangkali Yang Berhormat boleh baca dalam kertas kuning ini. Saya hanya ingin menyebutkan di sini tentang bagaimana kita hendak menarik pelabur-pelabur ini bagi membantu kerajaan untuk mendapatkan kewangan bagi meningkatkan ekonomi di negara kita ini. Perhatian yang saya hendak berikan di sini ialah terutama sekali kepada jutawan-jutawan dari negara-negara Arab Emirates dan juga negeri-negeri yang di bawahnya seperti Abu Dhabi, Dubai dan sebagainya. Negeri-negeri ini mempunyai jutawan yang ramai, tetapi mereka agak sukar untuk kita bawa ke mari. Saya difahamkan bahawa pertama ialah kerana mereka tidak begitu yakin tentang sistem yang kita kemukakan kepada mereka.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan kepada kementerian kewangan dan agensi-agensinya yang berkenaan terutama bank-bank termasuk juga Kementerian Luar Negeri supaya apabila mengadakan rombongan lawatan ke negara-negara Arab, maka mereka hendaklah membawa penasihat syariah bank. Bank Negara ada penasihat syariahnya. Mereka hendaklah dibawa bersama supaya Ahli Jawatankuasa Penasihat ini dapat memberikan pandangan-pandangan untuk meyakinkan pelabur-pelabur Arab itu supaya mereka datang ke negara kita ini.

Ada banyak perkara yang telah dibentangkan, misalnya barangkali dalam sistem ekonomi Islam Al-Musyarakah. Saya sebut musyarakah, syarikat usaha sama. Kita harus memperbanyakkan usaha sama kita dengan pelabur-pelabur negara Arab. Ini juga memerlukan kepada usaha yang bersungguh-sungguh yang melibatkan beberapa kementerian, di antaranya ialah Kementerian Luar Negeri supaya setiap rombongan yang dibawa oleh Kementerian Luar Negeri membawa orang-orang yang mungkin mengetahui budaya orang-orang Arab ataupun budaya orang-orang Islam di negara Arab itu supaya kita dapat menarik perhatian mereka datang melabur ke negara kita ini.

Yang keduanya, Kementerian Pelancongan juga saya rasa mempunyai kaitan kerana kita bukan sahaja hendak menarik pelancong-pelancong dari negara Arab itu untuk datang berhibur ataupun melihat suasana dan keadaan negara kita ini, tetapi elok juga Kementerian Pelancongan itu menemui pelabur-pelabur Arab itu supaya mereka dapat melaburkan harta kekayaan mereka di negara kita ini. Setahu saya sekarang ini mereka banyak melabur di Amerika dan Amerika sebagaimana yang kita tahu bukan sahaja wang modal pelaburan itu telah mereka bekukan setengahnya, malah juga pertubuhan-pertubuhan Islam yang ada menyimpan wang di dalam bank-bank di Amerika itu telah dibekukan akaun mereka.

Maka oleh yang demikian itu saya rasa kita perlu menarik perhatian mereka, supaya mereka akan datang ke negara kita ini. Ini akan menambahkan lagi kegiatan ekonomi di negara kita ini, bukan sahaja untuk orang Islam tetapi juga untuk orang-orang yang bukan Islam.

Selain daripada itu, yang kedua saya ingin menyentuh juga tentang Kementerian Luar Negeri. Saya mengucapkan terima kasih atas daya usaha Yang Berhormat Menteri Luar Negeri sendiri terutama sekali apabila usul kita mengenai Palestin telah diluluskan di Dewan Rakyat dan beliau telah membawa usul itu di sini.

Tetapi persoalan yang saya hendak timbulkan di sini bukan Palestin tetapi persoalan Selatan Thailand. Kalau kita kira apabila seseorang Muslim membicarakan tentang perkara penindasan ini, saya melihat dalam dunia ini, yang paling sabar sekali berhadapan dengan cabaran ialah orang-orang Islam.

Di mana-mana sahaja bahagian dalam dunia ini orang-orang Islam tertindas dan usaha yang telah dijalankan oleh Menteri Luar Negeri dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ini, kita harus sokong dan saya harap supaya ianya diperhebatkan, diperkukuhkan lagi. Ini bukan bermakna kita campur tangan dengan negara luar, tetapi persoalannya ialah kita hendak menimbulkan suatu perdamaian di dalam dunia ini kerana kekacauan dalam sesebuah negara, terutama sekali negara sempadan boleh mengganggu juga ketenteraman, kadang-kadang di dalam sesebuah negara yang berjiran dengannya. Maka dengan sebab itulah saya membangkitkan persoalan petani ini.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Tuan Yang di-Pertua, sekejap sahaja. Laluan yang pantas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Saya tertarik dengan kenyataan dan keprihatinan Yang Berhormat berhubung dengan masalah petani. Biasanya sejarah pahit mengajar kita dan menjadi iktibar kepada kita, tetapi peristiwa di Selatan Thailand ini sudah tiga kali berlaku, peristiwa pembunuhan beramai-ramai. Yang bermula daripada Peristiwa Kampung Dusun Nyiur pada tahun 1948. Kemudian pada 28 April peristiwa di Masjid Kerisik dan yang terbaru 25 Oktober ialah peristiwa di Tak Bai.

Jadi, kita anggap ia sesuatu yang seolah-olah disengajakan dan dijadikan *scapegoat* ataupun kambing hitam pada faktor-faktor lain. Sedangkan pembunuhan tokoh-tokoh agama masih berterusan, kehilangan Tengku Mahmood, kehilangan Haji Sulung, masih jadi tanda tanya kepada kita, apa sebenarnya yang berlaku dalam kemelut di Selatan Thailand, yang kita lihat dari segi sejarahnya sepatut bersama-sama dengan kita, negara Malaysia ini. Apa pandangan, Yang Berhormat berhubung perkara ini?

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk menjimatkan waktu saya tidak akan menghuraikan tentang fakta sejarah itu. Memanglah kematian ataupun kehilangan Tengku Mahmood dan juga Tuan Guru Haji Sulung itu, memang menjadi persoalan sehingga sekarang ini. Dan, kita anggap

bahawa usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Menteri Luar Negeri, melalui kegiatan-kegiatan Asian dan juga OIC, kita harapkan supaya tidak ada negara dalam dunia ini yang menganggap bahawa kita campur tangan dengan urusan di dalam negeri mereka.

Tetapi persoalannya ialah kita melihat bahawa soal-soal ini boleh menimbulkan keraguan dari segi hubungan antarabangsa di antara sebuah negara dengan sebuah negara yang lain. Apa yang kita bimbangkan bahawa di belakang kejadian ini, ataupun peristiwa ini ada tangan-tangan yang lain, yang mempunyai tujuan-tujuan yang tertentu bagi memecahbelahkan pendirian umat Islam di dalam sesebuah negara itu.

Oleh yang demikian itu, saya bersetuju dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi bahawa sesungguhnya usaha-usaha haruslah diteruskan bagi mewujudkan ketenteraman dan juga kesejahteraan terutama sekali di kawasan-kawasan sebelah Utara dan juga sebelah Pantai Timur yang berdekatan dengan Thailand itu. Saya berharap semoga kita juga akan dapat memainkan peranan ini supaya kedudukan ini akan dapat diperbetulkan, mudah-mudahan dengan yang demikian itu tidak akan menimbulkan sebarang kekeliruan.

Apa yang kita bimbangkan apabila orang-orang Islam bangun untuk membela diri mereka, kita akan dilemparkan sebagai pengganas. Ini pun suatu perkara yang memang ditanamkan oleh kuasa-kuasa Barat yang dipelopori oleh Amerika, yang saya bimbang inilah yang mungkin akan berlaku juga di negara kita dan juga di negara-negara yang lain. Saya harap perkara ini akan dapat dielakkan dan Kementerian Luar Negeri, saya kira akan memainkan peranan, kita harapkan dapat memainkan peranan yang sebaik-baiknya supaya kefahaman atau salah faham ini akan dapat dielakkan.

Tuan Yang di-Pertua, satu sahaja lagi saya hendak bangkitkan, dua barangkali iaitu tentang kementerian yang menjaga – saya pun tidak ingat nama, persiapannya ada, tetapi bila sudah diminta supaya saya menghormati waktu, jadi hilang perkara-perkara yang saya hendak sebutkan ini, iaitu pihak yang bertanggungjawab mengenai Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi.

Saya hendak menyebutkan di sini ialah projek melurus dan mendalamkan Sungai Gombak. Kita bukan tidak bersetuju kerana ini bertujuan untuk menyelamatkan Bandaraya Kuala Lumpur supaya tidak banjir. Tetapi persoalan yang saya hendak bangkitkan ini, saya mohon penjelasan kepada pihak kementerian yang ada sekarang ini, usaha-usaha mendalam dan meluruskan Sungai Gombak itu sebahagiannya telah

siap, di mana diadakan satu saluran, parit yang besar untuk disalurkan air Sungai Gombak itu ke Sungai Batu.

Tetapi apabila projek yang pertama ini siap dan jalan konkrit telah dibina sebelah menyebeloh sungai itu, sekarang ini dikorek semula. Jadi, persoalannya kalau kita melihat secara mudah, maknanya apabila jalan itu dikorek semula, kemudian hendak dibina semula mengikut projek yang kedua ini, fasa yang kedua ini, sedang fasa yang pertama siap, maka Tuan Yang di-Pertua, ia memerlukan belanja yang besar.

Jadi, saya mengharapkan kepada kementerian, mungkin ini kementerian baru dahulu tidak di bawah tanggungjawabnya tetapi pada masa-masa yang akan datang, projek-projek yang besar-besar ini perlu diadakan kajian yang cermat supaya ia tidak melibatkan perbelanjaan yang besar. Itu sahaja permohonan saya. Sekarang ini melibatkan pula pengambilan tanah di kawasan Gombak, sedangkan orang-orang Gombak itu tanahnya sudah tidak ada, dan sekarang ini diambil pula tanah-tanah mereka bagi membesarkan lagi parit ataupun meluruskan, membesarkan lagi sungai itu dan juga untuk mengalirkan air itu ke Sungai Batu.

Yang menjadi tanda tanya kepada saya.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Masa Yang Berhormat sudah cukup ini, Yang Berhormat. Masa yang diberi sudah cukup.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Ya, satu sahaja lagi saya hendak sebut, sedikit sahaja. Saya mintalah dua minit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Cuba ringkaskan.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Iaitu saya hendak menyebut di sini, Jabatan Perdana Menteri tentang Jabatan Kehakiman Syariah. Saya mohon begini sahaja, Tuan Yang di-Pertua, supaya Jabatan Kehakiman Syariah ini diberikan ruang kepada mereka untuk membincangkan undang-undang dan peraturan-peraturan yang dijalankan di Jabatan Kehakiman ini terutama sekali perkara-perkara yang berkaitan dengan kehakiman diberikan kuasa kepada mereka itu supaya hukum-hukum, peraturan-peraturan ataupun hukuman-hukuman yang akan dijatuhkan oleh hakim ini sesuai dengan syariat Islam yang berlandaskan kepada Al-Quran dan Sunah. Dengan ini saya mohon menyokong kerana waktu sudah tidak ada. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dijemput Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir.

**4.57 ptg.**

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2005.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang berkenan untuk melantik saya sebagai salah seorang Ahli Dewan Negara dan juga kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia yang juga memberikan kesempatan kepada saya untuk ada di Dewan ini. Tuan Yang di-Pertua, umur saya baru tiga hari dalam Dewan ini, tetapi saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, dan saya akan cuba untuk menjimatkan masa, dan mengambil masa hanya 10 minit, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, kita adalah rakyat Malaysia yang bertuah di negara ini kerana negara kita begitu aman sekali. Walaupun kita mempunyai banyak kaum di negara ini dan juga banyak parti politik, tetapi kita ini adalah walaupun ada pandangan dan pendapat yang berbeza, tetapi kita boleh duduk bersama dan ini adalah kerana kita lebih pentingkan kepentingan negara kita daripada kepentingan-kepentingan lain.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat kerajaan telah membentangkan Rang undang-undang ini, yang mana banyak industri besar yang ada di negara kita, tetapi kerajaan juga tidak lupa kepada industri-industri kecil dan sederhana yang mana kerajaan telah pun menambahkan peruntukan dana Tabung Industri Kecil dan Sederhana Kedua, iaitu sebanyak RM1.0 bilion kepada RM4.0 bilion. Ini menunjukkan kerajaan begitu serius sekali untuk membantu peniaga-peniaga institut kecil dan sederhana ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita takut hari ini iaitu dana-dana ini telah diberikan kepada bank-bank dan kita mahu, dan saya bercadang supaya Kementerian Kewangan mengawasi dana-dana ini supaya bank-bank tidak memberi hanya segelintir sahaja peniaga-peniaga ini, sebab kita tidak mahu ada peniaga-peniaga ini atau industri kecil dan sederhana ini yang boleh maju, yang boleh bersaing tetapi kekurangan modal ataupun kekurangan kewangan. Jadi, kita berharaplah supaya Kementerian Kewangan mengawasi, sebab kita tahu bank-bank ini mereka hanya pentingkan keuntungan daripada menjanakan ekonomi negara.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, iaitu tentang Kementerian Belia dan Sukan. Kita telah banyak bercakap tentang Kementerian Belia dan Sukan. Sukan memainkan

peranan yang penting juga di negara kita, tetapi kita telah dengar, baru-baru ini Menteri Belia dan Sukan sendiri mengatakan bahawa beliau ingin mencungkil bakat-bakat yang baru. Tetapi kita lihat hari ini, sukan hanya di bandar-bandar yang besar. Apakah tidak boleh Kementerian Belia dan Sukan ini menjanakan ataupun memberi peruntukan kepada kelab-kelab sukan yang ada di daerah-daerah ini? Kita lihat kelab-kelab sukan begitu daif sekali, tetapi mereka juga boleh mencungkil bakat-bakat untuk sukan negara ini, tetapi tidak diberi peluang langsung. Jadi kita berharap Kementerian Belia dan Sukan ini memainkan peranan yang penting memberi peruntukan yang cukup kepada kelab-kelab sukan di daerah-daerah ini.

Begitu juga dengan belia. Belia adalah aset masa depan negara. Kalau kita tinggalkan belia, maka sudah tentu negara akan hancur. Tuan Yang di-Pertua, persatuan-persatuan belia di kawasan-kawasan juga patut diambil perhatian yang berat. Kalau tahun 60an dahulu persatuan belia di kawasan-kawasan luar bandar begitu aktif sekali tetapi sekarang kita lihat persatuan-persatuan belia telah mulai malap. Kenapa? Sebab kita lihat pejabat-pejabat belia sukan di daerah-daerah sendiri tidak dapat memainkan peranan untuk memajukan persatuan-persatuan belia ini. Kita faham kerana kekurangan kewangan dari pejabat-pejabat belia dan sukan daerah ini .

Jadi kita berharap supaya Kementerian Belia dan Sukan jangan hanya tengok sukan yang besar-besar, Olimpik yang besar-besar tetapi tinggalkan belia. Maka, inilah aset kita pada masa hadapan. Kementerian Belia dan Sukan juga mesti memberi peruntukan yang sama besar kepada belia-belia di persatuan-persatuan di daerah.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, iaitu tentang Kementerian Pelancongan. Kementerian Pelancongan juga kita lihat telah mendadak begitu tinggi sekali. Pelancong telah datang ke Malaysia dari tahun 2003, 81 juta kepada 13.1 juta. Ini menunjukkan satu angka yang besar tetapi, kita juga mahu supaya peniaga-peniaga kecil seperti Bumiputera diberi peluang untuk sama-sama menjana keuntungan dalam pelancongan ini. Jangan hanya hotel-hotel yang besar sahaja yang mendapat keuntungan malah ada peniaga-peniaga di luar bandar yang ingin membina chalet ditinggalkan begitu sahaja.

Satu lagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Memanglah ramai rakan-rakan saya, Tuan Yang di-Pertua, telah bercakap tentang pendatang tanpa izin ini. Pendatang tanpa izin ini ada yang kata lebih daripada 1.4 juta, ada yang kata lebih dari

2 juta. Tidak tahu angka mana yang tepat, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi kita kena ingat pengampunan yang diberi kepada pendatang-pendatang tanpa izin ini sudah ditangguhkan sebanyak dua kali dan hanya pada penghujung tahun ini adalah kali yang ketiga.

Kita tidak mahu pendatang-pendatang tanpa izin ini mengambil kesempatan dengan penangguhan tindakan ke atas mereka atau pengampunan. Agen-agen sindiket ini akan membawa masuk ramai lagi pendatang-pendatang tanpa izin. Jadi kita berharap agar Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengambil kesempatan atau mengambil penguatkuasaan ini supaya perkara ini tidak berulang lagi. Boleh jadi kita akan hantar 1.4 juta pendatang tanpa izin, tetapi penguatkuasaan juga perlu dibuat. Perondaan juga perlu dibuat. Apa gunanya kalau kita hantar 1.4 juta tapi yang datang 2 juta?

Ini menunjukkan penguasaan juga perlu kita ambil perhatian, Tuan Yang di-Pertua. Kita juga tidak mahu mungkin ada anasir-anasir yang begitu cemburu dengan negara kita. Dia tahu siapa pendatang tanpa izin ini, siapakah mereka dia tahu. Adakah mereka datang untuk menggugat kita? Mungkin dia orang ini subversif daripada negara-negara lain yang cuba untuk memporak-perandakan negara kita. Inilah yang patut kita awasi. Saya rasa pendatang tanpa izin ini begitu berbahaya sekali jika kita melambat-lambatkan tindakan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya dan sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2005. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, walaupun usia baru tiga hari, tetapi cara berhujah itu macam sudah tiga tahun. Sekarang saya mempersilakan Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad.

#### **5.06ptg**

**Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya berucap. Saya cuba bagi secara point form untuk bagi peluang kepada Yang Berhormat yang lain supaya dapat berhujah pada petang ini.

Nombor 1 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan pihak kerajaan telah menekankan banyak kali berapa pentingnya supaya kita semua sama ada Ahli Dewan

ataupun pihak kerajaan melaksanakan projek-projek untuk menunaikan janji-janji kita kepada rakyat.

Saya suka menyentuh sekarang mengenai Kementerian Belia dan Sukan. Nombor 1 mengenai dengan Institut Kemahiran Belia Negara. Kita tahu dan sedar betapa pentingnya latihan pada belia-belia kita. Sekarang diurus oleh pihak kerajaan, mungkin bukan secara profesional. Kalau sekiranya Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) di semi-privatizedkan, dengan izin, kepada kumpulan-kumpulan profesional untuk mengurus dan mentadbirkan Institut Kemahiran Belia Negara secara lebih berkesan lagi, saya rasa ramai belia berpeluang keluar dengan jayanya. Saya telah mendapat tahu bahawasanya kos pentadbiran mengurus di IKBN pun memang mahal. Sekiranya di semi-privatizekan kepada pihak kumpulan profesional yang ada kebolehan dan pengetahuan dalam segi latihan vokasional, mudah-mudahan pelatih-pelatih yang dapat kelulusan nanti dapat keluar dan dapat kerja, tidaklah menjadi penganggur yang mana kita bincangkan pagi tadi.

Perkara Nombor 2 mengenai dengan koperasi. Koperasi adalah third sector of the economy of the country, dengan izin. Kita sekarang ada lebih kurang beribu, enam atau tujuh ribu buah koperasi yang telah bergerak dan hampir separuh yang tidak bergerak. Ada yang koperasi kecil, ada yang koperasi besar. Saya rasa sampailah masanya kalau kita pihak Kementerian Pembangunan Usahawan dan koperasi buat satu penyelidikan sama ada koperasi-koperasi ini dapat dibuat konsortium macam bank-bank lain. Macam koperasi guru-guru memanglah tidak boleh masuk dalam konsortium koperasi sekolah, tetapi besar-besar lain mungkin boleh difikirkan, mungkin boleh ditimbang untuk dikumpulkan semua koperasi yang bidang sama dalam satu konsortium supaya dapat diurus dan ditadbir secara profesional, maka koperasi ini boleh bergerak dengan lebih berkesan dan dengan lebih berfaedah untuk membangunkan ekonomi negara kita. Saya mencadangkan supaya pihak Kementerian Pembangunan Usahawan Koperasi dapat menimbangkan perkara ini.

Mengenai pembangunan usahawan. Sejak kemerdekaan kita lihat dan dapat menilai sejauh mana kesannya pembangunan usahawan sama ada pihak MARA atau pihak Kementerian. Tidak ada. Banyak pinjaman telah pun dibuat tetapi kesannya hanya segelintir sahaja orang Melayu Bumiputera kita yang telah berjaya. Oleh itu saya mencadangkan satu R&D ditubuhkan. Tiap-tiap kementerian patut menubuhkan satu R&D. Mungkin dengan membuat satu dasar dan garis panduan supaya

kementerian dapat mewujudkan satu hala tuju business plan bagaimana kita hendak buat tipa-tiap kementerian hendak mencapai kejayaan mengikut Dasar Ekonomi Baru yang ditetapkan, mengikut rancangan kita. Kita mesti ada business plan kita.

Di Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, saya mencadangkan dalam Pembangunan Usahawan mungkin seperti mana ditubuhkan Majlis Belia Negara, mungkin kita boleh tubuhkan Majlis Usahawan Negara supaya dapat dipimpin, dinasihatkan bagaimana terperinci dan berkesannya untuk membantu usahawan Bumiputera yang penaja-penajanya di kedai-kedai runcit dapat dinaikkan taraf daripada kecil ke besar. Itu cara yang kita hendak buat pelaksanaannya.

Lagi satu perkara, nombor tiga mengenai dengan bab NGO – *non-Government organization*, dengan izin. NGO patut memainkan peranan untuk membantu pihak kerajaan dan patut dipanggil oleh pihak EPU untuk turut serta dalam pembangunan negara, contohnya, dalam masyarakat Islam Hadhari. Sekarang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah banyak kali melaungkan bahawa ramai orang yang tidak faham mengenai dengan Islam Hadhari.

Kita hendak nyatakan di sini bahawa pegangan Islam memang sudah hadhari, tetapi hendak tubuhkan supaya masyarakat majmuk kita, masyarakat kita di Malaysia adalah masyarakat Islam Hadhari. Patutlah diberi peluang kepada NGO, mana-mana NGO yang dapat bergerak pada peringkat *grass-root*, pada akar umbi, untuk melatih rakyat kita di peringkat daerah atau Parlimen supaya mereka lebih lagi mengenal, tahu, faham mengenai dengan Islam Hadhari, masyarakat Islam Hadhari.

Oleh itu saya mencadangkan kepada pihak Jabatan Perdana Menteri, supaya pihak YADIM dapat bekerjasama dengan mana-mana NGO yang boleh menjalankan tugas ini dan bergerak ke peringkat daerah dan Parlimen supaya tiap-tiap rakyat kita di Malaysia dapat memahami mengenai dengan Islam Hadhari. NGO juga dapat memainkan peranan dalam segi sosial – dadah. Sekarang kita cakap gantung. Mungkin ada juga NGO yang dapat bekerjasama dengan pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri supaya mereka dapat memainkan peranan untuk mengasuh, mengajar, mendidik ataupun mentadbir pusat-pusat latihan di peringkat daerah lagi, di mana-mana daerah atau Parlimen yang kita kenal pasti adanya anasir-anasir. Contohnya, dadah, anti-sosial – peragut, boleh ditadbir, diuruskan oleh NGO bersama dengan pihak KDN di peringkat daerah lagi dan Parlimen, bukan di peringkat kebangsaan.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan NGO juga, iaitu sekarang banyak NGO telah ditubuhkan. Ada juga di antara NGO yang tidak berdaftar – nama NGO tetapi tidak berdaftar. Pihak kerajaan melalui Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mesti mengenal pasti mana-mana NGO yang tidak berdaftar mesti mendaftar. Kita tidak hendak lihat mana-mana NGO yang bergerak tidak berdaftar supaya melalui pendaftaran ini dapatlah *dimonitor*kan tiap-tiap NGO menjalankan peranan mereka mengikut Akta Pertubuhan yang diarah mereka menjalankan.

Saya berkata demikian oleh kerana saya rasa sampailah masanya NGO patut dipanggil, patut digerak oleh pihak kerajaan bersama-sama dengan EPU, bersama pihak kerajaan, bagaimana menggembeleng tenaga ahli-ahli bersama pihak kerajaan untuk melaksanakan pembangunan ekonomi negara. Dengan itu barulah kita dapat lihat keberkesanannya dalam arus perdana yang kita aturkan sejak beberapa tahun yang lampau.

Akhir sekali mengenai dengan *professional*, dengan izin. Sekarang kita bercakap mengenai profesionalisme. Apa itu profesionalisme? Ini bermakna tiap-tiap perkara yang kita mengambil tindakan mestilah berpandu kepada *task oriented*, dengan izin, ataupun *action oriented*. Jangan tiap-tiap kementerian, tiap-tiap daerah, tiap-tiap *organization* banyak bercakap, tetapi kita kena ada hala tuju, *forecast* kita, *business plan* kita supaya kita pandukan kepada *task* yang kita pegang, *must be oriented*kan program kita, supaya kita melaksanakan dengan tindakan. Sesuatu perkara itu mestilah ditadbir, mestilah dikawal selia oleh pihak pengurusan atau pihak lembaga pengarah di sesebuah organisasi atau pihak kementerian, oleh pihak KSU dan Menteriannya.

Dengan itu barulah saya rasa tidak ada mana-mana jabatan kerajaan ataupun pihak swasta dapat ditadbir secara profesional, sama ada swasta atau kerajaan mestilah ditadbir secara profesional. Kalau sekiranya ciri-ciri ini tidak ada, pekerja-pekerja di jabatan itu yang ada pengetahuan mungkin diberi satu institut kefahaman dalam segi pentadbiran pengurusan – mungkin kita ada *management development programme*, dengan izin, barulah kita dapat sesuaikan keadaan negara kita dengan pelaksanaan program yang kita buat baru-baru ini. Dengan itu saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2005. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk. Sekarang saya persilakan Tuan Lee Sing Chooi.

**5.16 ptg.**

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membahaskan Akta Perbekalan 2005. Di dalam bajet ini adalah strategi nombor tiga – Kementerian Pelajaran, B.41.

Tuan Yang di-Pertua, sistem pendidikan negara kita adalah bertujuan untuk menghasilkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan juga jasmani dan mempunyai daya ketahanan yang tinggi dan mampu memenuhi aspirasi dan kehendak dirinya, keluarga, masyarakat dan negara. Tetapi apa yang sedang berlaku di sekolah, terdapat proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang berorientasikan peperiksaan yang tidak dapat memenuhi matlamat sistem pendidikan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein yang berkata pada 12 Disember 2004, yang juga dilaporkan dalam Utusan Malaysia pada 13 Disember bahawa Kementerian Pelajaran akan membuat kajian secara menyeluruh supaya sistem pendidikan negara kita ini tidak lagi berorientasikan peperiksaan semata-mata. Untuk memberi maklum balas kepada Kementerian Pelajaran, maka di sini saya mencadangkan supaya UPSR – Ujian Penilaian Sekolah Rendah dianalisa dan dikaji semula, sama ada ujian penilaian tersebut dapat memenuhi kehendak-kehendak era terkini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya UPSR di peringkat pengajian rendah, maka kita nampak P&P yang berorientasi peperiksaan ini berleluasa. Antara kelemahan-kelemahan yang lain adalah seperti berikut:

- (i) keutamaan dan penekanan dalam pencapaian akademik dalam ujian dan peperiksaan;
- (ii) kegagalan sekolah menyeliaikan satu persekitaran yang kondusif, selesa menarik di samping mewujudkan suasana pembelajaran yang bersemangat, saling bertindak, berkreaitif bagi murid-murid dan guru-guru;
- (iii) kelemahan dalam aplikasi ilmu dan kemahiran yang telah dididik;
- (iv) aktiviti sukan dan kokurikulum tidak diberi perhatian yang berpatutan;
- (v) kerja sekolah yang berlebihan;

- (vi) tuisyen yang berleluasa tanpa mengira keperluan murid-murid;
- (vii) maklumat Kementerian Kesihatan juga memberi tahu, seramai 13% golongan umur antara lima hingga lima belas menghadapi penyakit mental atau masalah mental termasuk ketakutan hendak belajar, dan juga kegagalan dalam pendidikan untuk menghasilkan insan yang seimbang yang disebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, ini juga menimbulkan ketiadaan minat untuk membaca untuk meningkatkan ilmu yang tidak bersangkutan paut dengan peperiksaan. *The interest of reading and learning is cured at early age*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga nampak kelemahan-kelemahan terhadap murid-murid yang lemah dan tidak dapat markah-markah yang cemerlang dalam peperiksaan. Murid-murid yang lemah ini, bakat dan kebolehan mereka ini dalam bidang-bidang lain selain daripada mata pelajaran-mata pelajaran akademik tidak dipupuk langsung dan tidak diperkembangkan. Kekurangan bantuan dan galakan untuk menegakkan keyakinan diri murid-murid yang lemah.

Lagi satu, murid-murid yang lemah ini rasa tidak ada tempat di sekolah. Murid-murid yang lemah itu juga diganti oleh murid-murid yang lain untuk mengambil peperiksaan UPSR. Lagi satu, perhatian yang diberi kepada murid-murid tersebut hanyalah masalah disiplin. Layanan yang agak kurang kasih sayang di sekolah mengakibatkan sesetengah pelajar melibatkan diri dalam pelbagai gejala sosial.

Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja pendidikan berorientasikan peperiksaan itu mendatangkan kerosakan kepada murid-murid yang lemah. Kepada murid-murid yang cerdas pandai juga, adakah kelemahan-kelemahan terhadap mereka.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Banyak lagikah, Yang Berhormat?

**Tuan Lee Sing Chooi:** Tidak. Kelemahan yang terdapat adalah tumpuan tenaganya untuk mendapatkan A sahaja. Kompetensi-kompetensi yang mustahak seperti inovasi, kreativiti, kepimpinan, kemahiran berinteraksi dan berkomunikasi tidak langsung diberi perhatian. Potensi budak-budak cerdas pandai itu disekat.

Tuan Yang di-Pertua, minat pembelajaran untuk bertambah baik dan belajar sepanjang hayat yang terancam itu macam mana sistem pendidikan negara kita boleh menghasilkan generasi muda yang berilmu pengetahuan, berkemahiran, berkreaitif, berkepimpinan dan berakhlak mulia. Sistem Pendidikan Malaysia yang

berorientasikan peperiksaan tidak akan membantu dan menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, sistem kemasukan secara automatik ke sekolah menengah tidak perlu mengambil kira keputusan UPSR. Semua boleh masuk ke peringkat menengah. Jadi saya cadangkan bahawa sistem penilaian UPSR dibatalkan dan digantikan dengan penilaian di peringkat sekolah masing-masing iaitu PKBS, Penilaian Kemajuan Berasaskan Sekolah.

Bajet yang diperuntukkan untuk membiayai kos UPSR itu juga boleh dijimatkan dan digunakan untuk tujuan pendidikan yang lain seperti usaha-usaha memperkembangkan potensi dan bakat murid.

Tuan Yang di-Pertua, inilah berkenaan dengan Kementerian Pelajaran.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saranan Yang Berhormat tadi sudah cukup jelas.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Dengan ini saya menyokong akta ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr) Hajah Nik Azizah.

#### **5.26 ptg.**

**Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2005.

Syukur ke hadrat Allah S.W.T dengan izinnya Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Kewangan telah dapat membentangkan Bajet Negara 2005 pada 10 September yang lalu. Beliau telah meneruskan perjuangan dengan hasrat untuk menjamin kesinambungan kejayaan yang telah dicapai oleh Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir bin Mohamad. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri Malaysia sewajarnya bersedia untuk mencipta kejayaan yang lebih gemilang di negara yang tercinta ini.

Sebagai memenuhi segala janji yang terkandung dalam manifesto Barisan Nasional pada Pilihanraya Umum yang lalu, tahun 2005 menutup tirai Rancangan Malaysia Kelapan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sudah bertekad

dengan matlamat dan cita-cita supaya setiap rakyat dapat menikmati kehidupan yang sejahtera dalam suasana harmoni tanpa mengira keturunan, pegangan agama dan taraf sosial. Bajet 2005 disifatkan sebagai bajet mesra rakyat dengan mengambil pandangan semua lapisan masyarakat dan kaum.

Tuan Yang di-Pertua, syukur alhamdulillah kerana kerajaan sentiasa sedar betapa pentingnya peranan guru dalam melahirkan pelajar berkualiti. Pelbagai insentif dan kemudahan telah diadakan untuk golongan guru. Dengan ini mereka dapat terus membina keupayaan membangunkan masyarakat berpengetahuan, program memantapkan sistem pelajaran harus diteruskan termasuk program pengajaran dan pembelajaran, Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, perluasan program ICT melalui projek pengkomputeran dan *schoolmate*.

Rancangan sedemikian dapat mencapai matlamat kerajaan bagi menjadikan sistem pendidikan negara yang terbaik di rantau Asia ini. Saya bagi pihak rakyat Kelantan merayu pihak Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia supaya memberi pertimbangan untuk meluluskan pembinaan sebuah universiti di negeri Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut berita terkini baru-baru ini ada kehilangan 200 set kertas jawapan Bahasa Melayu, Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di Kota Bharu, Kelantan. Kertas jawapan ini disimpan dalam kereta dan ianya hilang. Kejadian ini telah terjadi kali kedua. Sepatutnya pergerakan kertas jawapan peperiksaan perlu dijaga rapi oleh mana-mana pihak. Tidakkah ada syarat-syarat pihak kerajaan dan kementerian apabila diberi kertas jawapan kepada guru-guru berkenaan, sedangkan kertas soalan sebelum dikeluarkan dijaga begitu rapi.

Tuan Yang di-Pertua, Program Latihan Khidmat Negara adalah satu program pembinaan sahsiah diri bermatlamatkan membina dan mengukuhkan semangat patriotisme di kalangan generasi muda, memupuk perpaduan kaum serta integrasi nasional dan membentuk perwatakan positif, *character building* menerusi nilai-nilai murni dan sama-samalah kita doakan program ini dapat melahirkan generasi muda bersemangat patriotik yang lebih kental dan bersedia berkorban untuk negara.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, maaf, minta duduk sekejap. Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 11(5), saya lanjutkan Majlis Mesyuarat hari ini selama 15 minit lagi. Sila teruskan, Yang Berhormat.

**Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi tiap-tiap tahun, pengambilan peserta terhadap kepada 85 ribu orang sahaja dan pemilihan ini melalui satu sistem pemilihan berkomputer. Adakah seseorang boleh memohon untuk memasuki PLKN secara sukarela kerana tidak terpilih tetapi berminat menyertai PLKN?

Tuan Yang di-Pertua, melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dapat mewujudkan sebuah masyarakat Malaysia yang maju dan mantap. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri amat prihatin terhadap Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Dalam usaha mewujudkan masyarakat penyayang, peruntukan besar juga disediakan bagi melaksanakan program pembangunan wanita termasuk Nur Bestari, Literacy Undang-undang, Kempen Menangani Keganasan Ke Atas Wanita serta Kanak-Kanak yang Teraniaya kepada NGO dan kebajikan terpilih yang mengendalikan rumah perlindungan wanita dan kanak-kanak termasuk pemulihan akhlak dan pusat harian warga emas.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan program keluarga Semakin Hari Semakin Sayang anjuran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang mana ianya bertujuan melahirkan bangsa Malaysia yang berperibadi mulia serta memiliki nilai murni yang kukuh. Selain itu juga, bertujuan untuk melahirkan institusi keluarga yang kukuh, berakhlak, sihat, berilmu dan harmoni.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya ada menaiki LRT dari Taman Paramount, Petaling Jaya ke Wangsa Maju, Ulu Klang. Perjalanan PJ ke Ulu Klang sentiasa sibuk trafiknya, jadi saya memilih untuk naik LRT. Saya amat kagum melihat iklan yang ditampal di dinding dalam LRT, dalam kenderaan itu penuh dengan kata-kata hikmah umpamanya, "Utamakan keluarga, kasih sayang membawa bahagia", Family First – Bring Your Heart Home", "Anda dibesarkan dari sekecil tapak tangan, mengapa kini ayah dan ibu anda ditinggalkan?", "Bila berjauhan, masa tidak mengizinkan, SMS mendekatkan", "Mom always cares, care to SMS?". Ada lagi Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik dengan itu, "Hari demi hari usia mereka meningkat, sayangi anak sebelum mereka terlambat" - *"your loved one is another day older, what did you do together today?"* Lagi, anak-anak membesar tanpa disedari, apakah yang anda lakukan bersama mereka hari ini? Ada satu lagi, oh maaf, sudah habis ya. Saya memang menulis dalam LRT. Sesiapa yang naik LRT sudah pasti akan membaca tulisan-tulisan yang besar dan terang terpampang di dinding sekeliling.

Kami wanita Kelantan melalui LPPKN dan Jabatan Pembangunan Wanita telah melaksanakan beberapa aktiviti bagi menerapkan nilai Semakin Hari Semakin Sayang di peringkat akar umbi berbentuk ceramah, bengkel, kursus dan sebagainya. Saya minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat penjelasan lanjut, langkah-langkah program selanjutnya setelah kementerian sekarang sudah menambah bidang tugas dari Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga ke Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Saya percaya keseluruhan pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO) telah turut serta sama dengan Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga di tiap-tiap daerah dalam kawasan Parlimen di tiap-tiap negeri keseluruhan Malaysia. Mereka telah banyak menyumbang terutama dalam membantu kerajaan untuk menangani masalah sosial. Saya ingin tahu dari pihak kementerian, berapa banyakkah pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO) terutama golongan wanita yang tampil ke kementerian untuk bekerjasama dan setakat manakah sumbangan mereka itu?

Tuan Yang di-Pertua, kami wanita Negeri Kelantan mengucapkan tahniah dan jutaan terima kasih kerana pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah memainkan peranan sehingga balu-balu, ibu tunggal yang menerima pencen gemulah suami boleh terus menerima pencen walaupun berkahwin semula. Ini adalah baik kerana untuk faedah anak-anak yang ditinggalkan ayah.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pencen ini, saya sebagai Setiausaha Agung Perkumpulan Perempuan Malaysia, seluruh Malaysia ada lebih kurang 25 ribu anggotanya ada membawa usul untuk membawa kepada mendesak dan merayu kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Bahagian Unit Pencen, boleh saya teruskan Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Satu minit lagi Yang Berhormat.

**Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya:** Supaya potongan 30% pencen terbitan, pencen gemulah yang dikenakan kepada balu-balu yang menerima pencen tersebut dimansuhkan kerana terdapat balu-balu ibu tunggal yang terlibat dengan pemotongan tersebut masih menanggung anak-anak yang masih bersekolah di tingkatan menengah atas dan di institut pengajian tinggi. Ibu-ibu tunggal itu semasa kematian suami, usia masih muda dan anak-anak masih kecil. Jadi bila tiba masa 12 tahun setengah, pemotongan 30% ini berlaku, ibu-ibu tunggal tersebut tidak berkahwin lagi dan anak-anak yang masih bersekolah adalah

menjadi tanggungjawab kepada ibu-ibu tunggal tersebut. Kalau pencen terbitan Allahyarham suami itu besar kata mereka, ribu-ribu ringgit, tidaklah terasa sangat tetapi bagaimanakah kalau pencen terbitan tersebut hanyalah RM100 sahaja bila dipotong 30%. Tentulah terlalu rumit dan menyusahkan untuk ibu-ibu tunggal tersebut menanggung anak yang masih bersekolah dan menyara kehidupan harian.

Kos kehidupan kita sekarang amat tinggi dengan keadaan seperti yang dinyatakan di atas. Fikirlah bagaimana ibu-ibu tunggal tersebut untuk menyara hidup keluarga. Sebahagian daripada ibu-ibu tunggal tersebut tiada pendapatan tetap, kalau yang bekerja pun pendapatannya tidaklah selumayan yang diharapkan, hanya sekadar lepas makan sahaja. Perkara ini dimajukan oleh mereka ini dan sempena Hari Ibu, wajarlah usul seperti ini kita perjuangkan demi membela nasib ibu-ibu tunggal yang terpaksa mengharungi nasib kurang baik akibat pemotongan 30% tersebut sebelum usaha kita ini berjaya, kata mereka.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masanya singkat, maka dengan kata-kata ini saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih atas kerjasama Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Puan Hajah Samsiah binti Samsudin.

**5.39 ptg.**

**Puan Hajah Samsiah binti Samsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2005 ini. Saya juga mengalu-alukan usaha kerajaan untuk penambahbaikan pertumbuhan ekonomi negara dengan menurunkan empat strategi Bajet 2005 ini. Saya hanya ingin menyentuh beberapa kementerian sahaja dan mungkin saya mengambil masa dalam lima minit sahaja.

Yang pertama ialah Kementerian Pelajaran. Kita semua tahu bahawa matlamat kerajaan adalah menjadikan sistem pendidikan negara bertaraf dunia. Peruntukan terbesar diberi kepada sektor pendidikan, iaitu hampir  $\frac{1}{4}$  daripada peruntukan mengurus di dalam tahun 2005. Beberapa program memantapkan sistem pelajaran akan diteruskan termasuk program pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik di dalam bahasa Inggeris.

Bagi guru-guru yang mendapat elaun ataupun insentif bahasa Inggeris, mereka tentulah seronok dan bersemangat. Bagi guru-guru lama yang hanya ada sijil am

sahaja tetapi mengajar mata pelajaran bahasa Inggeris buat beberapa tahun, ada yang semenjak keluar dari maktab hingga sekarang tidak mendapat apa-apa imbuhan ini oleh sebab kesilapan teknikal sahaja, iaitu di dalam sijil hanya tulis semua mata pelajaran kecuali bahasa Inggeris, tetapi mereka mengajar bahasa Inggeris. Tidakkah kementerian boleh berbuat apa-apa dalam hal yang seperti ini? Janganlah sampai guru-guru yang seperti ini merungut berterusan hingga boleh terabai tugas yang telah ditentukan.

Yang kedua, alat-alat PNP; ICT dan *laptop* yang telah rosak harap ada peruntukan khas untuk penyelenggaraan, kalau boleh yang teruk itu diganti baru, gantilah baru kerana ada ditanya kepada guru-guru ini, dia kata alat-alat ini tidak boleh dipakai lagi.

Yang ketiga, peruntukan per kapita perlu ditambah kerana hari ini sebagai mana yang kita tahu bil pun sudah meningkat, bilik-bilik – bilik guru, bilik ICT sudah menggunakan *air-con*, jadi kebanyakan duit-duit ini hanya digunakan untuk membayar bil-bil ini sahaja. Jadi di kesempatan ini kita mengharapkan agar peruntukan per kapita kepada murid-murid ini perlu ditambah lagi.

Yang keempat, bangunan sekolah yang lama harus diubah suai, kalau boleh dirobohkan dan digantikan dengan bangunan baru seperti pelan sekolah baru yang ada sekarang iaitu berbentuk *U shape*. Jadi kalau dahulu ia melata sahaja, guru besar hendak buat pemantauan terpaksa berjalan dari hujung sana hingga ke hujung sini. Kalau sekarang bangunan yang baru iaitu berbentuk U tadi mudah sahaja guru-guru besar membuat pemantauan. Jadi kita harap bangunan sekolah yang lama ini dirobohkan dan dibina semula dengan rangka yang baru.

Yang kelima, keramaian murid dalam setiap darjah hendaklah dikurangkan; kalau boleh hanya 30 orang sahaja bagi mengelakkan kepadatan dan bagi membolehkan guru-guru memberi sepenuh tumpuan kepada guru ini.

Yang keenam, nisbah guru satu kelas kepada 1.5 guru hendaklah dinaikkan kepada satu kelas kepada dua orang guru seperti mana sekolah-sekolah berasrama penuh. Sekolah-sekolah berasrama penuh ini, murid-muridnya adalah murid-murid yang terpilih yang mendapat 5A di dalam Ujian Peperiksaan Sekolah Rendah, tetapi muridnya tidak ramai, hanya sehingga 20 orang sahaja dan guru-guru yang berkelulusan baik. Jadi diharapkan kalaulah sekolah biasa ini mendapat nisbah guru yang seperti ini, alangkah baiknya.

Rumah-rumah guru hendaklah ditambah terutama di pedalaman. Rumah guru yang usang hendaklah dirobuhkan dan diganti baru kalau boleh diwujudkan perkampungan guru seperti yang ada di beberapa tempat.

Skim pinjaman buku teks hendaklah diperluaskan iaitu kepada semua murid-murid tanpa mengira pendapatan ibu-bapa ataupun penjaga di sekolah rendah mahupun di sekolah menengah.

Prasekolah - Sepatutnya semua sekolah rendah pada hari ini sudah mempunyai pra-sekolahnya sendiri iaitu mewajibkan murid-murid ke sekolah ketika berumur 6 tahun lagi. Gurunya hendaklah guru-guru yang terlatih di dalam bidang ini.

Skim *voucher* tuisyen yang tidak mencapai matlamatnya hendaklah dikenal pasti apakah puncanya.

*One-off* ataupun dikenali sebagai sekali bayaran sekali gus hendaklah diteruskan dan diperluaskan lagi. Sumbangan ini sangat bermakna kepada murid-murid yang memerlukan.

Ada guru-guru yang bermasalah, ada guru-guru yang mental. Bagaimana harus kita buat kepada guru-guru yang seperti ini sedangkan mereka masih terus lagi mengajar di sekolah yang tertentu?

Memberi peruntukan khas setiap tahun untuk menjalankan aktiviti-aktiviti selepas peperiksaan UPSR ataupun PMR seperti mana yang kita sentuh di dalam soalan lisan yang lalu.

Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, saya tidak akan menyentuh berkenaan dengan Polis Diraja Malaysia tetapi ingin menyentuh berkenaan dengan Jabatan Penjara. Gaji kakitangan penjara hendaklah dinilai semula seperti juga kakitangan Polis. Peruntukan ataupun elaun kritikal juga hendaklah diberi kerana tugas sebagai *warder* bukannya mudah. Mereka berhadapan dengan penjenayah.

Kakitangan penjara hendaklah ditambah nisbah satu pegawai penjara kepada tiga orang banduan yang sepatutnya tetapi tidak menjadi. Hingga ke hari ini satu pegawai kepada 100 banduan. Alangkah kritikalnya! Ini soalan yang telah saya bawa dan itulah jawapan yang telah diberikan tempoh hari.

Kementerian Kewangan, saya ingin menyambung lagi semula apa yang telah lagi dibawakan oleh Datin tadi, iaitu balu yang menerima pencen terbitan. Selepas beberapa tahun nilainya akan turun yang disebutkan tadi hingga 30%. Apabila kita tanya, jawapannya ialah balu sudah tua, kalau tidak ada anak lagi, kalau sudah tua,

balu tidak pakai banyak wang, sedangkan sudah tualah kita perlu banyak wang untuk kegunaan membeli ubat ataupun menggaji pembantu. Sehubungan dengan itu saya memohon kerajaan mengekalkan nilai pencen yang diterima itu.

Seorang wanita yang berkahwin dengan pesara, apabila suaminya meninggal mereka tidak ada sumber kewangan kerana pencen suaminya tidak dapat dinikmati oleh balu ini. Adakah Tuan Yang di-Pertua tahu hal ini? Sedangkan anak-anak ramai dan masih kecil. Harap mendapat pertimbangan agar kerajaan dapat menurunkan pencen suaminya kepada balu yang mempunyai tanggungan ini.

Ada suami yang pesara yang telah ditinggalkan isterinya. Jadi pesara ini berkahwin dengan yang baru, apabila sudah berkahwin dengan yang baru tentulah isterinya itu muda. Jadi mendapat anak. Apabila pesara ini meninggal, isteri ini tadi tidak dapat menikmati pencen suaminya. Jadi kita mohonlah hari ini supaya isteri yang seperti ini juga boleh menerima pencen suaminya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Itu sudah jelas, Yang Berhormat .

**Puan Hajah Samsiah binti Samsudin:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

**Puan Hajah Samsiah binti Samsudin:** Satu lagi ini. Adakah Tuan Yang di-Pertua tahu wanita yang melahirkan anak yang kelima, cuti bersalin tidak dibayar gaji, Yang Berhormat. Jadi saya merasakan bahawa penambahan penduduk tidak menepati sasaran. Salah satu puncanya adalah disebabkan ini. Jadi sehubungan ini kita mintalah supaya dapat menimbangkan permintaan wanita ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan. Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup, Yang Berhormat ini.

**Puan Hajah Samsiah binti Samsudin:** Terima kasih Yang Berhormat, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih atas kerjasama Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat kita termasuk masa lanjutan telah pun cukup dan esok pihak kerajaan akan menggulung dan menjawab.

Saya tangguhkan mesyuarat kita petang ini kepada jam 10.00 pagi esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.45 petang.***